

Membina
dan Membela


LAPORAN TAHUNAN
2012

MISI

- Perbadanan pelaburan negeri yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan negara melalui entiti bisnes yang dilaksanakan dengan efisien serta efektif dengan mengambil kira kepentingan masyarakat.
- Mengekalkan kedudukan sebagai entiti bisnes yang meneraju dan menguasai pasaran, berdaya saing, menjana keuntungan serta disegani.
- Berperanan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan bisnes yang mapan dan seterusnya menempa kejayaan untuk melunaskan obligasinya sebagai perbadanan pelaburan negeri.
- Menyumbang dan meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat melalui kejayaan bisnes serta pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat.

VISI

- Membina dan Membela



RASIONAL MUKA HADAPAN

Pembentukan imej rama-rama daripada percikan dan riak air

Elemen air merupakan satu simbol yang mendukung sifatnya yang bersih, telus, fleksibel serta menjadi asas kehidupan. Ia berupaya meresap ke segenap ruang dan liku sebagai zat kehidupan serta memiliki kekuatan melarutkan pepejal seperti batu walaupun sifatnya yang lembut dan cair.

Kehadiran tekanan terhadap permukaan air yang tenang membawa kepada perubahan dan penjaan tenaga, sekaligus ini boleh diterjemahkan sebagai anjakan paradigma baru Johor Corporation (JCorp) yang sedang melalui perjalanan transformasi korporat bagi mengoptimumkan lagi prospek pertumbuhannya.

Pepatah Melayu menyebut 'air dicincang tidak akan putus' dan ini boleh digambarkan dari perspektif kekukuhan struktur JCorp sebagai badan pelaburan negeri yang dinamik, bertanggungjawab dan memiliki sinergi dalam keseluruhan strategi serta operasinya ke arah membina kekuatan portfolio pasaran dan penerokaan baru secara meluas.

ISI KANDUNGAN

SEKSYEN 1		SEKSYEN 4	
PENYATA KORPORAT	2-8	PROSPEK	
SEKSYEN 2		■ Laporan Ekonomi	26
MENGENAI JOHOR CORPORATION		■ Bisnes Sawit (Kulim)	27-33
■ Profil Korporat dan Maklumat Korporat	9	■ Makanan & Perkhidmatan Restoran Segera	34-37
■ Struktur Bisnes & Korporat	10-11	■ Prisihatin	38-41
■ Lembaga Pengarah	12-13	■ Hartanah	42-51
■ Profil Lembaga Pengarah	14-15	■ Hospitaliti	52
■ Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Pengarah	16	■ Khidmat Sokongan & Pelaburan	53
■ Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah	17	■ Intrapreneur	54-55
■ Jemaah Lembaga Tawaran Dan Jemaah Lembaga Pelantikan Perunding	18	SEKSYEN 5	
■ Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan (TERAJU)	19	TADBIR URUS KORPORAT	56
■ Jawatankuasa TERAJU Korporat	20	■ Laporan Jawatankuasa Audit	59
■ Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)	21	■ Penyata Kawalan Dalaman	60
■ Jawatankuasa Pengawasan Pelaburan (JAWS)	22	■ Penyata Pengurusan Risiko	62
SEKSYEN 3		SEKSYEN 6	
RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN 2006-2012	24-25	TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT	64-71
SEKSYEN 7		SEKSYEN 8	
		■ Pembangunan Modal Insan	72
		■ Sari Peristiwa Penting 2012	74-79
		■ Anugerah dan Pengiktirafan	80
		LAPORAN KEWANGAN	81



**YAB DATO' HAJI ABDUL GHANI
BIN OTHMAN**
Menteri Besar Johor
Pengerusi Johor Corporation

**YB DATO' KAMARUZZAMAN
BIN ABU KASSIM**
Presiden & Ketua Eksekutif
Johor Corporation

PENYATA KORPORAT



MENEPATI JANJI – SATU KOMITMEN BERTERUSAN

Pada 2012, satu lembaran baru dalam perjalanan transformasi korporat Johor Corporation (JCorp) berjaya disempurnakan melalui pelaksanaan Pelan Penstrukturan dan Rasionalisasi Korporat (CRRP). Objektif CRRP dicapai melalui rasionalisasi aset dan pengukuhan nilai manakala strategi korporat direncana dengan teliti dalam merealisasikan dan mencairkan nilai aset JCorp bagi mengoptimumkan lagi prospek pertumbuhan Kumpulan Johor Corporation (Kumpulan).

Dana pelaksanaan CRRP diperoleh menerusi kejayaan penerbitan program Nota Jangka Sederhana Islam yang dinamakan Sukuk Wakalah Bil Istitmar dengan nilai nominal RM3.0 bilion yang dijamin oleh Kerajaan Malaysia.

Pada separuh kedua tahun tersebut juga, JCorp telah berjaya melunaskan bon berjumlah RM3.6 bilion mengikut jadual tempoh matangnya.

RANGKUMAN EKONOMI 2012

Ekonomi dunia berkembang lebih baik berbanding jangkaan pada suku pertama 2012 dengan aliran peningkatan yang disumbang sebahagiannya oleh pelaksanaan dasar-dasar yang diambil pemimpin-pemimpin Kesatuan Eropah (EU) yang berjaya meningkatkan keyakinan pelabur di rantau itu. Bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi global pada separuh kedua 2012 adalah kurang memberangsangkan

dan aktiviti pembuatan sebahagian besar ekonomi mencatatkan penurunan berdasarkan penanda aras Indeks Pengurusan Pembelian Pembuatan (PMI).

Ekonomi Malaysia kekal berada pada kedudukan yang kukuh. Pada suku ketiga 2012, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bergerak secara sederhana namun kekal positif pada kadar 5.2 peratus berbanding 5.6 peratus pada suku kedua. Pertumbuhan disumbang permintaan domestik yang kukuh dengan pertumbuhan kepenggunaan swasta serta pelaburan swasta dan awam yang terus memberangsangkan meskipun sedikit perlahan. Eksport bersih bagaimanapun terus menguncup disebabkan penyusutan permintaan luaran bagi sektor pembuatan dan komoditi. Kekukuhan ekonomi negara dipandu oleh peningkatan permintaan pengguna domestik dan impak positif Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dilancarkan oleh Kerajaan Persekutuan.

PENYATA KORPORAT



PRESTASI KEWANGAN

JCorp mencatatkan prestasi membanggakan dengan merekodkan perolehan berjumlah RM5.64 bilion dan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM868 juta pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2012. Prestasi ini dicapai di sebalik latar ekonomi global yang begitu mencabar dan harga komoditi yang lebih rendah mempengaruhi sebilangan besar sektor ekonomi di samping penjaan nilai Kumpulan dalam pelbagai sektor bisnes asas melalui pelupusan, pengambilalihan dan pengukuhan aset serta penerokaan sektor-sektor bisnes baru. Pelunasan obligasi turut membantu mengurangkan liabiliti Kumpulan.

Pertumbuhan perolehan telah dicatatkan dalam semua sektor yang diceburi iaitu Perladangan, Makanan & Perkhidmatan Restoran Segera, Prisihtin dan Hartanah.

Keuntungan sebelum cukai yang dijana, berjumlah RM868 juta, menunjukkan peningkatan sebanyak 60.7 peratus berbanding tahun sebelumnya. Ini membolehkan JCorp terus memaju dan meluaskan bidang-bidang bisnesnya, melaksanakan peranan pembangunan dan menjalankan inisiatif-inisiatif tanggungjawab sosial korporat.

Ciri kepelbagaian JCorp sebagai sebuah entiti pemegang pelaburan dan kebolehcapaian dalam pelbagai sektor ekonomi di Malaysia menyumbang kepada pertumbuhan perolehan. Semua sektor bisnesnya – Perladangan, Prisihtin, Hartanah, Makanan & Perkhidmatan Restoran Segera serta Intrapreneur - telah menjana kemapanan pulangan yang telah meningkatkan keuntungan di

peringkat Kumpulan. Dalam menghadapi tahun yang mencabar, dengan melakukan perimbangan dalam obligasi serta komitmen, kami terus komited dalam menyempurnakan pelan transformasi bisnes strategik dan keazaman untuk memberikan yang terbaik berdasarkan potensi dan janji kami.

PERISTIWA KORPORAT

Satu langkah proaktif telah diambil untuk mengukuhkan penyata pendapatan JCorp menerusi penerbitan Sukuk Wakalah. Tawaran pada harga menarik yang diasaskan kepada penawaran berdasarkan permintaan telah menerima bidaan 3.68 kali berbanding penawaran, dengan nilai keseluruhan RM11.05 bilion.

Satu lagi peristiwa korporat yang signifikan pada 2012 adalah pengambilalihan semua aset dan liabiliti QSR Brands Bhd dan KFC Holdings (Malaysia) Bhd yang telah membawa kedua-dua syarikat francais korporat pengendali makanan dan restoran segera tersebut lebih rapat kepada JCorp menerusi pegangan ekuiti efektif 51 peratus Kumpulan di dalam Massive Equity Sdn Bhd (MESB) dengan baki 49 peratus dipegang oleh Melati Asia Holdings Ltd, syarikat usahasama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan CVC Capital Partners. QSR Brands Bhd serta KFC Holdings (Malaysia) Bhd yang sebelum ini merupakan syarikat dalam Kumpulan Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim) dan beroperasi di lima negara kini dikawal secara terus oleh JCorp. Prospek bagi bisnes makanan dan restoran segera adalah begitu besar.

PENYATA KORPORAT



DANA JOHOR

Bermula 2 Julai 2012, JCorp telah melancarkan Skim Dana Johor RM1 (SDJ1), satu skim belian balik yang memberi manfaat kepada lebih 35,000 pemegang unit. Skim ini membolehkan pemegang unit memohon belian balik pada harga tawaran RM1.00 seunit dan/atau pembayaran gratuiti 50 sen seunit. Skim ini merupakan pengukuhan kepada skim pemulihan harga sebelumnya iaitu Skim Belian Balik Bersyarat (SBBB) yang tamat pada 31 Mac 2012. JCorp setakat ini telah menyumbang sejumlah RM226 juta bagi kedua-dua skim tersebut.

TADBIR URUS KORPORAT

Dasar pematuhan JCorp terhadap tadbir urus korporat yang baik dalam operasinya merupakan asas kepada keupayaan untuk terus bertenaga dan kompetitif di tengah-tengah ketidaktentuan global serta perubahan dalam keperluan dan operasi bisnis hari ini. JCorp telah mengamalkan tadbir urus korporat yang baik secara konsisten dalam setiap aktiviti serta transaksi bisnis syarikat-syarikat dalam Kumpulan. Kami berbangga dengan piawaian dan reputasi tadbir urus korporat yang telah kami bina.

JCorp memiliki struktur tadbir urus korporat dengan sistem kawalan dalaman yang jelas, pelaporan dan garis pertanggungjawaban, serta prosedur yang mudah difahami. Tadbir urus korporat dalam JCorp diselenggarakan secara sistematik menerusi pelbagai jawatankuasa yang memenuhi keperluan membuat keputusan pada setiap peringkat meliputi operasi, kewangan

dan isu-isu strategik dalam penyampaian bisnis yang terdiri daripada Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah, Jemaah Lembaga Tawaran dan Jemaah Lembaga Pelantikan Perunding, Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan (TERAJU), Jawatankuasa Teraju Korporat, Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) dan Jawatankuasa Pengawasan Pelaburan (JAWS).

Keberkesanan dan kecekapan tadbir urus korporat JCorp juga diaplikasikan dalam pengendalian 282 syarikat dalam Kumpulan. Empat syarikat tersenarai mempunyai penyata tadbir urus korporat masing-masing yang terikat dengan syarat-syarat penyenaraian di bursa saham di samping komitmen JCorp dalam memastikan pematuhan terhadap Enakmen Kerajaan Negeri Johor sebagai sebuah badan berkanun.

Kami percaya bahawa nilai-nilai tersebut amat penting untuk membina jenama berdaya tahan dan mengekalkan nilai pihak berkepentingan. JCorp juga menetapkan piawaian yang tinggi dalam pengamalan korporat sejajar dengan prinsip dan garis panduan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang dikemaskini.

INISIATIF PENGUKUHAN ASET

Penambahbaikan dan penjenamaan semula Plaza Kotaraya yang kini dikenali sebagai Galleria@Kotaraya merupakan satu pencapaian signifikan Damansara Assets Sdn Bhd, syarikat anak dalam Kumpulan. Proses penambahbaikan dan penjenamaan semula tersebut telah berjaya dilakukan melalui kerja-kerja

PENYATA KORPORAT

pengubahsuaian yang bernilai lebih RM40 juta. Usaha ini telah dijalankan untuk meningkatkan imej *Central Business District* (CBD) Johor Bahru seluas 159 hektar sekaligus menaikkan reputasi Bandaraya Johor Bahru sebagai sebuah metropolis bertaraf dunia. Dengan lokasi yang terletak di tengah-tengah pusat Bandaraya Johor Bahru, Galleria@Kotaraya merupakan sebuah pusat beli-belah lima tingkat berkeluasan 546,530 kaki persegi di atas tapak berkeluasan penuh 4.45 hektar bagi keseluruhan projek Kotaraya. Galleria@Kotaraya merupakan satu dari beberapa inisiatif yang telah dibuat di peringkat Kumpulan dalam usaha mengubahsuaikan dan menambahbaik lanskap Johor Bahru seiring dengan Program Transformasi Ekonomi bagi Bandaraya Johor Bahru.

Satu lagi projek pembangunan yang sedang giat dijalankan ialah KOMTAR, sebahagian daripada inisiatif pembangunan CBD yang akan merangkumi sudut ruang niaga yang diperbaharui, menara pejabat dan hotel, yang keseluruhannya akan dikenali sebagai *Johor Bahru City Centre* (JBCC).

Kerja-kerja penambahbaikan The Puteri Pacific Hotel Johor Bahru juga telah bermula pada 2012. Projek ini merupakan sebahagian daripada pelan pengukuhan aset jangka panjang: menawarkan premis berwajah baru dengan bilik dan fasiliti yang lebih selesa demi menawarkan perkhidmatan terbaik terhadap keperluan pelanggan. Ia juga meningkatkan keupayaan untuk bersaing dengan hotel-hotel baru di sekitar Bandaraya Johor Bahru.

Pembangunan Bandar Dato' Onn terus merealisasikan potensi dan nilai tanah Johor Land Berhad berikutan lokasinya yang strategik di dalam Wilayah Iskandar Malaysia. Lokasi geografi yang memberangsangkan ini telah memberi laluan untuk kami memanfaatkan peluang terhadap permintaan dan keperluan yang

meningkat berikutan perkembangan yang semakin giat di Iskandar Malaysia dan kawasan sekitarnya.

Pelabuhan Tanjung Langsat (TLP) pula kekal fokus dalam bisnes pembolehupaya minyak dan gas (O&G Enabler). Pelabuhan ini memainkan peranan penting dalam mengambil peluang dan membantu memacu ekonomi Johor menerusi sektor O&G. Kerja-kerja pengerukan untuk memastikan kedalaman yang sesuai bagi alur navigasi dan laluan ke dermaga telah dijalankan pada 2012. Inisiatif ini, serta beberapa program penambahbaikan infrastruktur lain akan memastikan keupayaan TLP dalam mengoptimumkan penggunaan pelabuhan dan infrastrukturnya. Sejurus selesai projek-projek tersebut secara keseluruhan, Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat, Kluster Perindustrian Minyak Sawit (POIC) dan TLP diyakini dapat menampung kesan lebih permintaan bagi aktiviti luar pesisir pantai dan projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Di sebalik pencapaian Kumpulan yang memberangsangkan bagi 2012, perjalanan transformasi JCorp telah berjaya dihasilkan daripada komitmen yang tinggi serta peranan efektif yang didukung oleh anggota pekerjaannya. Dedikasi yang ditonjolkan ini telah mengukuhkan keupayaan kami dalam menerajui keperluan bisnes-bisnes sedia ada serta prospek bisnes baru. JCorp memanfaatkan kekuatan dari setiap syarikat anak dan saiz Kumpulan secara keseluruhan untuk memperolehi kelebihan dari sudut daya saing bagi setiap syarikat. Demi memastikan kecemerlangan Kumpulan yang berterusan dan menyokong misi dan visinya, polisi pembangunan modal insan Kumpulan telah dirancang untuk merangkumi program latihan teknologi/



PENYATA KORPORAT

penyaluran maklumat menerusi penambahbaikan berterusan terhadap sistem, prosedur dan proses. Pusat latihan dalaman kami menyediakan khidmat latihan yang komprehensif menerusi program-program yang disusun rapi dan bersinergi dalam Kumpulan, selain menyediakan latihan yang menjurus kepada setiap sektor perniagaan dan syarikat dalam Kumpulan secara khusus.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Sepanjang 2012, pencapaian Kumpulan telah mendapat perhatian umum menerusi beberapa anugerah dan pengiktirafan yang diterima.

Antara anugerah yang berjaya dirangkul adalah pengiktirafan tertinggi 4 bintang bagi Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan 2012 daripada Jabatan Audit Negara untuk kali kelima berturut-

turut sejak 2007, yang menggambarkan inisiatif berterusan Kumpulan dalam memastikan akauntabiliti dan ketelusan dalam segala aspek. Pada masa sama, Kumpulan telah meraih pengiktirafan antarabangsa untuk skim intrapreneur inovatif pada Anugerah ADFIAP 2012 bagi kategori *Outstanding Development Project Award for SME Development*.

Satu lagi pengiktirafan yang telah diraih menerusi Kulim (Malaysia) Berhad adalah *The Edge Billion Ringgit Club Award 2012*, dalam kategori *Highest Profit Growth Company – Highest Growth in Profit Before Tax Over Three Years*. Kulim juga menceriaikan Kumpulan menerusi sumbangannya ke arah kemandirian hidupan liar. Kulim Wildlife Defenders (KWD) telah diiktiraf di peringkat Anugerah CSR Perdana Menteri dalam Kategori CSR Terbaik. Kulim juga telah mengekalkan rekod kemenangannya dalam *National Annual Corporate Report Award 2012 (NACRA 2012)* dengan kemenangan dalam Anugerah Kecemerlangan Industri (Papan Utama) – Kategori Perlindungan & Perlombongan.

KPJ Healthcare Bhd (KPJ) pula telah menerima pengiktirafan *Frost & Sullivan's Malaysia Excellence Awards 2012* dalam kategori *Best Healthcare Service Provider of The Year* dalam satu majlis anugerah yang diadakan untuk mengiktiraf syarikat-syarikat terbaik di Malaysia. Anugerah ini secara tidak langsung meletakkan KPJ di kalangan syarikat terbaik serantau dan global yang mempamerkan pencapaian memberangsangkan dalam aspek kepimpinan, inovasi dan teknologi, khidmat pelanggan serta pembangunan produk berstrategi. Ini juga menyumbang kepada



PENYATA KORPORAT

satu lagi pengiktirafan oleh *Reader's Digest* menerusi pengiktirafan *Most Trusted Brand Award 2012*, di mana KPJ dipilih sebagai *Gold Winner* bagi kategori *Best Private Hospital in Malaysia*.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

JCorp telah merangka dasar dan strategi bagi mengurus tanggungjawabnya ke arah penambahbaikan komuniti serta masyarakat amnya. Sebagai sebahagian daripada portfolio tanggungjawab sosial korporat (CSR), Kumpulan menguruskan 42 pertubuhan dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam memastikan inisiatif CSR dapat dijalankan dengan meluas dan efektif kepada kumpulan sasaran. Fokus utama Kumpulan adalah kepada tiga komponen: pertama, terhadap pembangunan komuniti melalui inisiatif langsung dan tidak langsung dalam aspek pendidikan, keusahawanan dan aktiviti komuniti; kedua, terhadap inisiatif kemasyarakatan dalam memperbaiki kualiti hidup individu atau komuniti yang memerlukan; dan ketiga, menerusi promosi sukan melalui sumbangan kepada aktiviti sukan demi memupuk perpaduan sesama masyarakat.

SEKALUNG BUDI

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dato' Paduka Ismee Bin Ismail dan Dato' Haji Maliami Bin Hamad di atas sumbangan sepanjang perkhidmatan mereka sebagai Pengarah JCorp. Dato' Paduka Ismee Bin Ismail dan Dato' Haji Maliami Bin Hamad telah berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah masing-masing sejak 1 November 2010 dan 1 Jun 2012 sehingga tarikh persaraan berkuatkuasa 1 November 2012.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor, Kerajaan Malaysia dan semua badan-badan berkaitan, pihak bank dan penasihat-penasihat kewangan, pelanggan-pelanggan, rakan-rakan strategik serta pemegang-pemegang kepentingan terbesar. Kami amat menghargai semua pemegang saham senarai awam dan institusi-institusi yang telah melabur dalam syarikat-syarikat tersenarai di dalam Kumpulan dan telah menyatakan sokongan terhadap pelan korporat dan transaksi bisnis sepanjang tahun.

Kami juga menghargai segala panduan, kebijaksanaan serta kepakaran ahli-ahli Lembaga Pengarah yang

sentiasa membantu serta mendahulukan kepentingan Kumpulan berbanding kepentingan individu. Kami sentiasa mengalu-alukan sumbangan berterusan mereka dalam usaha menyampaikan perkhidmatan berkualiti dan menambah nilai bisnis untuk setiap pemegang kepentingan serta masyarakat amnya.

Akhir sekali, penghargaan ini kami tujukan kepada barisan pengurusan dan individu-individu yang penuh motivasi, dedikasi dan kesetiaan terhadap Kumpulan, yang terbukti bermakna dalam mencapai prestasi memberangsangkan serta pencapaian-pencapaian luar biasa sepanjang tahun.

Adalah menjadi harapan kami supaya kita semua sentiasa berdiri teguh dalam menghadapi apa jua cabaran dengan semangat dan keazaman yang sentiasa diperbaharui bagi meneruskan serta menambah baik prestasi JCorp pada tahun-tahun mendatang. Kami mengalu-alukan sokongan berterusan semua pihak dalam usaha kami untuk membawa Kumpulan mencapai visi menjadi sebuah badan korporat yang cemerlang bagi menyampaikan perkhidmatan berkualiti dan menambah nilai, bukan sahaja kepada pelanggan-pelanggan dan pemegang-pemegang kepentingan kami malah kepada masyarakat amnya.



DATO' HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN
Pengerusi
Johor Corporation



DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM
Presiden & Ketua Eksekutif
Johor Corporation

PROFIL & MAKLUMAT KORPORAT

Johor Corporation (JCorp) ditubuhkan sebagai sebuah perusahaan awam dan badan berkanun melalui Enakmen Johor Corporation Bil. 4 1968 (sebagaimana dipinda di bawah Enakmen No. 5, 1995). Sebagai sebuah Badan Pelaburan Negeri, JCorp melalui syarikat dalam Kumpulan menceburi bisnes utama merangkumi Bisnes Sawit (Kulim), Prisihtin, Makanan & Perkhidmatan Restoran Segera, Hartanah, Khidmat Sokongan & Pelaburan, Hospitaliti, Bisnes Intrapreneur serta Bisnes Baru.

JCorp kini menjadi peneraju pasaran tempatan dalam beberapa bisnes utamanya, khasnya dalam bisnes Prisihtin serta Makanan & Perkhidmatan Restoran Segera. Bidang Bisnes Sawit memiliki operasi dan kepentingan bisnes bukan sahaja di Malaysia malah meliputi Papua New Guinea, Kepulauan Solomon dan United Kingdom. Bidang Makanan & Perkhidmatan Restoran Segera pula melebar dari Malaysia sehingga ke Singapura, Brunei, Filipina, Kemboja dan India. Bisnes Prisihtin yang diterajui JCorp di dalam negara, telah dikembangkan ke Indonesia, Australia dan Thailand.

Setelah lebih 43 tahun ditubuhkan, JCorp sebagai sebuah entiti bisnes pacuan pasaran kini memberi fokus untuk merealisasikan matlamat yang digariskan dalam pelan transformasi strategik perniagaannya, dan pada masa sama mengimbangi obligasi dan komitmennya. JCorp telah menterjemahkan keupayaan dengan mengekalkan prestasi kewangan dan korporat yang cemerlang di sebalik ketidaktentuan ekonomi global. Sebaliknya, dengan asas bisnes yang kukuh, keupayaan modal insannya, pematuhan etika korporat dan amalan nilai-nilai murni, serta berhemah dan berstrategi, JCorp terus melebarkan sayap pasaran sambil menceburi bisnes baru demi meneruskan peranan agen pembangunan negeri dan melaksanakan tanggungjawab sosial korporatnya.



PEJABAT BERDAFTAR JOHOR CORPORATION

Level 2, PERSADA JOHOR
Jalan Abdullah Ibrahim
80000 Johor Bahru
Johor.

Telefon: 607-219 2692
Faks: 607-223 3175
ISO Faks: 607-224 2692
E-mel: pdnjohor@jcorp.com.my

PEJABAT JOHOR CORPORATION CAWANGAN KUALA LUMPUR

Level 11, Menara JCorp
No 249 Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur.
Telefon: 03-27872692
Faks: 03-27872700

LAMAN WEB

www.jcorp.com.my

JURUAUDIT

Ernst & Young
Suite 11.2, Level 11
Menara Pelangi
80400 Johor Bahru
Johor.


BANK UTAMA

MAYBANK
Lot M1-22
106-108 City Square
Jalan Wong Ah Fook
80000 Johor Bahru
Johor.




STRUKTUR BISNES & KORPORAT

BISNES UTAMA




PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI



TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT





LEMBAGA PENGARAH



YAB DATO' HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN
Menteri Besar Johor
Pengerusi Johor Corporation
Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Lembaga
Pengarah



YBHG DATO' SRI DR ALI BIN HAMSA
Ketua Setiausaha Negara
Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Timbalan Pengerusi Johor Corporation



YB DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM
Presiden & Ketua Eksekutif
Johor Corporation



YB DATO' HAJI AHMAD ZAHRI BIN JAMIL
Pengerusi Jawatankuasa
Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam
Negeri Johor

YB DATO' HAJI OBET BIN TAWIL
Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
Pengerusi Jemaah Lembaga
Tawaran Dan Jemaah Lembaga
Pelantikan Perunding

**YB DATUK ABDUL RAHMAN
PUTRA BIN DATO' HAJI TAHA**
Penasihat Undang-Undang
Negeri Johor



**YB TUAN HAJI MARSAN
BIN KASSIM**
Pegawai Kewangan
Negeri Johor

**YBHG DATUK DR REBECCA
FATIMA STA MARIA**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan
Antarabangsa dan Industri

**YBHG DATUK DR RAHAMAT BIVI
BINTI YUSOFF**
Ketua Pengarah
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri



**YBHG PUAN SITI ZAUYAH BINTI
MOHD DESA**
Setiausaha Bahagian Pengurusan
Pinjaman, Pasaran Kewangan dan
Aktuari Kementerian Kewangan

**YB DATIN PADUKA ZAINON
BINTI HAJI YUSOF**
Ahli Lembaga Pengarah
Pengerusi Jawatankuasa Audit
Lembaga Pengarah

**ENCIK MOHAMED IZAHAM BIN
ABDUL RANI**
Setiausaha Johor Corporation

PROFIL AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH

1. YAB DATO' HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN Pengerusi Johor Corporation

Berumur 67 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 3 Mei 1995. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari La Trobe University of Australia, Ijazah Sarjana Politik Ekonomi dari University of Australia dan Ijazah Sarjana Politik Ekonomi dari University of Queensland. Beliau merupakan Menteri Besar Johor.

2. YBHG DATO' SRI DR ALI BIN HAMSA Timbalan Pengerusi Johor Corporation

Berumur 58 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation mulai 1 November 2009 mewakili Kerajaan Persekutuan. Mulai 1 November 2011 beliau dilantik sebagai Timbalan Pengerusi dan juga Pengarah Bebas Johor Corporation. Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran dari Oklahoma State University pada 1997, Ijazah Sarjana Ekonomi dari Oklahoma State University pada 1986, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1979 dan Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara pada 1980. Beliau kini merupakan Ketua Setiausaha Negara, Jabatan Perdana Menteri.

3. YB DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 49 tahun. Beliau dilantik sebagai Presiden & Ketua Eksekutif dan Pengarah Johor Corporation mulai 1 Disember 2010. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan) dari Universiti Wollongong, New South Wales, Australia pada 1987. Sebelum ini, beliau telah menjalankan tugas selaku Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua Pegawai Operasi Johor Corporation mulai 1 Ogos 2006 sebelum dilantik selaku Naib Presiden Kanan, Kewangan dan Khidmat Korporat pada 1 Januari 2010 dan sebagai Pemangku Presiden & Ketua Eksekutif pada 29 Julai 2010.

4. YB DATO' HAJI AHMAD ZAHRI BIN JAMIL Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 64 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Johor Corporation mulai 9 September 2009. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Malaya. Beliau merupakan Pengerusi, Jawatankuasa Perumahan Kerajaan Tempatan, Kerja Raya Dan Kemudahan Awam Negeri Johor.

5. YB DATO' HAJI OBET BIN TAWIL Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 59 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 14 Mac 2011. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau merupakan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor.

6. YB DATUK ABDUL RAHMAN PUTRA BIN DATO' HAJI TAHA Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 55 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 15 Ogos 2006. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Canterbury University, New Zealand pada 1984. Beliau merupakan Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.

7. YB TUAN HAJI MARSAN BIN KASSIM Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 58 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 28 Jun 2011. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1979. Beliau merupakan Pegawai Kewangan Negeri Johor.

8. YBHG DATUK DR REBECCA FATIMA STA MARIA

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 56 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 1 Julai 2011. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera Inggeris (Kepujian) dari Universiti Malaya, Master of Arts in Counselling dari Universiti Pertanian Malaysia dan PhD in Adult Education dari Universiti Georgia, Athens. Beliau kini merupakan Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Malaysia.

9. YBHG DATUK DR RAHAMAT BIVI BINTI YUSOFF

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 56 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 1 November 2011. Sebelum ini iaitu mulai 1 Februari 2009, beliau merupakan Pengarah Johor Corporation yang juga mewakili Kerajaan Persekutuan yang dilantik ketika menjawat jawatan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Sistem Dan Kawalan), Kementerian Kewangan sehingga 18 Oktober 2011 iaitu sebelum beliau berpindah ke Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran dari Australia National University, Ijazah Sarjana Ekonomi dari Western Michigan USA, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sains Kemanusiaan (Ekonomi) dari Universiti Sains Malaysia dan Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara. Beliau kini merupakan Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

10. YBHG PUAN SITI ZAUYAH BINTI MOHD DESA
Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 56 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 11 Mac 2013. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan dari Manchester University, United Kingdom, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Jurukur Bahan dari University Of Reading, United Kingdom dan Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara. Beliau kini merupakan Setiausaha Bahagian Pengurusan Pinjaman, Pasaran Kewangan dan Aktuari, Kementerian Kewangan Malaysia.

11. YB DATIN PADUKA ZAINON BINTI HAJI YUSOF
Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 60 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Johor Corporation mulai 15 Ogos 2011. Sebelum ini beliau merupakan Pengarah Johor Corporation yang telah dilantik atas jawatan ketika menyandang jawatan sebagai Pegawai Kewangan Negeri Johor mulai 11 Januari 2006 dan kemudian telah bersara wajib pada 27 Jun 2011. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya.

12. ENCIK MOHAMED IZAHAM BIN ABDUL RANI
Setiausaha Johor Corporation

Berumur 46 tahun. Beliau dilantik sebagai Setiausaha Johor Corporation mulai 1 April 2011. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan) daripada Australian National University, Canberra. Beliau merupakan Akauntan Bertauliah dari Malaysian Institute of Accountants. Beliau juga merupakan ahli Certified Practising Accountants dari Australian CPA. Beliau merupakan Naib Presiden, Divisyen Kewangan & Undang-Undang, Johor Corporation.

JAWATANKUASA PELABURAN LEMBAGA PENGARAH



PENGERUSI

1. **YAB DATO' HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN**
Menteri Besar Johor
Pengerusi Johor Corporation

AHLI-AHLI

2. **YB DATO' HAJI AHMAD ZAHRI BIN JAMIL**
Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri Johor,
Merangkap Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation

3. **YB DATUK ABDUL RAHMAN PUTRA
BIN DATO' HAJI TAHA**
Penasihat Undang-Undang Negeri Johor
Merangkap Ahli Lembaga Pengarah
Johor Corporation

SETIAUSAHA

4. **ENCIK MOHAMED IZAHAM BIN ABDUL RANI**
Setiausaha Johor Corporation

JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH



PENGERUSI

1. **YB DATIN PADUKA ZAINON BINTI HAJI YUSOF**
Pengarah Bebas

AHLI-AHLI

2. **YBHG TAN SRI DATUK DR HADENAN BIN A. JALIL**
Ahli Bebas
3. **PUAN HAJAH ZAINAH BINTI MUSTAFA**
Ahli Bebas

SETIAUSAHA

4. **TUAN HAJI ABD RAZAK BIN HARON**
Naib Presiden
Divisyen Pengukuhan & Pentadbiran Khas

JEMAAH LEMBAGA TAWARAN DAN JEMAAH LEMBAGA PELANTIKAN PERUNDING



PENGERUSI

1. **YB DATO' HAJI OBET BIN TAWIL**
Setiausaha Kerajaan Negeri Johor

4. **TUAN HAJI ZULKIFLI BIN IBRAHIM**
Naib Presiden Kanan / Ketua Pegawai Operasi

AHLI-AHLI

2. **YB TUAN HAJI MARSAN BIN KASSIM**
Pegawai Kewangan Negeri Johor

3. **YB DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**
Presiden & Ketua Eksekutif

SETIAUSAHA

5. **ENCIK ABDUL RAHIM BIN MUSTAFA**
Pengurus Kanan
Jabatan Khidmat Hartanah

JAWATANKUASA PENGURUSAN TERTINGGI KUMPULAN (TERAJU)



9	10	11	12
5	6	7	8
2	1	3	4

PENGERUSI

- YB DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**
Presiden & Ketua Eksekutif

- TUAN HAJI AMIRUDDIN BIN ABDUL SATAR**
Pengarah Urusan
KPJ Healthcare Berhad

- ENCIK KAMARULDZAMAN BIN SALLEH**
Naib Presiden
Divisyen Khidmat Korporat

AHLI-AHLI

- TUAN HAJI AHAMAD BIN MOHAMAD**
Pengarah Urusan
Kulim (Malaysia) Berhad

- TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN**
Naib Presiden
Divisyen Hartanah & Pembangunan Bisnes

SETIAUSAHA BERSAMA

- ENCIK IDHAM JIHADI BIN ABU BAKAR**
Pengurus Besar
Pro Corporate Management Services Sdn Bhd

- TUAN HAJI ZULKIFLI BIN IBRAHIM**
Naib Presiden Kanan /
Ketua Pegawai Operasi

- TUAN HAJI YUSOF BIN RAHMAT**
Naib Presiden
Divisyen Bisnes Amal & Pelaburan Waqaf / Ketua Pegawai Eksekutif Waqaf An-Nur Corporation Berhad

- ENCIK ALFADZILAH BIN HAJI MAT ARIS**
Pengurus
Pejabat Korporat

- TUAN HAJI LUKMAN BIN HAJI ABU BAKAR**
Pengarah Urusan
Johor Land Berhad

- ENCIK MOHAMED IZAHAM BIN ABDUL RANI**
Naib Presiden
Divisyen Kewangan & Undang-Undang

- TUAN HAJI JAMALUDIN BIN MD ALI**
Pengarah Eksekutif / Naib Presiden Hartanah & Pembangunan Bisnes
Kulim (Malaysia) Berhad

JAWATANKUASA TERAJU KORPORAT



PENGERUSI

1. **TUAN HAJI ZULKIFLI BIN IBRAHIM**
Naib Presiden Kanan / Ketua Pegawai Operasi

6. **TUAN HAJI SHEIK SHARUFUDDIN BIN SHEIK MOHD**
Ketua Pegawai Kewangan QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd

12. **ENCIK ONN BIN ISMAIL**
Pengurus Besar
Divisyen Pematuhan & Pengurusan Risiko

AHLI-AHLI

2. **TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN**
Naib Presiden
Divisyen Hartanah & Pembangunan Bisnes

7. **TUAN HAJI YUSAINI BIN SIDEK**
Pengarah Urusan
Damansara REIT Managers Sdn Bhd & Pengarah Eksekutif
Damansara Assets Sdn Bhd

13. **ENCIK IDHAM JIHADI BIN ABU BAKAR**
Pengurus Besar
Pro Corporate Management Services Sdn Bhd

3. **TUAN HAJI YUSOF BIN RAHMAT**
Naib Presiden, Divisyen Bisnes
Amal & Pelaburan Waqaf/
Ketua Pegawai Eksekutif
Waqaf An-Nur Corporation Berhad

8. **ENCIK AZLI BIN MOHAMED**
Ketua Pegawai Kewangan
Kulim (Malaysia) Berhad

14. **PUAN WAN SU BINTI ALI**
Pengurus Besar
Jabatan Undang-Undang

4. **ENCIK MOHAMED IZAHAM BIN ABDUL RANI**
Naib Presiden
Divisyen Kewangan & Undang-Undang

9. **TUAN HAJI MOHD RAZIF BIN AB. RAHIM**
Pengurus Besar Kanan
Johor Land Berhad

SETIAUSAHA BERSAMA

15. **ENCIK JAMALLUDIN BIN KALAM**
Timbalan Pengurus Besar
Pro Corporate Management Services Sdn Bhd

5. **ENCIK KAMARULDZAMAN BIN SALLEH**
Naib Presiden
Divisyen Khidmat Korporat

10. **ENCIK MOHD SAHIR BIN RAHMAT**
Naib Presiden
Perkhidmatan Korporat
KPJ Healthcare Berhad

16. **ENCIK ALFADZILAH BIN HAJI MAT ARIS**
Pengurus
Pejabat Korporat

11. **PUAN HAJAH AZIZAH BINTI AHMAD**
Pengurus Besar
Jabatan Pembangunan Modal Insan & Pentadbiran

JAWATANKUASA EKSEKUTIF (EXCO)



PENGERUSI

1. **TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN**
Naib Presiden
Divisyen Hartanah & Pembangunan Bisnes

TIMBALAN PENERUSI

2. **PUAN HAJAH AZIZAH BINTI AHMAD**
Pengurus Besar
Jabatan Pembangunan Modal Insan & Pentadbiran

AHLI-AHLI

3. **TUAN HAJI SHAHRUNI BIN HAJI ASLAM**
Pengurus Besar
Jabatan Bisnes Amal / Waqaf An-Nur Corporation Berhad
4. **PUAN WAN SU BINTI ALI**
Pengurus Besar
Jabatan Undang-Undang

5. **ENCIK ABDUL SHUKOR BIN ABDULLAH**
Pengurus Besar
Jabatan Bisnes Intrapreneur

6. **ENCIK JAMALLUDIN BIN KALAM**
Timbalan Pengurus Besar
Pro Corporate Management Services Sdn Bhd

7. **PUAN HAJAH NORISHAH BINTI MOHD SETH**
Timbalan Pengurus Besar
Bisnes & Pelaburan Waqaf An-Nur Corporation Berhad

8. **PUAN RABIATUL ADAWIAH BINTI ADNAN**
Timbalan Pengurus Besar
Jabatan Khidmat Hartanah

9. **ENCIK MD ZIN BIN MD YASIN**
Pengurus Besar
Damansara Assets Sdn Bhd

10. **TUAN HAJI ROSDI BIN YAACUB**
Timbalan Pengurus Besar
TPM Technopark Sdn Bhd

11. **ENCIK MOHD BAHRAIN BIN BAKRI**
Pengurus Kanan
Jabatan Kewangan

12. **CIK NARIMAH BINTI ABDULLAH**
Pengurus Kanan
Pejabat Naib Presiden Kanan / Ketua Pegawai Operasi

SETIAUSAHA

13. **PUAN RASHIDAH BINTI MD DAUD**
Eksekutif
Pejabat Korporat

JAWATANKUASA PENGAWASAN PELABURAN (JAWS)



PENGERUSI

- TUAN HAJI JAMALUDIN BIN MD ALI**
Pengarah Eksekutif / Naib Presiden
Hartanah & Pembangunan Bisnes
Kulim (Malaysia) Berhad

AHLI-AHLI

- TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN**
Naib Presiden
Divisyen Hartanah & Pembangunan Bisnes
- TUAN HAJI AMIRUDDIN BIN ABDUL SATAR**
Pengarah Urusan
KPJ Healthcare Berhad
- TUAN HAJI BUKHARI BIN ABDUL RAHMAN**
Pengarah Urusan
Pro Office Solutions Sdn Bhd

- TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDUL SAMAD**
Pengarah Urusan
TPM Technopark Sdn Bhd

- TUAN HAJI JA'APAR BIN SAMAT**
Pengerusi
JCorp Intrapreneur (M) Berhad

- ENCIK IDHAM JIHADI BIN ABU BAKAR**
Pengurus Besar
Pro Corporate Management Services Sdn Bhd

- PUAN RABIATUL ADAWIAH BINTI ADNAN**
Timbalan Pengurus Besar
Jabatan Khidmat Hartanah

- ENCIK MOHD BAHRIN BIN BAKRI**
Pengurus Kanan
Jabatan Kewangan


SETIAUSAHA

- PUAN MAZENAH BINTI HAJI ABU BAKAR**
Eksekutif
Pejabat Korporat




RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN


PEROLEHAN (KUMPULAN)




PEROLEHAN (JCORP)




KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (KUMPULAN)




KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (JCORP)



JUMLAH ASET (KUMPULAN)



JUMLAH ASET (JCORP)




RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN 2006-2012 (RM JUTA)

KUMPULAN	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Perolehan	3,457	4,748	6,282	7,089	7,524	5,071	5,640
Keuntungan Sebelum Cukai	348	518	660	700	962	540	868
Keuntungan Selepas Cukai	262	478	464	446	834	1,664	707
Jumlah Aset	10,264	11,330	12,273	13,798	14,384	17,275	14,239
Jumlah Liabiliti	7,514	7,604	8,326	9,056	9,349	10,890	8,437
Jumlah Ekuiti	2,750	3,726	3,947	4,742	5,035	6,385	5,802

JCORP	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Perolehan	609	492	427	500	388	474	348
Keuntungan Sebelum Cukai	121	126	82	100	118	114	167
Keuntungan Selepas Cukai	115	126	77	99	119	137	203
Jumlah Aset	4,680	4,796	4,934	4,896	5,173	5,806	5,604
Jumlah Liabiliti	4,251	4,241	4,302	4,165	4,303	4,802	4,408
Jumlah Ekuiti	429	555	632	731	870	1,004	1,196

JUMLAH LIABILITI (KUMPULAN)

JUMLAH LIABILITI (KUMPULAN)



PROSPEK

LAPORAN EKONOMI 2012

Tahun 2012 penuh dengan ketidaktentuan. Krisis hutang di Eropah terus menggugat kestabilan kewangan global dan isu '*Fiscal Cliff*' di Amerika Syarikat (AS) memberi ancaman hebat terhadap ekonomi terbesar dunia itu. Kepincangan berterusan turut melemahkan keyakinan terhadap prospek bisnes dan pelaburan.

Di Eropah terutamanya Zon Euro, sebahagian negara anggotanya berhadapan dengan penurunan taraf kredit dan mengalami peningkatan percanggahan pendapat berkenaan polisi apabila parti-parti politik bersengketa mengenai pakej keselamatan dan pelan berjimat cermat. Situasi tersebut memanjangkan lagi proses pemulihan. Malahan kesatuan tersebut terjerumus ke kancah kegawatan ekonomi pada 2012 akibat tindakan mencantas perbelanjaan secara besar-besaran setelah menerima dana melalui pakej penyelamat.

Di samping bergelut dengan kadar pengangguran yang tinggi, AS terpaksa berhadapan beberapa peristiwa tidak menyenangkan. Kesan krisis subprima, penguatkuasaan pelan menyelamatkan institusi kewangan telah menjejaskan kedudukan hutangnya. Seterusnya, risiko melepasi siling hutangnya terpaksa ditangani oleh pentadbiran Presiden Barrack Obama dan perbalahan semasa debat mengenai peningkatan siling hutang pada mesyuarat Kongresnya telah mencetuskan keanjalan di pasaran saham global. Negara itu juga terpaksa menangani isu '*Fiscal Cliff*' iaitu keperluan meningkatkan cukai dan mencantas perbelanjaan kerajaan akibat peningkatan defisit yang drastik sehingga berpotensi menyebabkan semula kegawatan ekonomi. Bagaimanapun, ekonomi AS mencatatkan sedikit pertumbuhan pada 2012 hasil daripada polisi kadar faedah yang rendah, pakej rangsangan ekonomi dan kemudian '*Quantitative Easing*'.

Ketidakstabilan di negara-negara maju telah memberi manfaat kepada ekonomi serantau. Dalam pencarian kadar pulangan yang lebih baik, pelabur-pelabur asing giat memasuki pasaran serantau. Ekonomi membangun terutama rantau ASEAN merupakan destinasi pilihan utama pelaburan berdasarkan jangkaan pulangan, prospek pertumbuhan dan penilaian di mana Malaysia tidak ketinggalan. Di sebalik kepincangan luaran, pertumbuhan ekonomi yang sederhana di China dan prestasi ekonomi yang lemah di Jepun, ekonomi Malaysia mempamerkan daya ketahanan yang agak tinggi. Ekonomi tempatan tumbuh pada kadar 5.6 peratus untuk 2012. Keanjalan di pasaran saham global juga tidak menjejaskan pengukuhan prestasi di pasaran saham tempatan. Dalam tempoh sama, Indeks FTSE Bursa Malaysia KLCI sebagai penanda aras pasaran saham tempatan telah merekodkan

pertumbuhan tahunan melebihi 10 peratus. Faktor dalaman terutama spekulasi mengenai pelaksanaan pilihanraya umum yang pada mulanya mencetus reaksi tidak menentu di kalangan pelabur namun akhirnya mereka abaikan menjelang penghujung tahun tersebut.

PROSPEK EKONOMI

Ekonomi global sebagaimana unjuran International Monetary Fund (IMF) dijangka meneruskan momentum pertumbuhannya, walaupun secara perlahan dalam 2013. Di Zon Euro, proses pemulihan tertangguh disebabkan penguncupan yang berterusan. Ekonomi serantaunya masih berisiko mengalami kegagalan sehingga keputusan muktamad untuk menyelesaikan krisis di sana dilaksanakan tanpa sebarang komplikasi yang nyata. Bagaimanapun, risiko kepincangan yang berterusan telah reda hasil komitmen penerimaan polisi. Dalam kes AS umpamanya, usaha mengembalikan kestabilan pasaran dan situasi kewangan terus mengukuhkan sentimen dan keyakinan pelabur. Seterusnya, pasaran perumahan yang semakin pulih dan situasi pengangguran yang lebih baik sepatutnya mengukuhkan pertumbuhan mantap ekonomi paling dominan di dunia itu dalam 2013 ini.

Di rantau ASEAN, pasaran membangun terutama Filipina, Indonesia, Thailand dan tidak terkecuali Malaysia akan terus mengalami pengukuhan kemasukan aliran dana asing disokong oleh prospek pertumbuhan ekonomi yang terus mengukuh. Pemecutan aktiviti ekonomi terus ditunjangi oleh sokongan kedua-dua polisi iaitu kewangan dan fiskal. Ekonomi Malaysia seperti diunjurkan oleh Bank Negara dijangka tumbuh antara 5 hingga 6 peratus dalam 2013. Walaupun Jepun jatuh ke dalam kancah kegawatan ekonomi, pakej rangsangan fiskalnya yang meluas dan penerusan dasar kewangan yang mudah membantu negara maju Asia itu untuk kembali mencapai pertumbuhan pada 2013. Lebih-lebih lagi, kelemahan matawang Yen yang berterusan mempermudah peningkatan dalam permintaan luaran. Pada masa sama, keredaan kebimbangan mengenai kemerosotan pertumbuhan yang drastik di China akan membangkitkan keseluruhan sentimen dan keyakinan di pasaran serantau.

BISNES SAWIT (KULIM)

Bahagian Bisnes Sawit yang diterajui oleh Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim) terus mencatat prestasi memberangsangkan pada 2012 dari segi operasi, keuntungan dan pencapaian objektif korporat bagi meningkatkan dan menyampaikan nilai kepada semua pihak berkepentingan. Pada masa sama, Bahagian melalui Kulim terus meningkatkan rangka kerja tadbir urus korporat dan memainkan peranan penting dalam menyumbang ke arah agenda Tanggungjawab Korporat Kumpulan JCorp keseluruhannya.

KULIM – BERSEDIA UNTUK PERTUMBUHAN BARU

Bahagian kini berada pada satu fasa baru dalam sejarahnya setelah mengambil beberapa inisiatif strategik pada 2012 untuk menyelaraskan operasi dan mengukuhkan kedudukan kewangannya. Tahun 2012 menyaksikan pelupusan kepentingan Kulim dalam QSR Brands Bhd (QSR) dan KFC Holdings (Malaysia) Bhd (KFCH) sekaligus menandakan pengunduran Kulim dari bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran Segera. Pada Mei 2012, pencairan pegangan ekuiti dalam New Britain Palm Oil Limited (NBPOL) juga telah dimuktamadkan, lantas mengubah status NBPOL kepada syarikat sekutu Kumpulan Kulim. Di samping itu, langkah untuk menyelaraskan Bahagian Bisnes Intrapreneur Ventures (IV) juga dilaksanakan.

Hasil pelaksanaan ini, Bahagian melalui Kulim hari ini berada dalam kedudukan yang unik dalam mengembangkan semula bisnes dan memanfaatkan lanskap ekonomi tempatan yang memberangsangkan untuk menstabil dan mempelbagaikan pendapatan. Sebagai sebuah entiti yang mantap dan dinamik dengan kedudukan kewangan yang kukuh, Kulim bersedia mencipta kemajuan yang baik dalam segmen pasaran di mana ia beroperasi serta memanfaatkan peluang dalam bidang baru terutama sektor perkhidmatan minyak dan gas (O&G) dan menjalankan pembangunan hartanah terpilih.

Namun, walau apapun bidang baru untuk diterokai dan dibangunkan, pertumbuhan teras Kulim pada masa akan datang masih dipacu oleh bisnes perladangan Kulim di Malaysia dan dipengaruhi oleh keputusan daripada NBPOL.



BISNES SAWIT (KULIM)

PERKEMBANGAN PENTING KORPORAT KULIM

Pengambilalihan Ladang JCorp oleh Kulim melalui Mahamurni Plantations Sdn Bhd (MPSB) melibatkan enam ladang kelapa sawit seluas kira-kira 13,687 hektar dan dua kilang minyak sawit dengan harga pertimbangan berjumlah RM700 juta.

Peringkat 1 pengambilalihan yang dimuktamadkan pada Disember 2011 menyaksikan Kulim mengambil alih hampir 6,000 hektar ladang kelapa sawit iaitu Ladang Sungai Papan dan Ladang Siang. Pada 2012, tiga lagi ladang iaitu Palong, Mungka dan Kemedak serta Kilang Kelapa Sawit Palong Cocoa telah dipindahmilik kepada MPSB. Melalui fasa kedua ini, Kulim memperoleh 5,600 hektar lagi ladang kelapa sawit dan sebuah kilang dengan kapasiti pemprosesan 40 tan sejam. Ketika laporan ini ditulis, fasa terakhir merangkumi Ladang Pasir Panjang dan Kilang Sawit Pasir Panjang dalam proses dipindahmilik kepada MPSB.

Langkah ini, walaupun tiada kesan dari segi jumlah keluasan tanah Bahagian, telah mendapat sokongan daripada komuniti pelaburan kerana ia membolehkan Kulim mengembangkan operasi ke ladang yang telah sedia diuruskannya serta produktif.

Perubahan dalam status NBPOL kepada syarikat sekutu

Pada 1 Mei 2012, status NBPOL berubah daripada syarikat anak kepada syarikat bersekutu dengan milikan sebanyak 48.97 peratus. Ini berlaku berikutan terbitan saham baru oleh NBPOL kepada pemegang saham minoriti Kula Palm Oil Limited (KPOL) dan Poliamba Limited dalam skim pertukaran saham untuk memperkemaskan struktur Kumpulan NBPOL. Skim ini dilakukan setelah mengambil kira sensitiviti dan aspirasi tempatan dan juga untuk meningkatkan hubungan muhibah antara NBPOL dengan kerajaan tempatan Papua New Guinea (PNG). Berikutan pelaksanaan ini, keputusan kewangan NBPOL disatukan dalam Kumpulan Kulim berasaskan tahap ekuiti bermula Mei 2012 manakala keputusan daripada Januari hingga April 2012 diklasifikasikan semula sebagai Operasi Dihentikan sejajar dengan FRS 5: Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Jualan dan Operasi Dihentikan.

Pelupusan Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran Segera

Berikutan keputusan QSR dan KFCH untuk melupuskan hampir semua bisnes dan kepentingan termasuk aset dan liabiliti kepada Massive Equity Sdn Bhd (MESB), QSR dan KFCH telah memeterai Perjanjian Jual



BISNES SAWIT (KULIM)

Beli Bisnes bersyarat pada 18 Mei 2012 dengan Triple Platform Sdn Bhd (sekarang dikenali sebagai QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd), syarikat anak milik penuh MESB dan merupakan syarikat khusus bagi tujuan pengambilalihan tersebut. Pada tarikh sama, Lembaga Pengarah QSR telah mencadangkan pembayaran semula modal QSR pada RM6.80 sesaham melalui pengurangan modal menurut Seksyen 64 Akta Syarikat dan turut mencadangkan supaya pemegang waran QSR dibayar secara tunai sebanyak RM3.79 bagi setiap waran. Lembaga Pengarah KFCH juga mencadangkan pembayaran semula modal sebanyak RM4.00 sesaham dan turut mencadangkan supaya pemegang waran KFCH dibayar secara tunai sebanyak RM1.00 bagi setiap waran. Semua waran QSR dan KFCH kemudiannya dibatalkan.

Berikutan pelaksanaan tersebut, pada 27 Disember 2012, Kulim telah membuat pengumuman berhubung kelayakan dividen khas sebanyak 90.94 sen sesaham, dibayar pada 25 Januari 2013. Pada 28 Disember 2012, Kulim sekali lagi mengumumkan bahawa harga pertukaran waran kepada saham Kulim akan diselaraskan kepada RM3.13 daripada RM3.85 sebelumnya, berkuatkuasa 12 Januari 2013.

Dengan pengagihan dividen khas pada 25 Januari 2013, pelupusan bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran Segera telah dimuktamadkan. Bagaimanapun, selaras dengan piawaian perakaunan, peristiwa penting selepas tarikh Lembaran Imbangan seumpama ini perlu didedahkan sewajarnya dalam penyata kewangan tahun semasa. Oleh itu, keputusan kewangan daripada Bahagian Makanan & Perkhidmatan Restoran Segera telah diklasifikasikan sebagai Operasi Dihentikan dalam penyata kewangan 2012.

Penyelarasan Bisnes Intrapreneur Venture

Pada September 2012, pelupusan keseluruhan bisnes pengurusan tempat letak kereta di bawah Kumpulan Metro Parking kepada Damansara Realty Berhad (DBhd) pada jumlah RM13.5 juta yang dibiayai sepenuhnya oleh terbitan saham baru DBhd, telah dimuktamadkan. Pelupusan ini telah mencatat keuntungan sebanyak RM8.01 juta kepada Kumpulan Kulim. Kumpulan Metro Parking telah diambilalih pada 2004 melalui Sindora.

Pelupusan Pro Office Solutions Sdn Bhd (POS) pada jumlah RM6.75 juta kini berada di peringkat akhir dan dijangka selesai dalam tempoh suku kedua 2013. Selain itu, harus diberi perhatian bahawa sebelum pelupusan, POS telah menjual premis miliknya pada jumlah RM9 juta dengan lebihan tunai RM6.1 juta.

Jumlah keuntungan yang dicatatkan adalah kira-kira RM7.5 juta dalam tempoh pelaburan 9 tahun.

Pelupusan pegangan saham dalam Orkim Sdn Bhd (Orkim) oleh Sindora dan EA Technique (M) Sdn Bhd (EATech) masing-masing sebanyak 20 peratus dan 31 peratus pada pertimbangan sebanyak RM110 juta, juga berada pada fasa akhir dan dijangka selesai pada setengah tahun pertama 2013. Jangkaan keuntungan adalah sebanyak RM61.2 juta kepada Kumpulan Kulim dalam tempoh pelaburan kira-kira 3 tahun.

Sukacita dimaklumkan bahawa Kulim telah mencatatkan keuntungan yang besar daripada pelupusan bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran Segera serta bisnes IV yang dinyatakan. Bukan sekadar mencatat keuntungan, malah Kulim amat berbangga dengan pencapaiannya dalam mengembangkan bisnes dan meningkatkan nilai. Di samping itu, usahawan intrapreneur turut memperoleh manfaat daripada skim ini berikutan usahasama yang berjaya dengan Bahagian. Contohnya, intrapreneur untuk POS mencatatkan nilai kira-kira tiga kali ganda lebih tinggi daripada pegangan saham dalam syarikat itu iaitu daripada RM430,000 kepada RM1.06 juta manakala usahawan Orkim menyaksikan nilai pegangan saham mereka meningkat daripada RM1.30 sesaham kepada RM6.98 sesaham.

Dengan pengunduran Kulim daripada bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran Segera serta penyelarasan Bisnes IV, bisnes Kulim akan didorong terutama oleh operasi perladangan di Malaysia dan dipengaruhi



BISNES SAWIT (KULIM)

keputusan dari NBPOL sekali gus meningkatkan kepekaan Bahagian terhadap naik turun harga minyak sawit. Bagaimanapun, Bahagian yakin bahawa bisnis minyak sawit akan terus kukuh dalam jangka masa panjang dan Bahagian akan terus meneroka peluang-peluang pengambilalihan tanah baru di dalam dan di luar negara untuk mengembangkan bisnis perladangan Bahagian.

Strategi Bisnes Seimbang Kulim telah menyokong baik pencapaian Kumpulan Kulim sepanjang tempoh 5 tahun lalu. Dengan itu, Bahagian akan terus meneroka bidang baru secara aktif untuk mempelbagaikan bisnis dan menstabilkan pendapatan. Dua bidang yang menarik untuk diterokai ialah sektor perkhidmatan O&G dengan memanfaatkan rancangan pembangunan di sekitar Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang, Johor serta sektor Pembangunan Hartanah bagi memanfaatkan pertumbuhan yang kukuh di Iskandar Malaysia.

KOMITMEN KULIM TERHADAP KEMAPANAN

Kumpulan Kulim menerima pelbagai anugerah dan penghargaan sepanjang 2012. Ini membuktikan komitmen Kulim untuk mengimbangi prestasi ekonomi yang kukuh dengan prestasi sosial dan alam sekitar yang baik. Kulim komited untuk memastikan bisnis yang diceburi mencapai matlamat yang lebih tinggi, selain hanya menjana keuntungan. Oleh itu, segala usaha yang baik akan diteruskan dalam melaksanakan

dasar yang lebih komprehensif dan membangunkan rangka kerja dasar bersepadu bagi usaha-usaha pembangunan mapan Kulim.

Dalam Laporan Tahunan 2011, Kulim menyatakan persediaannya untuk memperoleh Sijil Kemapanan Antarabangsa dan Karbon (*International Sustainability and Carbon Certification - ISCC*) yang akan memberikan akses ke pasaran Kesatuan Eropah (EU), kelebihan daya saing, serta meningkatkan kesetiaan pelanggan dan kebolehpasaran produk. Sukacita dimaklumkan bahawa Kulim berjaya memuktamadkan proses ini pada Januari 2013. ISCC bukan hanya akan menyokong komitmen untuk memperkukuhkan agenda kemapanan Kulim, malah berpotensi untuk pengaktifan semula kilang biodieselnnya, Nexsol, bagi pasaran EU melalui kerjasama strategik.

Sukacita juga dilaporkan bahawa NBPOL telah memperolehi pengesyoran untuk pensijilan *Roundtable for Sustainable Palm Oil (RSPO)* bagi Ladang Milne Bay dan Ladang Higaturu pada akhir 2012. Bersama-sama dengan pensijilan Poliamba pada Mac 2012, keseluruhan pengeluaran NBPOL termasuk pekebun kecil telah menerima pengesyoran untuk pensijilan. Ini bermakna, semua minyak sawit NBPOL adalah disahkan 100 peratus sebagai minyak sawit mapan. Bagi Perladangan di Malaysia, dengan bangga dinyatakan bahawa semua unit operasi Kulim telah berjaya menjalani audit pengawasan tahunan bagi tujuan mengekalkan pensijilan RSPOnya.



BISNES SAWIT (KULIM)

SOROTAN SEGMENT

PERLADANGAN

Operasi perladangan Bahagian menyaksikan penurunan yang sederhana dalam pengeluaran buah tandan segar (BTS) dengan 2,459,061 tan BTS dihasilkan oleh ladang di Malaysia, PNG dan Kepulauan Solomon (SI) berbanding rekod tuaian 2011 sebanyak 2,646,913 tan. Faktor utama penurunan sebanyak 7 peratus ini adalah pengeluaran BTS yang lebih rendah di PNG kerana jumlah hujan di luar jangka pada awal tahun, terutama bagi operasi pengeluaran terbesar NBPOL di West New Britain.

Ladang di Malaysia pula menghasilkan 35 peratus daripada jumlah BTS Bahagian berbanding 34 peratus pada 2011 manakala ladang di PNG dan SI masing-masing menghasilkan 59 peratus dan 5 peratus daripada jumlah BTS Bahagian berbanding pada 2011, masing-masing 61 peratus dan 5 peratus. Kawasan bertanam kelapa sawit Bahagian merosot kepada 134,748 hektar berbanding 135,613 hektar pada 2011. Pecahan secara geografi bagi keluasan bertanam kelapa sawit adalah 37 peratus di Malaysia, 58 peratus di PNG dan 5 peratus di SI. Kulim kekal komited untuk mencapai sasaran produktiviti bagi meningkatkan hasil kepada 30 tan sehektar dan kadar perahan produk sawit kepada 30 peratus. Bagaimanapun, sasaran itu mungkin perlu dikaji semula dari segi tempoh masa supaya peningkatan dalam profil umur dan penggunaan teknologi dan benih tanaman baru dapat dicapai secara sistematik.

Perladangan di Malaysia

Ladang Bahagian di Malaysia telah menghasilkan 870,575 tan BTS pada 2012 iaitu 4.15 peratus lebih rendah berbanding 908,286 tan pada 2011. Kadar penghasilan sehektar pula menurun kepada 20.29 tan pada 2012 daripada 21.02 tan tahun sebelumnya. Bagaimanapun, prestasi ini lebih tinggi daripada purata yang dicapai oleh keseluruhan industri di Johor dan Semenanjung pada 2012 iaitu masing-masing sebanyak 19.02 tan dan 19.05 tan. Purata penghasilan sehektar BTS bagi seluruh negara (termasuk Semenanjung, Sabah dan Sarawak) menurun kepada 18.89 tan sehektar daripada 19.69 tan pada 2011. Jumlah pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) pula meningkat kepada 251,286 tan pada 2012 berbanding 249,172 tan sebelumnya.

Perladangan di PNG dan SI

Bahagian menghasilkan 2.3 juta tan BTS pada 2012 berbanding 2.4 juta tan pada 2011 di mana cuaca buruk di West New Britain mengakibatkan pekerja sukar mengumpul dan mengangkut BTS menjadi faktor utamanya. Bagaimanapun, perlu diberi perhatian bahawa pokok berusia muda telah menunjukkan potensi hasil memberangsangkan di mana pokok berumur tiga tahun mampu menghasilkan BTS lebih daripada 25 tan sehektar secara purata. Ladang KPOL yang diambilalih baru-baru ini di Higaturu, Milne Bay dan Poliamba telah menyokong teguh Kumpulan NBPOL dengan penghasilan melebihi sasaran tahunan masing-masing. Penurunan dalam pengeluaran BTS juga mengakibatkan penurunan jumlah penghasilan MSM kepada 545,175 tan. Kadar purata penghasilan BTS sehektar ladang bagi 2012 adalah 23.8 tan iaitu menurun daripada 25.4 tan pada 2011.



BISNES SAWIT (KULIM)



INTRAPRENEUR VENTURES

Bisnes IV Bahagian mencatat penurunan perolehan daripada RM184.93 juta pada 2011 kepada RM167.98 juta pada 2012 iaitu penurunan sebanyak 9.2 peratus. Bagaimanapun, keuntungan operasi melonjak 41.21 peratus daripada RM21.90 juta kepada RM30.92 juta pada 2012. Peningkatan prestasi tahun ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan segmen perkapalan oleh EATech.

EATech mencatatkan perolehan berjumlah RM102.72 juta pada 2012 berbanding RM96.06 juta pada 2011, peningkatan sebanyak 7 peratus. Ini disebabkan kontrak baru dengan margin keuntungan yang baik diperolehi bagi empat bot tunda baru, yang kini menyediakan perkhidmatan di Pelabuhan Sungai Udang, Melaka. Di samping itu, Edaran Badang Sdn Bhd (EBSB) mencatatkan pertumbuhan perolehan sebanyak 14 peratus selain didorong terutamanya kejayaan menembusi pasaran di Sabah, terdapat peningkatan penjualan jentera 'Mechanical Buffalo' pada nilai lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya.

Bagaimanapun, peningkatan ini turut diimbangi dengan penurunan perolehan yang dicatatkan syarikat IV lain. Penurunan direkodkan oleh Sindora Timber Sdn Bhd (STSB) berikutan penurunan harga getah; Microwell Bio Solutions Sdn Bhd (Microwell) berikutan perubahan strategi tumpuan jualan yang memfokuskan penjualan pakej nutrien (*Gro Agro 1* dan *2*) yang mempunyai harga jualan yang rendah; dan Extreme Edge Sdn Bhd (EESB), berikutan penamatan awal kontrak yang kurang menguntungkan.

Meskipun mencatat perolehan lebih rendah, keuntungan operasi Bisnes IV Kulim adalah lebih tinggi iaitu RM30.92 juta pada 2012 berbanding RM21.90 pada 2011. Ini didorong terutamanya oleh peningkatan 117 peratus keuntungan EATech disebabkan kontrak baru yang diperolehi untuk bot tunda baru serta prestasi baik oleh MT Nautica Muar (MTN Muar), kapal tangki 40,000 tan berat muatan (dwt) bergeladak tunggal. Pada tahun sebelumnya, MTN Muar mencatatkan kerugian kerana tidak beroperasi. Pada tahun ini, kontrak jangka pendek telah diperolehi bagi menggunakan MTN Muar untuk tujuan penyimpanan terapung dan berjaya mencapai pulangan modal.

Syarikat lain yang merekodkan peningkatan prestasi keuntungan adalah MIT Insurance Brokers Sdn Bhd, EBSB dan EESB.

PROSPEK DAN PERANCANGAN

Ekonomi Malaysia dijangka terus mencatat kadar pertumbuhan yang stabil sebanyak 5 hingga 6 peratus pada 2013. Aktiviti ekonomi dijangka berdasarkan permintaan dalam negeri yang terus berdaya tahan dan disokong sektor luaran yang beransur baik. Dari segi bekalan, semua sektor ekonomi utama dijangka mencatat pertumbuhan berterusan pada 2013. Sektor pertanian dijangka berkembang 4 peratus pada 2013, disokong pengeluaran lebih tinggi bagi MSM dan komoditi makanan, terutama ternakan dan sayur-sayuran. Pengeluaran MSM dijangka meningkat berikutan hasil yang bertambah baik dengan keadaan

**BISNES SAWIT
(KULIM)**

cuaca lebih baik dan disokong pengeluaran dari kawasan baru matang.

Industri minyak sawit dijangka menghadapi satu lagi tahun mencabar pada 2013 berikutan penambahan kawasan matang yang baru di Indonesia daripada 7.1 juta hektar pada 2011/2012 kepada 7.6 juta hektar pada 2012/2013. Pengeluaran global dijangka terus meningkat kepada 53.4 juta tan pada 2012/2013 berbanding 50.6 juta tan pada tempoh sama sebelumnya. Jumlah permintaan bagi minyak sawit dan minyak isirong dijangka mencapai 57.7 juta tan dalam tempoh 2012/2013 manakala permintaan daripada segmen makanan dan perindustrian dijangka masing-masing pada 33 peratus dan 49.5 peratus. Bagaimanapun, ini perlu dilihat secara keseluruhan dalam konteks pasaran minyak dan lelemak. Pengeluaran kacang soya di Amerika Syarikat dijangka menurun disebabkan cuaca lebih panas yang dialami pada 2012 manakala penuaian biji sesawi dan biji bunga matahari juga dijangka mengalami penurunan akibat keadaan cuaca buruk.

Pada masa laporan ini ditulis, harga MSM terus mengalami tekanan serta mencatat stok bekalan yang tinggi iaitu melebihi 2 juta tan diikuti penurunan prestasi eksport. Walaupun jangkaan asas bagi bekalan dan permintaan akan terus meningkat, harga MSM dijangka tidak akan melonjak naik seperti beberapa tahun sebelumnya. Ini adalah disebabkan peningkatan tanaman kacang soya di Brazil serta pengeluaran MSM dari Malaysia dan Indonesia yang akan menyebabkan stok kekal tinggi terutama pada setengah tahun kedua 2013.

Bahagian akan terus mempertingkatkan strategi pemasaran serta mengambil langkah proaktif bagi memantau aktiviti pengurangan kos dengan meluaskan aplikasi teknologi seperti menerusi penggunaan 'Cantas' untuk penuaian serta mengaplikasi amalan pertanian jitu untuk membaja.

Penglibatan Bahagian dalam sektor O&G melalui EATech selaku penyediaan khidmat pengangkutan produk petroleum bersih adalah memberi manfaat kerana Bahagian juga telah mengenal pasti penglibatan strategik dan berpotensi bagi Kumpulan Kulim dalam mengembangkan aktiviti dalam sektor O&G, disokong dengan cadangan pembangunan RAPID di Pengerang.

Lebih menguntungkan apabila jarak lokasi RAPID adalah berhampiran dengan ladang-ladang Kumpulan Kulim. Dengan perkembangan pesat pasaran hartanah Johor, didorong oleh Iskandar Malaysia, Kumpulan

Kulim berada dalam kedudukan yang baik untuk menceburi pembangunan hartanah yang berpotensi kerana sebahagian daripada lokasi ladang terletak di dalam atau bersebelahan zon pembangunan Iskandar Malaysia. Kumpulan Kulim juga dalam pertimbangan untuk menukar sebahagian daripada ladang-ladang kelapa sawit untuk pembangunan hartanah apabila nilai kawasan-kawasan yang berpotensi ini melebihi nilai semasa ladang.

Pada masa akan datang, Bahagian terus optimis dengan prospek bisnesnya dan akan terus berusaha menyampaikan nilai kepada semua pihak berkepentingan.



MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN SEGERA

Pada 2012, jumlah keseluruhan kedai yang beroperasi di bawah Bahagian Makanan & Perkhidmatan Restoran Segera – Pizza Hut, KFC, Kedai Ayammas dan RasaMas – meningkat kepada 1,142 unit berbanding 1,063 unit pada 2011. Menjelang Disember 2012, QSR mempunyai 344 unit Pizza Hut dan Pizza Hut Delivery (PHD) selain 798 unit restoran KFC/Kedai Ayammas/Rasamas; dan kini beroperasi di lima negara di Asia iaitu Malaysia, Singapura, Brunei, Kemboja dan India.

Jumlah pendapatan Bahagian Makanan & Perkhidmatan Restoran Segera pada 2012 meningkat sebanyak 8 peratus kepada RM3.62 bilion. Bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai menurun 9.8 peratus kepada RM243.4 juta berbanding RM269.9 juta tahun sebelumnya.

PIZZA HUT

Pizza Hut Malaysia

Pertambahan bilangan restoran Pizza Hut Malaysia menyumbang kepada lonjakan jualan sebanyak 4.1 peratus kepada RM460.1 juta pada 2012. Prestasi cemerlang tahun ini juga disumbangkan oleh produk-produk baru yang kreatif, tawaran promosi yang berjaya melebihi sasaran awalnya, kempen pemasaran bersama dengan rakan kongsi korporat serta pertambahan kaedah yang boleh digunakan oleh pelanggan untuk memesan hidangan Pizza Hut.



Pizza Hut Malaysia mengakhiri 2012 dengan 212 restoran termasuk enam yang baru dibuka dan penutupan tiga yang lain. Sembilan restoran menjalani proses peningkatan imej pada tahun ini. Bagi 2013, Pizza Hut merancang membuka lima lagi restoran baru.

Pada 2011, PHD berjumlah 42 kedai dan kini berkembang pesat menjadi 78 kedai khusus yang terdiri daripada 36 cawangan baru dibina serta kedai yang memberi fokus kepada penghantaran dan penyediaan hidangan untuk dibawa pulang. Matlamat PHD adalah untuk memenuhi keperluan pelanggan dengan memberi jaminan penghantaran dalam tempoh 30 minit, perkhidmatan penghantaran percuma dan penetapan harga bersih.

Pizza Hut Singapura

Tahun 2012 menyaksikan Pizza Hut Singapura mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 6.4 peratus kepada RM208.8 juta iaitu RM12.5 juta lebih tinggi berbanding 2011. Kejayaan ini didorong terutamanya oleh peningkatan dalam menu strategik dan kempen promosi yang menarik. Pizza Hut Singapura mengakhiri 2012 dengan 54 restoran manakala sebuah restoran ditutup.

KFC Holdings (Malaysia) Bhd (KFCH)

Kutipan hasil bagi tahun ini berjumlah RM3.04 bilion iaitu bertambah 8.6 peratus daripada RM2.80 bilion yang dicapai pada 2011.

Jumlah hasil bagi semua restoran KFC Kumpulan pada 2012 meningkat 8.6 peratus kepada RM2.30 bilion. Hasil (termasuk jualan antara syarikat) di peringkat segmen Ternakan Ayam Bersepadu Kumpulan turut melonjak 4.5 peratus kepada RM1.54 bilion juta berbanding 2011.

KFC Malaysia

Jumlah hasil KFC Malaysia pada 2012 meningkat kepada RM1.79 bilion iaitu naik 8 peratus daripada RM1.66 bilion yang dicatatkan tahun sebelumnya.

Bagi merealisasikan komitmennya untuk menyediakan suasana dalaman restoran yang segar dan memikat pelanggan, Kumpulan telah mengubahsuai 90 restoran pada tahun ini. Pembukaan 28 restoran baru pula meluaskan lagi liputan rangkaianannya dan KFC juga berhasrat memenuhi keperluan golongan pelanggan yang menjalani kehidupan yang sibuk dengan lebih baik menerusi penambahan bilangan restoran yang menawarkan perkhidmatan pandu lalu.

Kumpulan terus mendominasi pasaran dengan memiliki

555 restoran – 465 buah di Semenanjung manakala 90 di Sabah dan Sarawak, sekaligus mengekalkan kedudukannya sebagai rangkaian restoran terbesar di Malaysia. Pada 2013, sebanyak 33 restoran lagi dirancang akan dibuka.

KFC Singapura

Pertumbuhan ekonomi Singapura serta penambahan bilangan restoran telah membolehkan KFC Singapura mencatat rekod hasil jualan sebanyak RM440.9 juta, meningkat RM31.8 juta atau 7.8 peratus berbanding 2011.

Jumlah restoran di bawah KFC Singapura pada akhir 2012 berjumlah 82 buah, termasuk enam restoran yang baru dibuka atau dipindahkan dan penutupan empat restoran.

KFC Brunei

KFC Brunei menambah bilangan restorannya daripada 9 pada 2010 kepada 14 pada 2012 dengan jumlah kutipan hasil melonjak sebanyak RM6.1 juta kepada RM26.5 juta pada 2012 iaitu pertumbuhan sebanyak 30 peratus.

Rancangan pengembangan bagi 2013 meliputi pembukaan empat restoran baru (dua *inline* dan dua pandu lalu) serta peningkatan imej tiga cawangan.

KFC Kemboja

Sekali lagi KFC Kemboja telah mengatasi prestasi sebelumnya dengan mencapai jualan sebanyak RM12.6 juta pada 2012 iaitu peningkatan sebanyak 0.8 peratus berbanding RM12.5 juta dalam jumlah jualan pada 2011.

Di samping itu, KFC Kemboja mengaturkan aktiviti dan acara berjadual penuh dengan peraduan serta



MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN SEGERA



konser untuk menarik lebih ramai pelanggan ke restorannya. KFC Kemboja juga melancarkan 'Chlat Ve' atau menu bijak jalanan di mana semua menu yang dijual adalah berharga USD1.00 dan ke bawah. Ini telah membolehkan KFC Kemboja mengekalkan pelanggan sedia ada serta menarik lebih ramai pelanggan baru ke KFC.

"Lebih Nilai, Lebih Pelbagai, Lebih Pilihan" masih menjadi slogan untuk 2012 dan pelancaran bagi fasa kedua pada Ogos dengan makanan tempatan yang merupakan gabungan jeruk tempatan bersama sos 'Koh Kong' dengan ayam 'Original Recipe' yang terkenal dihidangkan bersama nasi. Kombo yang lebih nilai juga ditawarkan selaras dengan visi untuk terus meletakkan KFC sebagai restoran paling berbaloi dan murah di Kemboja. Bilangan restoran KFC di Kemboja adalah sebanyak 10 pada 2012.

KFC India

Pada tahun ketiga operasinya, KFC India melaporkan peningkatan kutipan hasil yang membanggakan kepada RM31.4 juta berbanding jualan sebanyak RM19.8 juta pada 2011.

KFC India kini memiliki 26 restoran, di mana penambahan sebanyak 13 restoran pada 2012.

RASAMAS & KEDAI AYAMAS

Jumlah cawangan RasaMas pada 2012 adalah sebanyak 26 dan 2 kiosk. Berikutan pengurangan bilangan kedai yang beroperasi, jumlah jualan pada 2012 telah mengalami penurunan sebanyak 15.8 peratus kepada RM16.0 juta berbanding 2011.

Jumlah hasil jualan oleh Kedai Ayammas mencatat penurunan sebanyak 6.7 peratus kepada RM72.5 juta. Bagaimanapun, bilangan cawangan Kedai Ayammas telah meningkat daripada 75 pada akhir 2011, kepada 85 menjelang 2012 iaitu penambahan 10 kedai baru.

OPERASI AYAM BERSEPADU & SOKONGAN

Tahun 2012 adalah satu lagi tahun pertumbuhan bagi Operasi Ayam Bersepadu & Sokongan. Kutipan hasil termasuk jualan antara syarikat meningkat 4.6 peratus kepada RM1.54 bilion berbanding 2011.

Peningkatan tersebut banyak disumbangkan oleh kilang-kilang pemprosesan Ayammas Food Corporation Sdn Bhd (AFCSB). Rangkaian restoran dan kedai KFC, RasaMas dan Kedai Ayammas yang semakin berkembang terus meningkatkan jumlah pesanan sekaligus telah melonjakkan angka-angka jualan secara dalaman.

MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN SEGERA



QSR Trading Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai QSR Marketing Sdn Bhd) beroperasi sebagai satu saluran jualan, pemasaran dan perdagangan bagi KFCH, untuk pasaran tempatan mahupun di peringkat antarabangsa. Dengan wawasan untuk muncul sebagai pengedar pilihan bagi jenama halal berkualiti unggul, syarikat anak ini telah menunjukkan prestasi cemerlang pada 2012 dengan peningkatan jualan sebanyak 13 peratus ke paras RM308.6 juta.

Di samping itu, QSR Trading Sdn Bhd menjadi pengedar untuk jenama antarabangsa seperti *Simplot*, *Divella*, *Kewpie*, *Lactima Cheese* dan *Leggo's*. Pelantikan Datuk Redzuan bin Ismail, atau lebih dikenali sebagai Chef Wan, sebagai duta bagi QSR Trading juga berperanan mengukuhkan lagi kedudukan syarikat tersebut.

KFCH INTERNATIONAL COLLEGE

KFCH International College kini mempunyai dua kampus iaitu di Puchong dan Johor Bahru. Pada tahun ini, kolej tersebut mencatat hasil berjumlah RM9.14 juta daripada program diplamanya manakala RM0.89 juta lagi melalui kursus jangka pendek.

Sehingga Disember 2012, jumlah kemasukan ke kampus Puchong dan Johor adalah seramai 1,168 pelajar. Wawasan Kumpulan bagi KFCH International College adalah menjadi sebuah institusi pengajian

Malaysia bertaraf perdana yang khusus dalam industri perkhidmatan hospitaliti dan makanan, terutama dalam bidang pengurusan hotel, pengurusan pelancong dan pengurusan acara.

Kolej itu juga memperolehi akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi kursus Diploma Pentadbiran Perniagaan, Diploma Pengurusan Hotel, termasuk akreditasi bersyarat bagi kursus Diploma Pengurusan Restoran, Diploma Seni Kulinari dan Diploma Pengurusan Pelancongan yang ditawarkan. Kolej tersebut kini bersiap sedia untuk dokumentasi MQA bagi dua program tambahan iaitu Diploma Sains & Teknologi Makanan serta Diploma Halal Toyibban & Keselamatan Makanan.

KOMITMEN HALAL

Bahagian memberi jaminan pematuan halal sepenuhnya dalam semua pasaran Bahagian. Setiap aspek proses perkilangan makanan termasuk pemerolehan bahan mentah, penyediaan, pembungkusan, penyimpanan dan peralatan mematuhi kawalan yang ketat. Bahagian memberi perhatian teliti kepada sebarang produk yang diperolehi daripada pembekal asing dengan mensyaratkan produk mereka disahkan halal di negara pengeluar sumber mereka dan hanya menerima pensijilan yang diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

PRISIHATIN

KPJ Healthcare Berhad (KPJ) mengekalkan kedudukan sebagai penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan terkemuka di Malaysia yang kini memiliki rangkaian 22 hospital pakar swasta di dalam negara. KPJ juga mempunyai dua hospital di Jakarta, Indonesia dan satu di Thailand serta sebuah pusat persaraan dan penjagaan warga emas di Brisbane, Australia iaitu Jeta Gardens. KPJ juga merupakan kumpulan penjagaan kesihatan terbesar yang tersenarai di Bursa Malaysia.

Sebagai cabang penjagaan kesihatan di bawah Johor Corporation (JCorp), KPJ kini telah berkhidmat kepada masyarakat selama lebih tiga dekad sejak pembukaan hospital pertama di Johor Bahru pada 1981.

KPJ memiliki 10,000 anggota pekerja sokongan dalam perkhidmatan perubatan dan lebih 900 perunding perubatan pakar dalam pelbagai disiplin termasuk Kardiologi, Onkologi, Ortopedik, Plastik dan Pembedahan Rekonstruktif serta Pengurusan Berat Badan.

Hari ini, KPJ juga mempunyai lebih daripada 3,000 katil pesakit di semua rangkaian hospital di seluruh negara dan merawat lebih daripada 2.5 juta pesakit setiap tahun. Pada 2012 sahaja, hospital KPJ merawat kira-kira 2.5 juta pesakit luar dan lebih 250,000 pesakit dalam.

Didorong oleh inovasi dan kemajuan teknologi, KPJ telah terus melabur sepanjang 2012 bagi membeli peralatan perubatan berteknologi terkini dalam usaha untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik untuk pesakit di hospital-hospital KPJ.

Komitmen KPJ dalam penjagaan kesihatan berkualiti telah menarik ramai pesakit tempatan dan asing dari seluruh dunia. Pada 2012, seramai 3.53 peratus pesakit yang mendapatkan rawatan di hospital KPJ adalah pelancong kesihatan berbanding 3.47 peratus pada 2011. Peningkatan jumlah pesakit ini didorong oleh strategi perniagaan yang agresif untuk meningkatkan kedudukan KPJ sebagai penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan utama di Malaysia dan rantau ini.



Sehingga kini, 11 hospital KPJ telah diakreditasi oleh Malaysian Society for Quality in Health (MSQH) dan dua lagi oleh Joint Commission International (JCI).

Kejayaan demi kejayaan yang dicapai dan dimenangi oleh KPJ telah membuka mata ramai pihak termasuk Frost & Sullivan yang memberi pengiktirafan sebagai Penyedia Perkhidmatan Kesihatan Tahunan pada Anugerah Kecemerlangan Frost & Sullivan 2012. Selain itu, KPJ memenangi anugerah *Reader's Digest Trusted Brand Award 2012* - satu anugerah yang diberikan selepas satu kaji selidik dijalankan untuk mengetahui jenama yang paling dekat di hati pengguna. Anugerah ini pernah dimenangi KPJ pada 2011. Anugerah lain yang dimenangi pada 2012 adalah Anugerah Majikan Pilihan 2012 dan Anugerah Pemimpin HR Tahunan 2012 oleh Malaysia Institute of Human Resource Management. KPJ juga memenangi Anugerah Kempimpinan CSR 2012 dari Young Entrepreneur Organization Malaysia (GMB).

KPJ telah banyak membantu kehidupan warga yang memerlukan bantuan melalui inisiatif Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) di mana lebih daripada 900,000 pesakit menerima rawatan melalui 18 klinik amal di seluruh Malaysia. KPJ juga menguruskan operasi Hospital Waqaf An-Nur, Pasir Gudang di Johor.

PERKEMBANGAN BISNES KPJ

Tahun 2012 menyaksikan KPJ memperkembangkan dan meningkatkan daya saingnya. Kumpulan hospital KPJ mencatatkan peningkatan yang teguh pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 dan juga peningkatan jumlah pesakit. Peningkatan positif ini disumbangkan oleh pengambilalihan Pusat Pakar Perubatan Sibu pada Januari 2011 dan pembukaan Hospital Pakar KPJ Klang yang mula beroperasi pada



Mei 2012. Selain itu, penaiktarafan perkhidmatan sedia ada dan juga inisiatif merekrut lebih ramai pakar di beberapa hospital turut menyumbang kepada peningkatan prestasi KPJ pada tahun tersebut.

Pada 2012, hospital KPJ di Malaysia mencatatkan 2,402,291 pesakit luar iaitu peningkatan sebanyak 4.5 peratus berbanding 2,298,171 pesakit luar yang dicatatkan pada 2011. Hospital ini juga menerima 248,589 pesakit yang dimasukkan ke wad berbanding 241,715 pada 2011 iaitu peningkatan sebanyak 2.8 peratus. Jumlah pembedahan yang dilakukan pada 2012 adalah sebanyak 87,113 kes iaitu 2.6 peratus meningkat berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, jumlah kapasiti katil adalah 2,596 unit berbanding 2,526 unit pada tahun sebelumnya. Hospital KPJ di Indonesia iaitu Rumah Sakit Medika Permata Hijau (RSMPH) dan Rumah Sakit Bumi Serpong Damai (RSBSD) masing-masing mencatatkan seramai 90,671 dan 33,818 pesakit luar iaitu peningkatan sebanyak 22.7 peratus berbanding 2011. Jumlah pesakit yang dimasukkan

ke wad pada 2012 meningkat sebanyak 32 peratus kepada 8,720 berbanding 6,599 pada 2011.

Perkhidmatan sokongan KPJ seperti Pharmaserv Alliances Sdn Bhd, Lablink Sdn Bhd, KPJ Healthcare University College dan juga intrapreneur serta syarikat anak lain juga menyumbang dengan tinggi kepada prestasi Kumpulan yang positif untuk 2012.

Secara keseluruhan, Kumpulan KPJ mencatatkan perolehan 10 peratus lebih tinggi iaitu sebanyak RM2.10 bilion pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 berbanding RM1.91 bilion pada 2011. Bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai pula menunjukkan penurunan 4.4 peratus iaitu RM196 juta berbanding RM205 juta tahun sebelumnya. Penurunan ini disebabkan penilaian Al-'Aqar Healthcare REIT yang berlaku pada 2011 dan 2012. Pada 2011, penilaian Al-'Aqar Healthcare REIT sebanyak RM25.9 juta telah direkodkan disebabkan oleh perbezaan cara penilaian berbanding RM5.4 juta pada 2012. Jika penilaian ini tidak diambil kira, keuntungan sebelum

PRISIHATIN

cukai untuk 2012 ialah RM190.7 juta berbanding RM179.1 juta untuk tahun sebelumnya.

Beberapa kejayaan penting bagi Kumpulan pada 2012 adalah:

- 1) Pengambilalihan sebanyak 23.37 peratus pegangan dalam Vejthani Hospital PLC (Vejthani), Thailand. Hospital pakar pelbagai disiplin di Bangkok ini memiliki 500 katil dan terkenal sebagai 'Raja Tulang dan Sendi'. Hospital ini merawat lebih 300,000 pesakit setiap tahun dan 50 peratus daripada mereka adalah pesakit antarabangsa yang datang dari lebih 40 negara. Selain mengukuhkan tapak di pasaran Asia Tenggara, pengambilalihan ini juga membolehkan KPJ untuk meneroka dengan lebih mendalam mengenai pengetahuan dan kemahiran Vejthani dalam pelancongan perubatan. Pengambilalihan ini dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan Kumpulan KPJ sehingga mampu mencapai peningkatan sebanyak 25 peratus menjelang 2020.
- 2) Pengambilalihan baki 49 peratus kepentingan ekuiti di Sabah Medical Centre (SMC) dianggap satu langkah strategik yang akan membolehkan KPJ mengukuhkan kedudukan di Borneo.
- 3) Pencapaian akreditasi Suruhanjaya Bersama Antarabangsa (JCI) oleh Hospital Pakar KPJ Ampang Puteri dan Hospital Pakar KPJ Seremban pada suku keempat 2012 menyerlahkan komitmen Kumpulan dalam mematuhi piawaian antarabangsa dan amalan terbaik dalam bidang penambahbaikan proses.
- 4) Penempatan semula ibu pejabat Kumpulan KPJ ke Menara 238, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur pada Disember 2012, meliputi 5 tingkat pejabat bagi perkhidmatan korporat KPJ dengan keluasan lantai sehingga 79,500 kaki persegi. Dengan konsep '*one stop centre*' ini, KPJ meningkat dan memperkukuhkan identitinya sebagai badan korporat terkemuka.
- 5) Cadangan pengambilalihan Sri Manjung Specialist Centre Sdn Bhd pada RM14.25 juta.
- 6) Pengambilalihan 80 peratus pegangan saham dari PT Khidmat Perawatan Jasa KPJ Medika (PT KPJ Medika) oleh Kumpulan Perubatan (Johor) Sdn Bhd dari JCorp.



PENUBUHAN AL-'AQAR HEALTHCARE REIT

Al-'Aqar Healthcare REIT (Al-'Aqar), pelaburan hartanah yang berpangkalan di Malaysia telah ditubuhkan pada 28 Jun 2006 dengan termeterainya Surat Ikatan bertarikh 27 Jun 2006 di antara Pengurus (Damansara REIT Managers Sdn Berhad) dan Pemegang Amanah (AmanahRaya Trustees Berhad). Ia telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia pada 10 Ogos 2006.

Al-'Aqar pada mulanya ditubuhkan untuk memiliki dan melabur dalam hartanah berlandaskan Syariah yang terdiri daripada 21 bangunan hospital pakar, dua kolej kejururawatan, sebuah bangunan komersil serta sebuah pusat persaraan dan penjagaan warga emas.

SOROTAN 2012

Pada 6 Januari 2012, Al-'Aqar telah mengambil alih bangunan Hospital Pakar Kluang Utama di Kluang, Johor. Seterusnya pengambilalihan bangunan Hospital Pakar Bandar Baru Klang di Klang yang telah siap sepenuhnya pada 26 Jun 2012. Daripada pengambilalihan bangunan Hospital Pakar Kluang Utama dan bangunan Hospital Pakar Bandar Baru Klang, jumlah unit Al-'Aqar telah berkembang sebanyak 696,226,468 unit pada tarikh penyempurnaan pengambilalihan.

Pada 8 Ogos 2012, Al-'Aqar mengumumkan cadangan untuk mengambil alih dua lot tanah yang kedua-duanya terletak bersebelahan bangunan Hospital Pakar Puteri, Johor Bahru dari Puteri Specialist Hospital (Johor) Sdn Bhd untuk pertimbangan pembelian sebanyak RM3,590,000 dan akan dijelaskan sepenuhnya secara tunai. Pengambilalihan ini adalah cadangan perkembangan bangunan Hospital Pakar Puteri dan hasil dari cadangan ini akan meningkatkan pendapatan masa depan Al-'Aqar dan nilai aset bersih seunit.

Bagi tahun yang ditinjau, Kumpulan Al-'Aqar mencatatkan hasil sebanyak RM103.4 juta peningkatan sebanyak 22 peratus atau RM18.8 juta berbanding RM84.6 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2011. Pendapatan bersih direalisasikan bagi Al-'Aqar berjumlah RM52.6 juta tahun ini iaitu 14 peratus lebih tinggi berbanding RM46.1 juta tahun lalu.

Pada 23 Januari 2013, Al-'Aqar 2012 mengumumkan pengagihan akhir 4.54 sen seunit, di samping pengagihan dividen interim sebanyak 3.26 sen seunit pada 1 Jun 2012 yang memberikan jumlah dividen seunit sebanyak 7.80 sen bagi 2012.

Pada 22 Februari 2013, syarikat tujuan khas, Al-'Aqar Capital Sdn Bhd telah berjaya menebus Sukuk Ijarah Program (Nota Islam Jangka Sederhana (IMTN)/ Kertas Komersil Islam) sehingga RM300 juta, yang merupakan yang pertama diterbitkan pada 2008. Penebusan adalah melalui pinjaman jangka pendek bersambung berjumlah RM280.5 juta yang diperoleh daripada institusi kewangan.

Al-'Aqar Capital Sdn Bhd kini melaksanakan program Sukuk baru sehingga RM1 bilion dan terbitan pertama program dijangka mengambil tempat pada suku kedua 2013. Tujuan Program Sukuk baru antara lain untuk membiayai komitmen kewangan sedia ada, pengambilalihan aset masa depan serta pusingan modal kerja. Kelulusan daripada Suruhanjaya Sekuriti untuk Program Sukuk diperolehi pada 31 Januari 2013.

HARTANAH



JOHOR LAND BERHAD

Johor Land Berhad (JLand) menerajui Sektor Hartanah Johor Corporation (JCorp) dalam pembangunan kediaman dan komersil. Ia mempunyai rekod pencapaian yang kukuh dalam membangunkan komuniti yang berkembang di Johor sejak 1972. Antara pencapaian utamanya ialah pembangunan kediaman perjiranan di Perbandaran Pasir Gudang.

JLand mempunyai simpanan tanah kira-kira 1,214 hektar di Johor dengan lokasi utama terletak dalam Iskandar Malaysia. Ia akan terus membina jenama JLand, mewujudkan konsep pembangunan yang menarik dan menyediakan kediaman berkualiti serta kejiranan yang tersendiri kepada pelanggan di perbandaran yang dibina. Sebagai pemaju hartanah yang kukuh di Johor, JLand bersedia untuk terus maju seiring dengan rantaian nilai dan menceburi pasaran yang lebih menarik.

PRESTASI KEWANGAN

JLand mencatatkan pertumbuhan yang cemerlang bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 dengan peningkatan perolehan sebanyak 119 peratus kepada RM410 juta daripada RM187 juta bagi 2011. Peningkatan prestasi ini hasil jualan dan tuntutan

kemajuan kerja yang lebih tinggi daripada projek hartanahnya. Justeru, keuntungan sebelum cukai meningkat kepada RM120 juta bagi 2012 berbanding RM65 juta bagi 2011.

Kualiti lembaran imbalan JLand juga bertambah baik. Aset ketara bersih meningkat kepada RM848 juta bagi 2012 berbanding RM768 juta dicatatkan pada tahun sebelumnya.

TINJAUAN OPERASI

Bandar Dato' Onn

Bandar Dato' Onn adalah hartanah utama JLand berkeluasan 612.6 hektar dan terletak di kejiranan terbaru di Johor Bahru, boleh dihubungi dengan mudah melalui persimpangan bertingkat dari Lebuhraya Utara-Selatan dan terletak hanya 12 kilometer dari

pusat Bandaraya Johor Bahru. Pembangunan utama ini telah dirancang sebagai sebuah bandar baru serba lengkap dan menjadi tumpuan bagi lebih 100,000 penduduk. Perbandaran ini dijadualkan siap dalam tempoh 10 hingga 15 tahun dan menampilkan lebih kurang 17,800 hartanah dengan unjuran jualan pembangunan kasar bernilai RM5 bilion.

Selaras dengan misi JLand untuk membina komuniti yang berkembang maju dan mewujudkan persekitaran yang selesa serta harmoni, Bandar Dato' Onn akan dibina berdasarkan konsep kejiranan. Sebanyak 19 kawasan kejiranan eksklusif telah dirancang di tengah-tengah persekitaran hijau dan dilengkapi pelbagai kemudahan rekreasi. Di perbandaran ini juga hab perdagangan seluas 47.7 hektar bakal menjadi nadi penggerak kepada Bandar Dato' Onn.

Pelbagai kemudahan seperti balai polis, KFCH International College dan Pusat Komuniti telah memulakan operasinya. Kemudahan lain seperti masjid, sekolah, kompleks beli-belah dan Hospital Pakar KPJ akan dibina bagi memenuhi keperluan komuniti. Semua kemudahan ini serta lanskap yang menghijau akan menambah nilai dan kualiti kehidupan penduduk di kejiranan perdana ini.

Pada 2012, JLand telah menyiapkan beberapa rumah contoh terbaru di Bandar Dato' Onn yang membolehkan bakal pembeli melihat sendiri reka bentuk dan keunikan unit hartanah yang disediakan. Semua unit rumah contoh telah mendapat perhatian dan menarik minat ramai.

Pada Disember 2012, JLand melancarkan fasa pertama Perjiranan 12 yang merangkumi 386 unit kediaman dengan anggaran nilai jualan berjumlah RM206 juta. Projek yang telah disiapkan adalah fasa satu dan dua di Perjiranan 11 yang terdiri daripada 415 unit rumah teres dua tingkat dan rumah berkembar dua tingkat dengan jumlah nilai jualan RM176 juta dan 42 unit kedai pejabat tiga tingkat di Perjiranan 2 dengan jumlah nilai jualan RM34 juta. Kerja-kerja pembangunan di Bandar Dato' Onn telah berjalan mengikut jadual dan JLand menjangkakan minat yang kukuh daripada pembeli terhadap penawaran produk-produk yang inovatif.

Bandar Tiram

Bandar Tiram merupakan satu lagi mercu tanda hartanah JLand yang pesat dibangunkan dan menjadi pilihan di kalangan pembeli yang arif dan teliti. Pembangunan ini meliputi kawasan seluas 485.6 hektar dan merangkumi lebih daripada 12,300 unit kediaman dan komersil. Keseluruhan projek mempunyai nilai pembangunan kasar sebanyak RM2.6 bilion.

Bandar Tiram dibangunkan dalam beberapa fasa. Fasa pertama perbandaran ini akan merangkumi pembangunan bercampur melibatkan 1,600 unit kediaman dan komersil dengan nilai pembangunan kasar berjumlah RM200 juta. Reka bentuk rumah yang dibina oleh JLand adalah fokus utama JLand dalam memberikan kehidupan berkualiti lagi praktikal, berfungsi dan mampu dimiliki. Keseluruhan Bandar Tiram dijangka siap menjelang 2020 dan bakal mengubah Ulu Tiram menjadi bandar baru moden.

Taman Bukit Dahlia

Taman Bukit Dahlia dibangunkan di atas tanah seluas 168.7 hektar terletak di Perbandaran Pasir Gudang, satu daripada koridor pertumbuhan Johor.



HARTANAH



Pembangunan ini akan menempatkan lebih 4,100 unit rumah teres dan berkembar, banglo serta kompleks komersil. Taman Bukit Dahlia dikelilingi pelbagai kemudahan seperti Taman Bandar Pasir Gudang, sekolah, politeknik, balai polis, Hospital Pakar KPJ, bank, pasar raya besar, trek lumba dan stadium. Projek ini dijangka menjana nilai pembangunan kasar sebanyak RM700 juta. Tahun ini menyaksikan sejumlah 40 unit kedai pejabat dua tingkat dengan jumlah nilai jualan sebanyak RM26 juta telah dilancarkan pada Jun 2012.

Taman Damansara Aliff

Taman Damansara Aliff dibangunkan di atas tapak seluas 48.5 hektar terdiri daripada kedai pejabat, pangsapuri dan unit kediaman. Ia terletak hanya 10 minit dari Bandaraya Johor Bahru dan boleh dihubungi terus melalui Lebuhraya Perling-Pasir Gudang dan Jalan Tampoi. Fasa kedua terdiri daripada 121 unit rumah teres dua tingkat akan disiapkan dalam masa terdekat.

Taman Damansara Aliff dibina dengan penuh teliti, dan mempunyai taman rekreasi. Penempatan ini adalah unik mengikut tema dan reka bentuk, turut dilengkapi taman permainan kanak-kanak, padang bola sepak dan trek jogging.

'The Twin Residences' di Tampoi

Walaupun kekuatan JLand terletak dalam pembangunan perbandaran dan komuniti, JLand telah menguji pasaran dengan pembinaan pangsapuri di Johor

Bahru. 'The Twin Residences' terletak bersebelahan Lebuhraya Perling - Pasir Gudang menawarkan 320 unit pangsapuri dan direka bentuk bagi menyediakan keselesaan maksimum dengan panorama yang menarik. Pangsapuri ini dibina bagi memenuhi pelbagai peringkat gaya hidup dan mewujudkan kediaman yang selamat, selesa dan tenang untuk penghuninya. Tahun ini menyaksikan sejumlah 160 unit pangsapuri 'Tower A' dengan jumlah nilai jualan sebanyak RM59 juta bakal dibina. Fasa pertama ini dilancarkan pada Oktober 2012 dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

TPM TECHNOPARK SDN BHD

TPM Technopark Sdn Bhd (TTSB) adalah syarikat anak milik penuh JCorp yang terlibat dalam perkhidmatan pengurusan projek komersil dan pembangunan infrastruktur serta ejen pemasaran dan pemaju projek bagi kawasan perindustrian milik JCorp.

Pada 2012, TTSB menjual 105.2 hektar tanah industri milik JCorp bernilai RM190 juta. Nilai jualan tanah industri pada 2012 menokok berbanding 2011.

Sebagai ejen pemasaran kepada JCorp, TTSB sentiasa terlibat dalam misi pelaburan bagi mendapatkan lebih banyak pelaburan dari luar negara dan memperkenalkan Johor sebagai lokasi terpilih bagi tujuan pelaburan. TTSB telah merancang mempelbagaikan strategi pemasarannya yang meliputi penyertaan dalam pameran, misi dan sesi dialog perdagangan serta

HARTANAH

pengiklanan dan mengambil bahagian dalam program pemasaran yang dianjurkan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kerajaan Negeri Johor. Kelebihan strategik Johor ialah satu-satunya negeri di Malaysia yang mampu memberikan gabungan kelebihan dari Malaysia dan Singapura.

TTSB sedang membangunkan Taman Perindustrian Sedenak seluas 283.27 hektar. Pelbagai strategi pemasaran dilaksanakan untuk menggalakkan penjualan tanah perindustrian di kawasan itu. Pensijilan status HALMAS telah diperolehi dan ia akan mengubah Taman Perindustrian Sedenak menjadi hab halal bersepadu yang berdaya saing.

Selain penjualan tanah industri, TTSB adalah pengurus projek kepada beberapa projek Kumpulan JCorp. Ini termasuk kerja menaiktaraf Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), pembinaan kilang biomas di Kluster Perindustrian Minyak Sawit (POIC) Tanjung Langsat, pembinaan dermaga baru di Jeti Kargo Cecair Pelabuhan Tanjung Langsat (TLP) serta pembangunan Kem Timbalan Setia Negeri di Jalan Tasek Utara, Johor Bahru. Secara keseluruhan, TTSB sedang menguruskan projek yang dianggarkan bernilai RM517 juta.

Sehingga Disember 2012, TTSB telah menyiapkan 36 projek pembangunan dengan nilai berjumlah RM220 juta. Antara projek besar telah disiapkan ialah pembinaan ruang pejabat dan 7 unit kilang Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bagi projek POIC serta jalan pesisir pantai dan kerja pengerukan di TLP.

Untuk prospek 2013, TTSB telah memberikan komitmen untuk meneruskan penjualan serta meningkatkan kutipan jualan tanah industri. TTSB berhasrat melaksanakan program mempelbagaikan sumber pendapatan syarikat dengan memberi tumpuan kepada projek yang menjana sumber pendapatan yang berterusan. Selaras usaha tersebut, TTSB akan melaksanakan kawalan kewangan yang ketat terhadap aliran tunai syarikat.

Program mempelbagaikan sumber pendapatan akan merangkumi projek yang mampu memberi kelangsungan kepada perniagaan teras TTSB. Ini termasuk pembangunan kilang siap bina, gudang, lot kedai dan unit komersil. Selain itu, TTSB merancang memiliki hak pembangunan terhadap tanah industri milik JCorp. Program ini dijangka menjana aliran tunai yang berterusan kepada JCorp selain mewujudkan produk yang mempunyai nilai tambah lebih tinggi.



TTSB menerusi JCorp turut merangka strategi untuk melibatkan diri dalam pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) yang sedang rancang disertai oleh pengusaha O&G tempatan serta antarabangsa. Syarikat merancang untuk mewujudkan zon perindustrian di kawasan tersebut bagi memenuhi permintaan tapak daripada industri sokongan yang akan beroperasi di situ menjelang 2016.

KUMPULAN DAMANSARA REALTY BERHAD

Pada 2012, Kumpulan Damansara Realty Berhad (DBhd) melaksanakan Skim Penyusunan Semula meliputi pengambilalihan syarikat-syarikat dalam sektor perkhidmatan hartanah bagi meningkatkan prestasi kewangan serta operasi perniagaan Kumpulan. Ini telah meletakkan Kumpulan sebagai Pengurusan Fasiliti Bersepadu (IFM) dalam sektor kesihatan dan komersil.

Kumpulan DBhd mencatatkan perolehan sebanyak RM197.2 juta berbanding RM193.3 juta pada 2011. Bagi Tahun Kewangan Berakhir 2012, keuntungan sebelum cukai meningkat kepada RM5.8 juta berbanding kerugian RM2.4 juta pada 2011.

Healthcare Technical Services Sdn Bhd (HTS), sebuah syarikat anak DBhd adalah antara syarikat di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan teknikal komprehensif dalam pembangunan hospital dan berkaitan. Pada 2012, HTS menguruskan projek pembangunan hospital dengan anggaran nilai kontrak berjumlah RM490 juta terdiri daripada pembinaan hospital baru, projek naik taraf bernilai RM262 juta dan projek pengubahsuaian bernilai RM100 juta. Pada 2012, HTS mencatatkan perolehan sebanyak RM7.8 juta manakala RM1.8 juta keuntungan sebelum cukai telah dicatatkan.

HARTANAH

Skim Penyusunan Semula yang dilakukan pada 2012 menyaksikan DBhd mengambilalih tiga syarikat intrapreneur Kumpulan JCorp iaitu TMR Urusharta (M) Sdn Bhd (TMR), Metro Parking (M) Sdn Bhd dan HC Duraclean Sdn Bhd (HC Duraclean).

TMR adalah sebuah syarikat yang menawarkan rangkaian lengkap perkhidmatan IFM, berasaskan pendekatan pencapaian holistik untuk operasi dan automasi bangunan. TMR kini menguruskan kira-kira 10 juta kaki persegi hartanah merangkumi aset dimiliki kerajaan, syarikat swasta dan syarikat berkaitan kerajaan di Malaysia. TMR mencatatkan perolehan berjumlah RM44.2 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM2.1 juta pada 2012.

Metro Parking (M) Sdn Bhd adalah pengusaha tempat letak kereta terulung di Malaysia dengan 117 tempat letak kereta mengandungi 42,251 lot parkir. Ia menguasai kira-kira 25.2 peratus segmen parkir di Malaysia. Syarikat ini turut beroperasi di Singapura, Brunei, Filipina, Hong Kong dan India. Pada 2012, Kumpulan Metro Parking mencatatkan perolehan berjumlah RM109.8 juta di samping peningkatan keuntungan sebelum cukai kepada RM2.5 juta berbanding RM2.3 juta pada 2011.

HC Duraclean yang mempunyai 20 francais berdaftar, menawarkan pelbagai perkhidmatan pembersihan meliputi hartanah komersil, hartanah kediaman dan aset khusus seperti pesawat, lapangan terbang dan hospital. Pada 2012, syarikat ini mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM19.6 juta dengan keuntungan sebelum cukai syarikat sebanyak RM0.3 juta.

Selaras dengan penyelesaian Skim Penyusunan Semula, Kumpulan DBhd berusaha menawarkan keupayaan perniagaan menyeluruh dalam sektor hartanah melalui kemasukan perkhidmatan IFM. Prestasi bisnes Kumpulan dijangka mencatatkan peningkatan positif melalui kebangkitan aktiviti pembangunan hartanah serta faktor sinergi yang terjalin khususnya dalam sektor perkhidmatan hartanah.

TANJUNG LANGSAT PORT SDN BHD

Peningkatan kemudahan infrastruktur, berdaya saing dan khidmat pelanggan berkualiti adalah kunci kejayaan Tanjung Langsat Port Sdn Bhd meningkatkan prestasi pada 2012. Inisiatif kerajaan dalam memberi insentif tambahan untuk pelabur-pelabur dalam industri O&G juga memberi kesan yang amat positif terhadap peningkatan pengendalian kapal dan kargo di TLP.

Sebanyak 559 kapal menggunakan jeti TLP sepanjang 2012 iaitu 95 peratus peningkatan berbanding 252 kapal sepanjang 2011. Daripada jumlah itu, 408 kapal atau 73 peratus adalah kapal tangki minyak yang menggunakan Jeti Kargo Cecair manakala 151 kapal atau 27 peratus merupakan kapal yang menggunakan Jeti Kargo Kering. Jumlah kunjungan tertinggi dicatatkan dalam sejarah TLP adalah sebanyak 54 kapal pada Oktober 2012. Secara purata, TLP mengendalikan 47 kapal sebulan pada 2012 berbanding hanya purata 21 kapal sebulan pada tahun sebelumnya.



HARTANAH

Sejajar dengan peningkatan ketara kunjungan kapal, jumlah kargo yang dikendalikan oleh TLP telah meningkat hampir 2 kali ganda iaitu daripada 4.0 juta tan metrik pada 2011 kepada 7.8 juta tan metrik pada 2012.

Penyumbang utama iaitu sebanyak 96 peratus adalah kargo berasaskan petroleum (*Fuel Oil, Naptha, Gas Oil* dan *Gasoline*), 3 peratus kargo pukal manakala 1 peratus kargo minyak kelapa sawit dan minyak sayuran. Jumlah kargo pukal masih amat kecil kerana kilang pengguna utama di TLP hanya mula beroperasi lewat 2012.

Untuk mencapai skala ekonomi bagi membolehkan pengguna pelabuhan mengurangkan kos operasi, TLP telah melaksanakan kerja mengeruk untuk mendalamkan dasar perairan pelabuhan supaya kapal besar dapat menggunakan pelabuhan ini.

Bagi mencapai matlamat itu, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan geran bernilai RM156 juta kepada JCorp pada akhir 2011 untuk mendalamkan kawasan jeti cecair daripada 12.8 meter kepada 15.0 meter. Kerja mengeruk dimulakan pada Oktober 2011 dan selesai sepenuhnya pada Oktober 2012. Bermula daripada tarikh itu, 'Very Large Crude Carrier' (VLCC) dengan deraf 13.0 meter boleh berlabuh dengan selamat di TLP.

Dalam tempoh sama juga, TLP telah melaksanakan kerja pengerukan untuk mendalamkan kawasan Jeti Kargo Kering daripada 9.0 meter kepada 10.1 meter. Kerja-kerja itu siap sepenuhnya pada November 2012

dan ini membolehkan kapal dengan kapasiti lebih besar berlabuh sejajar peningkatan jumlah 'throughput' kilang yang beroperasi di Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat.

Peningkatan ketara pengendalian kargo cecair di TLP menyebabkan kadar penggunaan dermaga 1, 3 dan 5 menghampiri tahap maksimum. Sehubungan itu, TLP sedang membina dua dermaga baru dengan kapasiti 60,000 tan berat muatan (dwt) dan 110,000 dwt setiap satu dengan kos dianggarkan RM115.8 juta. Ia dibiayai melalui pinjaman mudah Kerajaan Persekutuan dan kerja-kerjanya bermula pada Oktober 2012. Dermaga baru ini dijangka beroperasi sepenuhnya pada Januari 2014 dan ia akan meningkatkan kapasiti pengendalian kargo cecair daripada 24 juta tan metrik kepada 31 juta tan metrik setahun. Peningkatan kapasiti ini akan memastikan TLP terus dapat menampung permintaan pengguna sedia ada dan pelabur baru.

Kemudahan infrastruktur sahaja tidak mencukupi untuk meyakinkan pelabur dan pengguna untuk menggunakan TLP bagi memenuhi keperluan logistik mereka. Pengurangan kos operasi adalah amat kritikal terutama untuk pedagang minyak antarabangsa.


Lembaga Pelabuhan Johor melalui pekeliling bertarikh 4 April 2012 telah mengurangkan caj jeti persendirian yang dikenakan kepada pengguna TLP yang mengendalikan kargo berasaskan petroleum iaitu daripada RM0.50 se tan metrik (dua hala) kepada hanya RM0.25 (satu hala). Penjimatan ketara ini meningkatkan daya saing untuk pedagang petroleum atau pelabur industri O&G yang beroperasi di TLP. Kadar caj baru ini berkuatkuasa pada 4 April 2012 untuk tempoh pelaksanaan selamat 5 tahun.



HARTANAH

Johor Port Berhad (JPB) pula menerusi surat bertarikh 23 Mei 2012 bersetuju menurunkan caj perkhidmatan marin iaitu malim dan bot tunda untuk kapal yang berlabuh di TLP. JPB menawarkan caj '*Consolidated Marine Charges*' berbanding '*Itemised Charges*' sebelum ini. Penurunan kadar caj ini memberi penjimatan antara 45 hingga 83 peratus kepada pengguna TLP. Kadar baru caj perkhidmatan marin ini berkuatkuasa pada 23 Jun 2012 dan membantu meningkatkan daya saing TLP.

Untuk meningkatkan tahap siap siaga pelabuhan dalam menangani bencana, TLP dengan kerjasama *Pasir Gudang Emergency Mutual Aid (PAGEMA)* telah menganjurkan *PAGEMA-TLP Drill 2012* pada 17 Disember 2012. Latihan kawalan bencana kebakaran di laut dan darat ini melibatkan lebih 500 orang daripada 37 agensi kerajaan serta swasta. Latihan ini membolehkan TLP mengenalpasti kelemahan seterusnya merancang pelan tindakan komprehensif



HARTANAH

dan efektif untuk mencegah bencana pada masa akan datang. Dalam tempoh sama, TLP menubuhkan pasukan *Emergency Response Team* (ERT) dengan keanggotaan seramai 36 orang sebagai '*first response team*' untuk menangani bencana di pelabuhan.

Selain peningkatan berterusan bagi kemudahan, kapasiti pengendalian kargo, kecekapan dan khidmat pelanggan serta insentif kerajaan akan membantu meningkatkan daya saing TLP sebagai sebuah hab industri O&G utama di rantau ini.

Sehingga kini, DASB menguruskan 2.67 juta kaki persegi ruang boleh disewa di Kuala Lumpur dan Johor Bahru.

Bangunan yang dimiliki dan diuruskan oleh DASB adalah Galleria@Kotaraya, KOMTAR, Pasaraya Komuniti @mart Kempas, Pusat Bandar Damansara, bangunan KFCH International College dan Pusat Perniagaan Taman Dahlia serta Terminal Bas Sentral Kotaraya.

DAMANSARA ASSETS SDN BHD

Damansara Assets Sdn Bhd (DASB) adalah syarikat anak milik penuh JCorp yang menjalankan aktiviti pembangunan dan pengurusan hartanah komersil khususnya kompleks beli-belah dan bangunan pejabat.



HARTANAH

Selain itu, DASB menguruskan bangunan milik Kumpulan JCorp iaitu Jeti Tanjung Leman, Tunjuk Laut Beach Resort, Menara Ansar, Larkin Sentral serta Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang milik Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

PEMBANGUNAN SEMULA KOMTAR

Pembangunan semula KOMTAR mempunyai komponen utama meliputi kerja-kerja pembinaan semula podium ruang niaga sebagai pusat beli-belah, menaiktaraf menara KOMTAR sedia ada, pembinaan sebuah menara pejabat baru dan sebuah menara hotel di atas podium ruang niaga.

Komponen Pembangunan	Ruang Boleh Disewa (kp)
Menara Pejabat Sedia Ada	163,000
Menara Pejabat Baru	347,975
Menara Hotel (Baru)	145,770
Ruang Niaga (Dibina Semula)	400,548
Jumlah	1,057,293

Pembangunan semula KOMTAR juga akan dilengkapi dengan pembinaan masjid seluas 18,706 kaki persegi selain 1,621 tempat letak kereta dan 619 tempat letak motosikal.

Pembinaan struktur utama podium ruang niaga ketika ini mencapai 59 peratus. Ia dijangka siap pada akhir 2013 dan dibuka kepada umum pada Mei 2014.

Apabila dibuka kelak, podium ruang niaga ini akan menempatkan pelbagai produk berjenama antarabangsa selain sebuah pusat rekreasi keluarga dalam bangunan. Pada masa sama, penyewa Bumiputera tetap diberi peluang untuk terus berkembang maju dan berdaya saing dengan penyewa lain sekali gus mencapai standard peruncitan antarabangsa.

PASARAYA KOMUNITI @MART KEMPAS

Pada 10 Mac 2012, Pasaraya Komuniti @mart Kempas telah menyambut ulang tahunnya yang pertama. Pasaraya komuniti dengan tema: 'Bersih, Segar dan Untuk Semua' ini menawarkan lebih 160 unit ruang sewaan terdiri daripada kedai serbaneka, pasar segar, penyewa utama dan medan selera.

Bagi menarik dan memenuhi keperluan pelanggan, Pasaraya @mart mengadakan pelbagai promosi termasuk 'Jom Borong Habis' yang menawarkan harga istimewa setiap Selasa serta jualan 'Back To School Fair'.



TANJUNG LEMAN

Seiring dengan rancangan untuk membangunkan Tanjung Leman sebagai pusat peranginan dan pelancongan, Karnival Tanjung Leman yang diadakan mulai 2011 telah dijadikan acara tahunan oleh Jabatan Pelancongan Johor. Karnival yang telah diadakan pada 11 hingga 13 Mei 2012 itu menampilkan pelbagai acara termasuk pertandingan memancing kategori pantai, pameran, jualan serta sukan pantai.

Pantai Tanjung Leman juga menjadi lokasi Kejohanan Perahu Layar KFC-FELDA Terbuka Johor 2012. Kejohanan pada 28 hingga 30 September itu menarik penyertaan 180 pelayar dan lebih 2,000 pengunjung. Tanjung Leman dipilih sebagai lokasi kejohanan memandangkan keadaan laut, pantai dan angin yang amat sesuai bagi sukan tersebut. Kejohanan ini juga bertujuan mencungkil bakat-bakat baru pelayar untuk diketengahkan.

Tanjung Leman turut menjadi tuan rumah Karnival Tanjung Leman Pusingan Akhir GP Joran Berita Harian pada 6 hingga 7 Oktober 2012. Karnival ini melibatkan lebih 2,000 peserta dan dimeriahkan dengan kehadiran lebih 7,000 pengunjung.

Bagi memenuhi keperluan kemudahan penginapan di Tanjung Leman, DASB membina 6 blok asrama dengan kapasiti 120 katil dan mula digunakan pada September 2012.



TRANSFORMASI LARKIN SENTRAL

Selaras dengan usaha kerajaan untuk menjayakan Program Transformasi Ekonomi (ETP), DASB telah melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf Larkin Sentral secara berterusan sejak 2010 bagi menampung keperluan pengunjung mahupun peniaga. Antara yang dilakukan pada 2012 ialah mengecat semula keseluruhan luar bangunan pasar dan terminal, menaiktaraf ruang niaga pasar dan menambah dua unit eskalator di antara bangunan pasar dan terminal Larkin Sentral melibatkan kos keseluruhan melebihi RM1 juta.

Kerja pengubahsuaian dan menaiktaraf itu turut meningkatkan tahap keselamatan dan kemudahan pengunjung di Larkin Sentral.

Selain itu, pengubahsuaian lot bazar di terminal sedang dilakukan untuk memberi lebih 'frontage' kepada penyewa.

DASB juga sedang merancang untuk mempertingkatkan lagi kemudahan di Terminal Bas Larkin Sentral melalui peruntukan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) dengan kerjasama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU). Antaranya, penggunaan sistem kaunter tiket berkomputer dan menyediakan ruang menunggu lebih selesa.

PEMBUKAAN GALLERIA@KOTARAYA

Pada 15 Julai 2012, Galleria@Kotaraya dibuka dan beroperasi semula setelah kerja menaiktaraf disiapkan. Kompleks beli-belah setinggi 5 tingkat ini memiliki ruang boleh sewa seluas 165,000 kaki persegi dengan penambahan ruang niaga kepada 179 lot gerai makan dan perniagaan.

PRESTASI KEWANGAN

DASB telah mencatatkan kenaikan perolehan sebanyak 18 peratus daripada RM25.2 juta pada 2011 kepada RM29.7 juta pada 2012. Keuntungan sebelum cukai syarikat juga meningkat daripada RM13.1 juta kepada RM16.9 juta bagi tempoh yang sama.

Di peringkat Kumpulan DASB, perolehan bagi 2012 menurun 35 peratus daripada RM139 juta kepada RM90 juta. Ini disebabkan pengambilalihan syarikat TMR dan HC Duraclean oleh DBhd. Bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai Kumpulan DASB meningkat daripada RM31.1 juta pada 2011 kepada RM41.2 juta bagi 2012 berikutan kenaikan nilai hartanahnya.

HOSPITALITI

Mulai 2011, Bisnes Hospitaliti Johor Corporation (JCorp) telah diletakkan di bawah pengurusan JCorp Hotels and Resorts Sdn Bhd (JHR SB). Tahun 2012 merupakan tahun yang aktif serta mencatatkan peningkatan prestasi yang menggalakkan. Terdapat banyak aktiviti menarik serta berprestij yang telah dijalankan di semua hotel dalam Kumpulan.

JHR SB meneruskan aktiviti pemasaran yang agresif dengan menyertai promosi di dalam dan luar negara melalui kerjasama dengan Jabatan Pelancongan, Kementerian Pelancongan, Biro Konvensyen Malaysia (MyCEB) serta Pertubuhan Konvensyen dan Kongres Antarabangsa (ICCA).

The Puteri Pacific Hotel Johor Bahru (TPPJ B) dan Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor telah dipilih menjadi lokasi beberapa acara gemilang, antaranya Majlis Musabqah Kebangsaan serta Forum Ekonomi Islam Sedunia Ke-8 (WIEF) yang pertama kalinya dianjurkan di luar Kuala Lumpur.

Untuk berdaya saing serta memenuhi permintaan hospitaliti yang semakin mencabar, TPPJB telah menaiktaraf dan membaikpulih hotel dengan kos lebih RM40 juta. Ini menunjukkan komitmen TPPJB untuk menyediakan kemudahan penginapan yang terbaik dan terkini supaya TPPJB menjadi hotel pilihan di Johor Bahru.

Selain menawarkan 424 bilik penginapan termasuk suite dan apartment, TPPJB menyediakan restoran

yang menyajikan pelbagai hidangan termasuk di Puteri Café, masakan halal Kantonis di Kai Xuan Chinese Restaurant serta makanan ala Mediterranean di D'Coast.

Sibu Island Resort (SIR) merupakan resort di pulau persendirian dikelilingi hutan tropika yang menghijau serta pasir pantai yang memutih. Ia adalah destinasi pelancongan yang popular di kalangan peminat sukan laut. SIR terletak di pantai timur Mersing dan hanya memerlukan 20 minit menaiki bot dari Jeti Tanjung Leman.

Pusat Sains Marin yang sedang dibangunkan di SIR akan menambahkan satu lagi produk menarik bagi pengunjung SIR serta menjadikan ia terkenal di peringkat antarabangsa.

Bahagian Hospitaliti JCorp juga mempunyai tiga lagi hotel dengan jenama Selesa iaitu Hotel Selesa Johor Bahru, Hotel Selesa Pasir Gudang dan Selesa Beach Resort Port Dickson.

KHIDMAT SOKONGAN & PELABURAN



Atas keprihatinan dan tanggungjawab sosial kepada pemegang unit Dana Johor (DJ) yang majoritinya adalah individu dan juga rakyat negeri Johor, pada 2 Julai 2012, Johor Corporation (JCorp) telah melancarkan Skim Tawaran Khas Penambahbaikan Dana Johor RM1.00 seunit atau lebih dikenali sebagai SDJ1.

Skim ini merupakan lanjutan kepada Skim Belian Balik Bersyarat (SBBB) pada 50 sen seunit. Ia dilaksanakan melalui perjanjian tiga pihak iaitu di antara Pelaburan Johor Berhad (PJB) selaku Pengurus Dana, Amanah Raya Trustees Berhad (ART) sebagai Pemegang Amanah dan Larkin Sentral Management Sdn Bhd (LSMSB) sebuah syarikat milik penuh JCorp, selaku syarikat tujuan khas yang juga penyumbang dana bagi SDJ1.

SDJ1 yang melibatkan seramai 35,912 pelabur adalah sebuah skim penambahbaikan kepada SBBB yang telah dilancarkan pada 8 Februari 2004. Melalui tawaran SDJ1, pemegang unit yang masih mempunyai unit, dibenarkan untuk menjual pada harga RM1.00 seunit dan bagi yang telah menjual unit di bawah SBBB akan dibayar gratuiti 50 sen seunit. Tawaran khas ini dilaksanakan dalam tempoh empat peringkat. Sehingga kini, SDJ1 telah dilaksanakan melalui tiga peringkat yang mana setiap peringkat telah dibayar 25 peratus daripada keseluruhan kelayakan setiap pelabur. Peringkat pertama dilaksanakan pada 2 Julai 2012, kedua pada 1 Oktober 2012 dan ketiga pada 1 Januari 2013 lalu.

JCorp melalui LSMSB telah menyalurkan sejumlah RM89.67 juta bagi SBBB dalam tempoh 8 Februari 2004 hingga ia ditamatkan pada 31 Mac 2012. Bagi SDJ1 yang sedang dilaksanakan ini, JCorp telah memperuntukkan sejumlah RM270 juta. Daripada



jumlah yang diperuntukkan sehingga peringkat ketiga SDJ1 ini, JCorp telah membelanjakan RM137.57 juta menjadikan jumlah aliran tunai keluar bagi keseluruhan Skim Pemulihan Harga DJ termasuk SBBB sehingga kini pada RM227.24 juta. Daripada seramai 35,912 pelabur yang layak, hanya kira-kira 52 peratus yang telah menerima tawaran khas tersebut.

Mengikut statistik dalam rekod PJB, sumbangan JCorp bagi melaksanakan SDJ1 ini telah memberi manfaat kepada pelabur iaitu 72 peratus pelabur keturunan Cina, 43 peratus pelabur Melayu, 4 peratus pelabur keturunan India dan bakinya pelabur institusi.

INTRAPRENEUR



Sebagai sebuah agensi pembangunan ekonomi di Negeri Johor, peranan Johor Corporation (JCorp) dalam program pembangunan usahawan khususnya usahawan Bumiputera akan terus diperkukuhkan dari semasa kesemasa. Penglibatan JCorp dalam program ini tidak terhad kepada pemberian sokongan untuk pembangunan individu sebagai usahawan dan pembukaan peluang-peluang bisnes di bawah satu Rumpun Enterprais Johor Corporation tetapi juga mempertingkatkan keupayaan dari aspek penyediaan premis dan infrastruktur bisnes yang bersesuaian bagi kejayaan pembangunan usahawan secara keseluruhan.

Pada 31 Disember 2012, terdapat sebanyak 56 syarikat yang diletakkan di bawah Skim Intrapreneur Johor Corporation. Perolehan secara agregat yang dicatatkan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 adalah sebanyak RM739.3 juta. Keuntungan sebelum cukai secara agregat bagi syarikat-syarikat intrapreneur tersebut meningkat sebanyak 5.2 peratus kepada RM44.6 juta berbanding RM42.4 juta pada tahun sebelumnya.

Bilangan syarikat Intrapreneur yang mencatatkan keuntungan sebelum cukai melebihi RM1.0 juta pada 2012 adalah sebanyak 12 syarikat di mana terdapat lima syarikat berjaya mencatatkan keuntungan sebelum cukai melebihi RM1.0 juta untuk kali pertama iaitu Microwell Bio Solutions Sdn Bhd, Renown Value Sdn Bhd, Extreme Edge Sdn Bhd, Healthcare IT Solutions Sdn Bhd dan MIT Insurance Sdn Bhd.





Pemantauan bisnes secara berterusan dijalankan oleh JCorp khususnya melalui syarikat induk masing-masing bagi kesemua 56 buah syarikat Intrapreneur sesuai dengan sinergi bisnes yang dijalankan antara syarikat induk dan syarikat-syarikat Intrapreneur di bawahnya. Pada 31 Disember 2012, sebanyak 23 syarikat Intrapreneur berada di bawah Kulim (Malaysia) Berhad, empat syarikat di bawah KPJ Healthcare Berhad, tiga syarikat di bawah QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd, 11 syarikat di bawah Damansara Realty Berhad, dua syarikat di bawah Waqaf An-Nur Corporation Berhad dan 12 syarikat di bawah pemantauan langsung JCorp.

Perjanjian persefahaman yang ditandatangani antara Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Johor Corporation pada November 2011 yang bertujuan mempertingkatkan lagi program pembangunan usahawan telah menyaksikan lima Intrapreneur Johor Corporation menerima pembiayaan menarik dari pihak MARA melalui skim pembiayaan khas 'The Baron' yang membolehkan Intrapreneur membeli peratus saham yang lebih besar dalam syarikat Intrapreneur yang diterajuinya di mana sehingga 31 Disember 2012,

MARA telah mengeluarkan sejumlah RM2.3 juta pembiayaan kepada intrapreneur terbabit.

Di dalam program Jejak 2013 anjuran TERAJU yang diadakan di Persada Johor pada bulan Februari 2013, TERAJU telah mengumumkan tiga syarikat Intrapreneur Johor Corporation iaitu Microwell Bio Solutions Sdn Bhd, Edaran Badang Sdn Bhd dan Extreme Edge Sdn Bhd telah diterima untuk menyertai program TeraS yang membolehkan syarikat-syarikat ini mendapat pelbagai sokongan dan insentif dari pihak TERAJU untuk perkembangan bisnes yang diharapkan pada akhirnya nanti mampu untuk disenaraikan di Bursa Malaysia.

Melalui usaha-usaha yang telah dilakukan dalam pembangunan usahawan terutamanya dalam pembangunan Skim Intrapreneur Johor Corporation, JCorp telah meraih pengiktirafan antarabangsa pada anugerah ADFIAP 2012 yang diadakan di Istanbul, Turki pada 25 April 2012 bagi kategori *Outstanding Development Project for SME Development*. Sesungguhnya anugerah dan pengiktirafan tersebut menjadi bukti bahawa JCorp begitu komited dalam menjalankan program-program pembangunan usahawan bukan sahaja di Negeri Johor namun sehingga ke peringkat antarabangsa.



PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Adalah menjadi dasar Johor Corporation (JCorp) untuk memastikan segala perjalanan operasinya mematuhi tadbir urus korporat yang baik. Perubahan persekitaran bisnes serta cara ia dijalankan menjadi faktor utama pembentukan tadbir urus korporat sesebuah organisasi. Sehubungan itu, JCorp sebagai sebuah perbadanan pelaburan di bawah Kerajaan Negeri Johor, perlu mematuhi undang-undang dan peraturan seperti Enakmen Perbadanan Johor Bil. 4/1968 (sebagaimana pindaan Enakmen No. 5/1995), Akta Perbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962 (Akta 380) dan Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 (Akta 96).

JCorp sentiasa menjalankan amalan tadbir urus korporat yang baik dalam semua aktiviti dan urusan bisnes syarikat dalam Kumpulan melalui ahli Lembaga Pengarahnya, sistem pentadbiran syarikat dan juga semua jawatankuasa tadbir urusnya. Kami berbangga dengan piawaian tadbir urus korporat dan reputasi yang telah dibina dan percaya semua ini adalah penting bagi membina jenama yang kukuh serta mempertahankan nilai pihak-pihak berkepentingan. JCorp juga meletakkan piawaian yang tinggi dalam amalan korporat yang selari dengan prinsip-prinsip dan garis panduan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (yang bersesuaian).

Kami telah meletakkan struktur tadbir urus korporat dengan sistem kawalan dalaman yang jelas, garis pelaporan dan tanggungjawab serta prosedur-prosedur yang mudah difahami. Berikut adalah gambaran amalan tadbir urus korporat Kumpulan seperti yang dinyatakan.

LEMBAGA PENGARAH

Komposisi

Selain daripada Pengerusi serta Presiden & Ketua Eksekutif JCorp, Lembaga Pengarah JCorp juga dianggotai oleh wakil-wakil daripada Perkhidmatan Awam Negeri Johor, Kerajaan Persekutuan dan juga Pengarah Bebas yang masing-masing mempunyai tiga orang wakil. Semua mereka kecuali Presiden & Ketua Eksekutif, merupakan Pengarah Bukan Eksekutif.

Tugas dan Tanggungjawab

Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas keseluruhan prestasi JCorp dengan cara menetapkan arah tuju dan objektif, memastikan kecukupan serta ketulusan strategi-strategi, prestasi kewangan, isu-isu bisnes dan juga sistem kawalan dalaman JCorp.

Seperti yang termaktub dalam Enakmen, Pengerusi mempunyai peranan yang berbeza dengan Presiden & Ketua Eksekutif. Presiden & Ketua Eksekutif bertanggungjawab untuk mengawal aliran maklumat antara pihak Lembaga Pengarah dan pengurusan bagi memastikan ianya berkualiti dan terkini.

Sebaliknya, Pengerusi yang merupakan bukan kalangan pengurusan pula bertanggungjawab bagi memastikan Lembaga Pengarah berfungsi seperti mana yang diharapkan. Beliau juga memastikan Lembaga Pengarah dan juga pengurusan berbincang secara membina mengenai pelbagai perkara terutamanya berkaitan isu-isu strategik dan proses perancangan bisnes.

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bermesyuarat bagi menganalisis prestasi JCorp dan menyelesaikan perkara-perkara yang berkaitan dengan isu-isu dasar serta strategi bisnes dalam JCorp dan syarikat-syarikat dalam Kumpulannya. Pengerusi boleh memanggil mesyuarat pada bila-bila masa dan akan, atas permintaan bertulis daripada tidak kurang lima orang ahli Lembaga Pengarah, memanggil mesyuarat khas dalam tempoh satu bulan daripada tarikh permintaan tersebut. Sepanjang 2012, Lembaga Pengarah telah bersidang sebanyak tiga kali.

Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Bagi memastikan kelancaran operasi serta memudahkan membuat keputusan, dan pada masa yang sama memastikan kawalan-kawalan yang bersesuaian, Lembaga Pengarah turut disokong oleh empat jawatankuasa lain

iaitu Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Khas Perancangan Strategik, Jemaah Lembaga Tawaran dan Jemaah Lembaga Pelantikan Perunding serta Jawatankuasa Pelaburan. Fungsi pengurusan pula dipertanggungjawabkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan (TERAJU) dan pelbagai jawatankuasa tadbir urus lain.

Capaian kepada Maklumat

Pengurusan sentiasa menyalurkan maklumat yang mencukupi dan terkini kepada Lembaga Pengarah bagi mereka membuat keputusan terhadap sesuatu perkara atau isu. Pengurusan juga sentiasa menyalurkan laporan berterusan berkaitan prestasi operasi dan kewangan Kumpulan.

SISTEM PENTADBIRAN SYARIKAT

Semua fungsi kesetiausahaan dalam syarikat-syarikat milik JCorp diuruskan oleh Pro Corporate Management Services Sdn Bhd (Pro Corporate) – penyedia perkhidmatan kesetiausahaan korporat bagi syarikat dalam Kumpulan. Fungsi Pro Corporate ini disokong oleh para setiausaha yang berkecuali dan ia bertanggungjawab untuk memastikan semua syarikat dalam Kumpulan mematuhi segala keperluan berkanun di bawah Akta Syarikat 1965 serta Keperluan Penyenaraian di Bursa Malaysia dan juga Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti, mana-mana yang bersesuaian. Ia juga bertanggungjawab untuk memastikan ahli Lembaga Pengarah mematuhi polisi yang digariskan dan seterusnya mencapai objektif syarikat. Pelantikan setiausaha syarikat ini ditentukan dan diluluskan oleh TERAJU.

Di samping itu, Pro Corporate bertanggungjawab untuk mentadbir pelantikan para pengarah syarikat setiap tahun serta memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan seperti lulus semua peperiksaan wajib, berkhidmat sekurang-kurangnya selama lima tahun dan sebagainya.

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA TADBIR URUS

JCorp sentiasa mendukung struktur dan sistem membuat keputusan berasaskan prinsip dan amalan Syura. Pejabat Korporat pula memainkan peranan penting bagi memastikan semua keputusan diluluskan oleh jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan.

- **Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan (TERAJU)**

Jawatankuasa ini dianggotai oleh 10 orang ahli dan dipengerusikan oleh Presiden & Ketua Eksekutif. Peranannya termasuklah membincang dan memutuskan isu-isu strategik JCorp dan juga syarikat-syarikat di dalam Kumpulannya.

- **Jawatankuasa Teraju Korporat**

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Naib Presiden Kanan / Ketua Pegawai Operasi dan dianggotai oleh 14 orang ahli. Peranan yang dimainkan oleh Jawatankuasa ini termasuklah mengesahkan keputusan-keputusan yang melalui di dalam pelbagai jawatankuasa seperti Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) dan sebagainya.

- **Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)**

Jawatankuasa ini dianggotai oleh 12 orang ahli di kalangan pengurusan JCorp dan dipengerusikan oleh Naib Presiden (Divisyen Hartanah & Pembangunan Bisnes). Jawatankuasa ini membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan operasi serta kewangan dan memajukan cadangan kepada Jawatankuasa Teraju Korporat.

- **Jawatankuasa Pengawasan Pelaburan (JAWS)**

Jawatankuasa ini yang berfungsi untuk membincangkan semua projek serta pelaburan baru. Ia dianggotai oleh sembilan orang ahli yang dilantik dari kalangan pengurusan kanan syarikat-syarikat dalam Kumpulan JCorp.

Disamping empat jawatankuasa utama seperti yang dinyatakan di atas, terdapat lebih daripada 30 jawatankuasa tadbir urus yang mempunyai fungsi dan terma rujukan masing-masing dalam memantau operasi Kumpulan. Antara jawatankuasa tersebut adalah seperti Jawatankuasa Teraju Asas Sumber Manusia (TERAS), Jawatankuasa Perancangan Strategik, Jawatankuasa Pemulihan Syarikat, Jawatankuasa Kemudi Korporat, Jawatankuasa Laporan Suku Tahunan, Jawatankuasa Meluluskan Surat-Surat Perjanjian serta Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

TADBIR URUS KORPORAT DALAM ENTITI TERSENARAI DALAM KUMPULAN JCorp

Terdapat empat entiti tersenarai di dalam Kumpulan JCorp, di mana tiga daripadanya adalah tersenarai di papan utama Bursa Malaysia iaitu Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad dan Damansara Realty Berhad. Manakala New Britain Palm Oil Limited pula di senarai di Bursa Saham Port Moresby dan juga Bursa Saham London. Sebagai entiti yang tersenarai, syarikat-syarikat ini perlu melaksanakan tadbir urus korporat yang baik serta sentiasa mematuhi pelbagai terma dan syarat yang dikeluarkan oleh bursa saham di mana saham mereka didaftar dan disenaraikan. Setiap syarikat tersenarai ini juga mempunyai ahli Lembaga Pengarah dan jawatankuasa audit masing-masing.

KETELUSAN

Ketelusan dalam proses membuat keputusan

Beberapa contoh pelaksanaan konsep ketelusan termasuk pembangunan infrastruktur maklumat dalam bentuk intranet dan pengurusan pengetahuan. Pengurusan pengetahuan merupakan satu kaedah di mana anggota pekerja berpeluang memberikan pelbagai maklumat menerusi percambahan cadangan dan idea. Melalui Skim Cempaka dan Konvensyen Kualiti, mereka yang menyumbangkan idea-idea bernas dan inovatif yang boleh dilaksanakan akan mendapat pengiktirafan atau ganjaran daripada pihak pengurusan. Selain itu, JCorp telah mewujudkan saluran komunikasi untuk penyampaian maklumat menerusi Borang Perakuan Peradaban yang diharapkan dapat digunakan oleh anggota pekerja untuk menyalurkan maklumat terus kepada Presiden & Ketua Eksekutif jika mereka mempunyai sebarang maklumat mengenai salah laku atau penyelewengan di kalangan anggota pekerja.

Ketelusan terhadap rakan niaga

Bagi menggalakkan ketelusan kepada semua rakan niaga, JCorp turut memanjangkan Borang Perakuan Peradaban ini kepada para kontraktor dan pembekal.

Ketelusan dalam penilaian prestasi anggota pekerja

Setiap anggota pekerja dinilai berdasarkan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) individu yang telah dipersetujui pada awal tahun. Jabatan Pembangunan Modal Insan & Pentadbiran bersama-sama dengan setiap Ketua Jabatan yang terbabit akan membentangkan keputusan penilaian tersebut kepada Jawatankuasa Penilaian Prestasi.

JCorp juga menerima pakai sistem Penilaian Timbal Balik di mana Eksekutif Kanan ke atas akan dinilai oleh anggota pekerja bawahan dan juga rakan sekerja.

AKAUNTABILITI DAN AUDIT

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan, Lembaga Pengarah menekankan ketepatan pembentangan supaya penilaian secara seimbang dapat dibuat berhubung dengan kedudukan kewangan dan prospek Kumpulan. Jawatankuasa Audit pula mengkaji laporan penyata kewangan tahunan bagi memastikan polisi-polisi perakaunan yang sesuai digunakan secara konsisten dan disokong dengan pertimbangan serta anggaran yang munasabah; dan semua piawaian perakaunan yang diterima pakai telah dipatuhi.

Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman yang menyatakan gambaran umum mengenai kawalan dalaman adalah seperti yang dinyatakan pada muka surat 60.

Perhubungan dengan Juruaudit

Pengarah melalui Jawatankuasa Audit sentiasa memelihara hubungan yang telus dan wajar dengan juruaudit dalaman dan luaran. Peranan Jawatankuasa Audit berhubung dengan juruaudit-juruaudit ini digambarkan dalam Laporan Jawatankuasa Audit sebagaimana di muka surat 59.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit dipengerusikan oleh Datin Paduka Zainon Haji Yusof, Pengarah Bebas. Ahli jawatankuasa lain pula adalah terdiri daripada Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil dan Puan Zainah Mustafa, masing-masing merupakan ahli Lembaga Pengarah Bebas syarikat-syarikat tersenarai luar dan dalam Kumpulan Johor Corporation.

Tan Sri Datuk Dr Hadenan merupakan bekas Ketua Audit Negara, manakala Puan Zainah pula merupakan ahli felo Association of Chartered Certified Accountant (ACCA) United Kingdom.

KEHADIRAN MESYUARAT

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun. Pada 2012, jawatankuasa ini telah mengadakan tiga kali mesyuarat sebagaimana berikut:

	TARIKH MESYUARAT		
	25 Mac	13 Sept	7 Dis
Datin Paduka Zainon Haji Yusof	✓	✓	
Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil		✓	✓
Puan Zainah Mustafa	✓	✓	✓

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Peranan Jawatankuasa Audit ini termasuklah:-

Kawalan Dalam

- Menimbang keberkesanan kawalan dalaman syarikat ke atas laporan kewangannya termasuk kawalan dan keselamatan teknologi maklumat;
- Memahami skop pemeriksaan juruaudit dalaman dan luaran ke atas kawalan dalaman bagi perkara-perkara berikut:
 - Kebolehpercayaan dan ketepatan laporan kewangan;
 - Keberkesanan dan kecekapan operasi;
 - Pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan;
 - Perlindungan harta-harta syarikat.

Audit Dalam

- Meneliti laporan Jawatankuasa Audit Dalam Kumpulan JCorp (IAC);
- Meneliti kecukupan skop, fungsi dan sumber-sumber audit dalaman yang membolehkannya untuk melaksanakan pengauditan;
- Menimbang penemuan audit yang penting daripada siasatan dalaman dan maklumbalas pengurusan;
- Jika perlu, mengadakan pertemuan berasingan dengan Ketua Eksekutif Audit Kumpulan untuk membincangkan sebarang perkara yang mana kedua-dua pihak percaya ianya perlu dibincangkan secara tertutup.

Audit Luaran

- Mengadakan pertemuan berasingan dengan juruaudit luaran untuk membincangkan sebarang perkara yang mana kedua-dua pihak percaya ianya perlu dibincangkan secara tertutup;
- Meneliti laporan juruaudit luar dan juga ulasan pengurusan;
- Meneliti pelantikan juruaudit luar, yuran audit dan sebarang kemusykilan berkaitan dengan perletakan ataupun pemecatan juruaudit sebelum membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah;

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

- Berbincang dengan juruaudit luar sebelum kerja-kerja audit dijalankan; jenis dan skop audit serta memastikan wujudnya penyelarasan jika lebih daripada satu firma audit terlibat dalam pengauditan.

Penyata Kewangan

- Meneliti laporan kewangan tahunan JCorp dengan tumpuan diberikan khususnya ke atas:-
 - Perubahan dalam polisi dan amalan perakaunan;
 - Pelarasan penting yang timbul daripada audit;
 - Andaian operasi yang berterusan; dan
 - Pematuhan kepada piawaian perakaunan dan lain-lain keperluan perundangan.

Pengurusan Risiko

Meneliti laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan membincangkan sebarang risiko atau pendedahan penting serta menilai tindakan-tindakan yang diambil oleh pengurusan untuk mengurangkan risiko tersebut.

Tanggungjawab Lain

Menjalankan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan dengan terma rujukan serta tugas-tugas lain seperti yang diminta dan ditakrifkan oleh Pengarah.

RINGKASAN AKTIVITI

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Audit sepanjang Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:-

- Meneliti laporan mesyuarat IAC yang diadakan pada 15 Mac, 6 September dan 30 November 2012;
- Meneliti dan meluluskan Perancangan Audit Dalaman Tahunan;
- Membincangkan masalah-masalah dan juga perkara-perkara yang timbul semasa audit dijalankan, dan sebarang perkara yang mana kedua-dua juruaudit dalaman dan luaran berhasrat untuk membincangkannya secara tertutup;
- Meneliti kecukupan skop, fungsi dan sumber juruaudit luaran, dan bahawa ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya;
- Meneliti keputusan audit akhir tahun oleh juruaudit luar serta membincangkan penemuan dan perkara-perkara lain yang menjadi perhatian mereka;
- Meneliti laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang diadakan pada 22 Mac dan 10 September 2012.

PENYATA KAWALAN DALAMAN

Sistem Kawalan Dalaman (PEKASA) JCorp memastikan bahawa setiap aset adalah terpelihara, rekod perakaunan diselenggara dengan sewajarnya dan segala maklumat kewangan yang digunakan adalah boleh dipercayai.

Tanggungjawab Jawatankuasa Audit dilengkapi oleh tugas-tugas yang dijalankan oleh IAC, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan juga jawatankuasa audit di syarikat-syarikat tersenarai yang terbabit.

Jawatankuasa Audit juga meneliti keberkesanan sistem kawalan dalaman Kumpulan dari aspek risiko utama perniagaan dan juga kewangan yang memberi kesan terhadap operasi. Berdasarkan kepada laporan juruaudit dalaman, Jawatankuasa Audit berpuas hati bahawa wujudnya kawalan dalaman yang mencukupi di dalam Kumpulan.

CIRI-CIRI UTAMA SISTEM KAWALAN ADALAH:

Rangka Kerja Kawalan

Strategi Kumpulan dirumus secara teratur oleh pihak pengurusan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pengurusan bertanggungjawab sepenuhnya untuk melaksanakan perancangan, mengenalpasti risiko dan

**LAPORAN
JAWATANKUASA
AUDIT**

memastikan wujudnya langkah-langkah kawalan yang sesuai. Ini dicapai melalui struktur organisasi yang jelas menyatakan tanggungjawab, bidang kuasa dan prosedur pelaporan.

Kumpulan menerima pakai Rangka Kerja Kawalan Dalam *The Committee of the Sponsoring Organisation of the Treadway Commission's (COSO)* dan mempunyai manual polisi dan prosedur berkaitan perakaunan dan kewangan, perwakilan kuasa dan tahap bidang kuasanya, operasi hartanah dan pengurusan sumber manusia.

Pelaporan Kewangan

Belanjawan terperinci disediakan oleh setiap syarikat dan disemak oleh Jawatankuasa Perancangan Strategik sebelum Belanjawan Yang Disatukan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Hasil atau keputusan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan operasi disediakan dan dipantau dengan membandingkannya dengan belanjawan yang telah dibuat.

Kawalan Operasi

Pasukan pengurusan Kumpulan memastikan entiti di bawah kawalan mereka beroperasi berdasarkan kepada garis panduan yang direka untuk mencapai kecekapan operasi dan keberkesanan perkhidmatan yang optimum, dan keputusan kewangan yang dirancang. Kawalan yang khusus juga tersedia ada bagi memastikan pengurusan kewangan yang berhemah serta melindungi aset-aset daripada kerugian fizikal, dan menginsurkannya pada tahap yang wajar.

Penilaian Pelaburan

Kumpulan telah menyediakan prosedur yang jelas berhubung dengan kelulusan pelaburan dan perbelanjaan modal lain. Perbelanjaan yang dirancang dinyatakan di dalam belanjawan tahunan. Kelulusan ke atas perbelanjaan modal dibuat mengikut peruntukan bidang kuasa yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Semua cadangan pelaburan yang utama adalah tertakluk kepada penelitian oleh kedua-dua jawatankuasa Panel dan juga Jawatankuasa JAWS sebelum dibentangkan dalam mesyuarat TERAJU dan Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Memantau Kawalan

Keberkesanan sistem kawalan dalaman kewangan dan prosedur operasinya dipantau oleh pengurusan dan diaudit oleh fungsi Pematuhan Korporat Kumpulan (GCA). GCA mengguna pakai perancangan audit berasaskan risiko - satu pendekatan di mana juruaudit memberi tumpuan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi (sama ada bermanfaat atau sebaliknya) ke atas pencapaian objektif organisasi dan operasinya. Skop pengauditannya termasuk ke atas risiko tersebut sendiri dan kaedah di mana risiko itu ditadbir, diurus serta dikawal. Ia kemudiannya melaporkan segala kelemahan kawalan dalaman kepada IAC atau Jawatankuasa Audit dan memantau terhadap pelaksanaan cadangan bagi tujuan penambahbaikan.

AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman dijalankan oleh GCA dengan dibantu oleh jabatan audit dalaman syarikat-syarikat tersenarai masing-masing. GCA merancang jadual lawatan auditnya setiap tahun melalui rundingan dengan pihak pengurusan (tetapi bebas daripadanya) dan perancangan tersebut dibentangkan kepada IAC atau Jawatankuasa Audit untuk kelulusan.

JCorp juga merupakan ahli korporat dalam Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM). Secara tidak langsung, GCA juga mematuhi Piawaian Audit Dalaman Profesional Antarabangsa dan telah menerima pakai piawaian ini semasa melaksanakan pengauditan. Piawaian tersebut meliputi keperluan-keperluan seperti kebebasan, kecekapan profesional, skop kerja, pelaksanaan kerja audit dan juga pengurusan aktiviti audit dalaman.

Pada 2012, aktiviti audit dalaman GCA telah menjalani 'Quality Assessment Review' yang dilaksanakan oleh pihak IIAM dan telah diiktiraf sebagai 'Generally Conform' terhadap piawaian tersebut. Bagi memastikan aktiviti audit dalaman dijalankan oleh mereka yang profesional lagi cekap serta memastikan pengetahuan teknikal mereka relevan dan terkini, GCA juga menyediakan peluang-peluang latihan dan pembangunan yang bersesuaian kepada anggota pekerjanya, termasuk mengikuti program Juruaudit Dalaman Bertauliah. Terdapat seramai 12 orang juruaudit bertauliah yang sedang berkhidmat dalam Kumpulan pada masa kini.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO

Fungsi pengurusan risiko Johor Corporation (JCorp) adalah untuk memberikan sumbangan kukuh terhadap pencapaian objektif korporat JCorp dan Kumpulan serta membantu hala tuju strategiknya. JCorp juga komited dalam membina falsafah dan budaya organisasinya bagi memastikan keberkesanan pengurusan risiko perniagaan dan kecekapan pengurusan melalui aktiviti-aktiviti dalam Kumpulan.

Pengurusan risiko membolehkan JCorp dan Kumpulannya memanfaatkan kesempatan ke atas peluang-peluang dalam meningkatkan hasil dan keluarannya bagi memastikan setiap risiko yang diambil adalah berdasarkan kepada keputusan bermaklumat serta analisis yang realistik dan praktikal ke atas impak sesuatu risiko.

Mengurus kesinambungan bisnes adalah juga sebahagian daripada pengurusan risiko yang ditekankan oleh JCorp dan Kumpulan untuk memastikan wujud kesinambungan dalam proses bisnes utama di mana ia perlu sebagai sumbangan kepada pencapaian objektif JCorp dan Kumpulan.

JCorp dan Kumpulan menyedari bahawa ia bertanggungjawab untuk menguruskan secara sistematik serta kerap meneliti profil risiko pada peringkat strategik, kewangan dan operasi. Ia telah dilakukan dengan membangunkan / menerima pakai rangka kerja pengurusan risiko dalam menentukan proses-proses dan mengenalpasti cara-cara untuk melaksanakan objektifnya. Dengan cara ini, JCorp dan Kumpulan bukan sahaja bertujuan untuk meminimumkan risiko malah memaksimumkan peluang-peluang yang ada.

Objektif Pengurusan Risiko

- Mengenal pasti serta menguruskan risiko yang sedia ada dan risiko baru secara terancang dan tersusun dengan halangan dan kos yang minimum (pendekatan ini penting terutamanya bagi JCorp yang memberi tumpuan terhadap segala perubahan dan peluang ke atas polisi dan wawasan kerajaan terhadap sektor korporat);
- Memupuk budaya kesedaran risiko yang menggalakkan semua anggota pekerja untuk mengenal pasti risiko dan mengambil peluang serta bertindak balas terhadapnya secara berkesan;
- Boleh diangggap oleh kerajaan negeri dan Persekutuan sebagai peneraju di kalangan agensi kerajaan melalui amalan terbaik pengurusan risiko dan pematuhan terhadap undang-undang.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko

RMC telah ditubuhkan dalam 2008 bertujuan untuk mengurus, mengenalpasti serta memantau risiko-risiko yang dihadapi oleh JCorp dan Kumpulan. Tanggungjawab utama RMC adalah untuk membantu ahli Lembaga Pengarah dalam mengenal pasti dan menguruskan risiko-risiko utama JCorp.

Bagi tahun pelaporan berakhir pada 31 Disember 2012, dua mesyuarat telah diadakan iaitu pada Mac dan September 2012.

Tugas dan Tanggungjawab RMC

- Untuk menyelia prosedur dan amalan dalam mengenal pasti, menilai, mengurus dan memantau pendedahan risiko Perbadanan.
- Untuk memberi pandangan kepada pihak Pengurusan dari semasa ke semasa berhubung jenis-jenis sumber dan kawalan dalaman yang diperlukan bagi menguruskan risiko yang dihadapi.
- Untuk melaporkan kepada ahli Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa berhubung isu-isu yang berkaitan dengan risiko JCorp dan Kumpulan.
- Untuk mengenal pasti dan menilai risiko utama yang dihadapi oleh unit bisnes bagi setiap divisyen di dalam JCorp dan Kumpulan dengan cara yang sistematik.
- Untuk menilai potensi peluang dan risiko.

- Untuk membangun dan melaksanakan strategi pengurusan risiko yang khusus dan menentukan tanggungjawab bagi setiap pelan dan tindakan untuk menguruskan risiko utama dalam unit bisnes.
- Meninjau secara dwi-bulanan trend risiko status pelan tindakan dan laporan terkini untuk dimaklumkan kepada Ahli Lembaga Pengarah JCorp.

Pengurusan Risiko Enterpris

Skop rangka kerja pengurusan risiko adalah menyeluruh. Rangka kerja ini diuruskan oleh unit Pengurusan Risiko Enterpris (ERM). Unit ini bertanggungjawab ke atas polisi dan rangka kerja ini dengan mendapatkan input daripada mereka yang terbabit.

Tugas dan tanggungjawab Unit ERM adalah sebagaimana berikut:-

- Menguruskan proses mengenal pasti dan memantau risiko JCorp dan Kumpulan.
- Menyelenggara Daftar Risiko.
- Bertanggungjawab untuk membangunkan, melaksanakan dan menyebarkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko dan Pematuhan.
- Membangunkan alat bagi membantu komuniti JCorp untuk melaksanakan amalan terbaik berhubung risiko dan pematuhan.
- Memperuntukkan peluang latihan yang mencukupi kepada semua anggota pekerja bagi memupuk budaya risiko dalam JCorp dan Kumpulan.
- Menerbit dan mengedarkan maklumat berhubung Pengurusan Risiko dan Pematuhan bagi makluman anggota pekerja.

Pada masa ini, JCorp dan Kumpulan menggunakan sistem berasaskan web secara atas talian yang dikenali sebagai *JCorp Risk Information System* (KRIS). Sistem ini telah dibangunkan pada 2009 bagi memudahkan proses mengemaskini Daftar Risiko. Risiko tersebut akan sentiasa diteliti dari semasa ke semasa di peringkat syarikat masing-masing. Seterusnya risiko ini akan disusun, dibahas dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah JCorp.

Jenis-Jenis Risiko

JCorp telah mengklasifikasikan risiko kepada lima jenis sebagaimana berikut:

- Risiko strategik
- Risiko operasi
- Risiko projek
- Risiko kewangan
- Risiko bahaya

Prosedur

JCorp mempunyai lima kaedah utama merawat risiko secara efektif sebagaimana berikut:

1. Menerima risiko dan membuat keputusan untuk tidak mengambil apa-apa tindakan;
2. Menerima risiko tetapi mengambil beberapa tindakan untuk mengurangkan atau meminimumkan kebarangkalian atau impak;
3. Memindahkan risiko kepada individu atau organisasi yang lain, sebagai contoh, mendapatkan khidmat luar;
4. Menginsurankan risiko berkenaan;
5. Mengelakkan risiko dengan tidak melaksanakan aktiviti yang menyebabkan berlakunya risiko tersebut.

Bagaimana JCorp memutuskan untuk mengurus sesuatu risiko akan ditentukan berdasarkan penilaian risiko yang sistematik di mana jadual kebarangkalian dan kesan (atau impak) diaplikasikan ke atas setiap risiko. JCorp telah mengenalpasti kebarangkalian dan impak ke atas risiko berkaitan sebagaimana yang telah digariskan dalam Rangka Kerja Pengurusan Risiko dan Pematuhan. Di samping menilai jadual kebarangkalian dan kesan, keberkesanan kawalan dalaman juga perlu dipertimbangkan dalam mengenal pasti tahap risiko sedia ada dalam tempoh 12 bulan.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



Berlandaskan prinsip 'Membina dan Membela', Johor Corporation (JCorp) percaya kejayaan korporat dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) saling bergantung antara satu sama lain. Tanggungjawab ini dilaksanakan menerusi pendekatan dan inisiatif yang selaras dengan prinsip syariah Islam serta nilai murni sejagat. Dalam konteks ini, JCorp sentiasa memelihara supaya setiap pihak yang berkepentingan diberi hak dan perhatian sewajarnya.

Pembangunan lestari JCorp dilaksanakan melalui persatuan dan pertubuhan yang tidak berorientasikan keuntungan (NGO) dikenali sebagai Organisasi Bisnes Amal (OBA). Ia berperanan sebagai satu saluran untuk JCorp menyumbang ke arah pembangunan ummah dalam pelbagai aspek iaitu kebajikan, pendidikan, kesihatan dan riadah serta keusahawanan.

Terdapat 42 OBA di bawah Kumpulan JCorp, di mana 26 daripadanya bernaung di bawah Jabatan Bisnes Amal JCorp. OBA ini diletakkan di bawah beberapa kategori iaitu Kategori Pembangunan Sosial dan Kebajikan Awam, Kategori Pembangunan Usahawan, Kategori Sukan dan Rekreasi serta Kategori Kebajikan Anggota Pekerja.

Beberapa projek kemasyarakatan dilaksanakan bagi merapatkan hubungan antara JCorp dengan masyarakat. Contohnya, melalui penganjuran Pertandingan Perahu Layar di Tanjung Leman Mersing, program bacaan Yasin dan Tahlil serta gotong-royong memperbaiki rumah, surau dan masjid serta membersihkan tanah perkuburan.

KATEGORI PEMBANGUNAN SOSIAL DAN KEBAJIKAN AWAM WANCORP

Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) adalah sebuah syarikat berhad dengan jaminan yang ditubuhkan untuk mengurus aset dan saham syarikat dalam Kumpulan JCorp yang diwaqafkan.

WANCorp berperanan sebagai '*Maukuf Alaihi*' saham dan lain-lain bentuk sekuriti syarikat yang diwaqafkan secara keseluruhannya.

WANCorp melaksanakan pelbagai inisiatif CSR bagi pihak JCorp iaitu Hospital Waqaf An-Nur dan Rangkaian Klinik Waqaf An-Nur (KWAN), Waqaf Dana Niaga, Briged Waqaf dan sumbangan kepada masyarakat melalui pengagihan manfaat *Fisabilillah*.

Waqaf Dana Niaga adalah satu inisiatif bagi memberi modal tanpa faedah kepada individu yang mahu memula atau mengembangkan bisnes sedia ada. Projek ini bertujuan meningkatkan syiar Islam melalui



bisnes dan menggerakkan ekonomi umat Islam serta memberi manfaat kepada semua usahawan Islam yang memerlukan.

Sehingga akhir 2012, seramai 256 peserta menerima bantuan berjumlah RM402,200 dan daripada jumlah itu seramai 215 penerima Waqaf Dana Niaga adalah wanita (84 peratus) manakala 41 lagi penerima lelaki (16 peratus). Antara perniagaan yang diusahakan oleh penerima bantuan kewangan meliputi jualan makanan & minuman, kedai jahit, kafetaria, produk kecantikan, kerja kimpalan dan bengkel membaiki kenderaan.

Sumbangan pengagihan manfaat *Fisabilillah* oleh WANCorp sedikit sebanyak dapat meringankan beban masyarakat dan organisasi contohnya kebajikan pesakit, mengimarahkan masjid, program keusahawanan dan pendidikan. WANCorp turut memberi perhatian kepada masyarakat Orang Asli dengan menganjurkan Kem Ibadah khusus untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan mereka dalam agama Islam. Untuk 2012, WANCorp mengeluarkan RM3,460,420 bagi tujuan sumbangan dan agihan bantuan dari manfaat *Fisabilillah*.

RANGKAIAN MASJID AN-NUR JOHOR CORPORATION

Sehingga kini, tujuh masjid termasuk sebuah masjid di Pulau Sibul diuruskan oleh JCorp menerusi WANCorp. Khidmat yang diberikan oleh masjid bukan sahaja sebagai tempat beribadat malah menjadi gedung ilmu serta tempat rujuk kepada anggota masyarakat yang memerlukan. Jumlah ahli kariah rangkaian Masjid An-Nur JCorp kini dianggarkan lebih 15,000 orang.

Semua rangkaian Masjid An-Nur JCorp berterusan menjalankan aktiviti harian, mingguan dan bulanan mengikut perancangan yang dijadualkan seperti kuliah Maghrib, bacaan Yasin dan Tahlil, kelas membudayakan al-Quran dan as-Sunnah dan lain-lain aktiviti berkaitan keagamaan dan kemasyarakatan seperti qiamullail, Isra' Mikraj, sambutan Maulidurrasul, Program Dakwah Saudara Baru dan kelas fardhu ain.

Eksekutif Agama turut melibatkan diri sebagai amil zakat, perunding cara dan nasihat rumahtangga serta masalah agama. Selain itu, semua anggota pekerja masjid terlibat secara langsung menjadi juruakad Waqaf Dana Niaga dengan penerima bantuan Waqaf Dana Niaga di masjid yang terlibat.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



Anggota pekerja masjid turut diberi ruang menjadi Mutawwif bertauliah yang diiktiraf oleh WANCorp. Khidmat mereka diperlukan dalam perkhidmatan umrah yang ditawarkan oleh Tiram Travel Sdn Bhd, sebuah syarikat yang 75 peratus pegangan sahamnya telah diwaqafkan.

KLINIK WAQAF AN-NUR DAN HOSPITAL WAQAF AN-NUR

JCorp melalui KPJ Healthcare Berhad membangun dan menguruskan 18 Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) dan Hospital Waqaf An-Nur Pasir Gudang (HWAN) berteraskan kebajikan dan mengadaptasikan konsep waqaf. Selain Johor, KWAN dibina di Negeri Sembilan, Selangor, Perak dan Sarawak dengan kerjasama Majlis Agama Islam negeri berkenaan.

Mulai Oktober 2011, KWAN Kotaraya ditutup sementara berikutan kerja pengubahsuaian Kompleks Plaza Kotaraya (kini Galleria@Kotaraya) dan pesakit yang menerima rawatan dialisis di situ dipindahkan ke Pusat Dialisis Pasir Gudang.

Matlamat utama penubuhan klinik dan hospital waqaf tersebut adalah memberi kemudahan kesihatan dan dialisis kepada pesakit yang kurang berkemampuan.

Sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 869,488 rawatan diberikan kepada pesakit di rangkaian KWAN. Daripada jumlah itu, 60,388 (6.9 peratus) adalah jumlah rawatan pesakit bukan Islam. Seramai 101 pesakit buah pinggang menerima rawatan dialisis di HWAN dan lima KWAN.

HWAN dan rangkaian KWAN bukan hanya menyediakan rawatan kesihatan pada caj nominal sebanyak RM5 termasuk ubat-ubatan, malah menawarkan rawatan dialisis dengan harga subsidi kepada pesakit memerlukan. Pesakit juga menerima bantuan daripada Baitulmal, PERKESO dan pelbagai agensi kebajikan lain yang membolehkan pesakit menerima rawatan percuma.

BRIGED WAQAF

Berpegang kepada visi untuk menjadi organisasi sukarelawan Islam terunggul dalam pengurusan bencana peringkat kebangsaan dan antarabangsa, pada 2009, Brigid Waqaf telah membuktikan kewujudannya dengan mendapat pengiktirafan daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Sesuai dengan objektif penubuhannya sebagai pertubuhan bantuan kecemasan, Brigid Waqaf telah melaksanakan pelbagai misi bantuan kemanusiaan semasa bencana dan aktiviti kemasyarakatan semasa aman.

Pasukan ini turut menyumbang khidmat bakti semasa bencana banjir melanda daerah Segamat, Kota Tinggi dan Batu Pahat. Anggota bantuan dan Pasukan Elit Brigid Waqaf telah melaksanakan gotong-royong pembersihan dan pemuliharaan sekolah, masjid, balai raya dan klinik serta rumah awam yang ditenggelami banjir. Brigid Waqaf juga membantu pengagihan bantuan makanan dan barangan keperluan kepada mangsa banjir dan musibah kebakaran.

Brigid Waqaf turut mengharumkan nama JCorp apabila muncul Johan Kontingen Perbarisan Kategori Swasta, NGO dan Jawatankuasa Penyelarasan Mukim-Mukim (JPMM) pada Perhimpunan Hari Kebangsaan Peringkat Daerah Johor Bahru.

TABUNG TIJARAH RAMADHAN-YAYASAN JOHOR

Program Tijarah Ramadhan juga memberi peluang kepada syarikat sama ada dalam Kumpulan JCorp mahupun syarikat luar dan orang ramai beramal. Ini kerana di samping kejayaan bisnes dan keuntungan yang dikecapi oleh organisasi, adalah menjadi tanggungjawab dan amanah mereka membantu rakyat Malaysia yang memerlukan.

Sejak dilancarkan pada 2005 sehingga Disember 2012, sejumlah RM2,236,244 telah dikumpulkan

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



menerusi Tabung Tijarah Ramadhan hasil sumbangan badan korporat, orang awam melalui SMS, deposit tunai dan cek daripada seluruh Malaysia selain Singapura dan Brunei. Bagi tempoh Januari hingga Disember 2012, Tabung Tijarah Ramadhan menerima sumbangan berjumlah RM290,126.

Daripada jumlah tersebut, Tabung Tijarah Ramadhan telah menyalurkan sebanyak RM2,134,151 kepada golongan yang memerlukan dari seluruh negara. Bagi tempoh Januari-Disember 2012, sebanyak RM422,867 disumbangkan oleh Tabung Tijarah Ramadhan bagi tujuan tersebut.

Seramai 10,728 orang pelbagai kaum dan agama serta badan yang memerlukan dari seluruh negara mendapat manfaat daripada Tabung Tijarah Ramadhan.

DARUL HANAN

Aspirasi membuka Rumah Kebajikan Anak Yatim Darul Hanan adalah bertujuan memberi sinar pada kehidupan insan yang kurang bernasib baik. Di kediaman ini, anak yatim dan kanak-kanak yang kurang bernasib baik diberi peluang bukan sahaja untuk hidup berdikari malah pada masa sama mereka dididik dan dibimbing supaya menjadi insan cemerlang di dunia mahupun akhirat.

Sejak ditubuhkan, Darul Hanan telah memberi manfaat kepada 304 penghuninya. Darul Hanan memberi penekanan ke arah penguasaan ilmu pengetahuan dan mementingkan pembinaan sahsiah diri anak-anak untuk memastikan mereka mencapai taraf pelajaran yang tinggi dan sahsiah terpuji demi menuju ke arah kehidupan lebih sempurna pada masa hadapan.

Bagi 2012, seramai 20 penghuni lelaki dan 28 perempuan di bawah jagaan Darul Hanan. Sementara itu, 11 penghuni yang masih di bawah jagaan Darul Hanan sedang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi.

PKP INDUK DAN PKP PERBADANAN JOHOR

Persatuan Keluarga Johor Corporation (PKP Induk) memainkan peranan penting dalam menyatupadu dan menyelaraskan semua persatuan anggota-anggota pekerja syarikat dalam Kumpulan JCorp. Persatuan Rekreasi Keluarga Perbadanan Johor (PKP Perbadanan Johor) pula adalah persatuan anggota pekerja di peringkat ibu pejabat JCorp. Kedua-duanya aktif menganjurkan aktiviti sesama ahli terutama sukan dan riadah.

PKP Induk telah menganjurkan Karnival Sukan Tertutup Edisi Ke-8 yang diadakan setiap Sabtu dan Ahad bagi tempoh 5 Mac hingga 16 April 2012.

Pada 2012, PKP Perbadanan Johor telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya dan Hari Keluarga yang menjadi platform memupuk nilai kekeluargaan dan hubungan silaturrahim sesama anggota pekerja.

MUTIARA JOHOR CORPORATION

Mutiara Johor Corporation yang dipengerusikan oleh Yang Dihormati Datin Noor Laila Yahaya adalah sebuah kelab wanita yang dianggotai oleh anggota pekerja wanita dan isteri-isteri anggota pekerja. Ia merupakan antara persatuan yang aktif menjalankan aktiviti kebajikan, keagamaan, sosial dan akademik di kalangan ahlinya mahupun masyarakat.

Objektif penubuhan kelab ini secara amnya adalah untuk menyumbang khidmat bakti kepada masyarakat melalui aktiviti berfaedah yang dijalankan dari semasa ke semasa termasuk berbentuk akademik, seminar dan bimbingan kerjaya. Ia juga menerapkan nilai-nilai kekeluargaan dan hubungan antara ahli melalui perkumpulan yang dianjurkan sepanjang tahun.

Antara program bagi menangani isu sosial golongan muda-mudi pada hari ini adalah menerusi sesi ceramah oleh penceramah yang tidak asing lagi iaitu YBhg Ustaz Haji Mohamed Hanafiah Abdul Malek.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



PEMBANGUNAN USAHAWAN

JCorp sentiasa menggalakkan generasi muda supaya aktif menjalankan aktiviti keusahawanan sebagai alternatif menjana pendapatan sekali gus menjamin masa depan yang cerah. Untuk itu, Program Tunas Bistari dilancarkan oleh Bistari Johor Berhad (BISTARI) dengan objektif memupuk minat, semangat dan kemahiran keusahawanan di kalangan pelajar bermula dari sekolah rendah hingga universiti. Program ini dinamakan sebagai Didik Bistari, Tunas Bistari dan Siswa Bistari.

Bistari Young Entrepreneur Sdn Bhd (BYE), syarikat yang ditubuhkan bagi melaksanakan program Bistari begitu giat memperkenalkan Catur Bistari kepada orang ramai terutama melalui penganjuran pertandingan di peringkat zon dan kebangsaan melibatkan pelajar sekolah rendah, menengah dan terbuka.

Pada 2012, BYE mengambil inisiatif mengumpulkan semua peserta program BISTARI sejak dari 1992 melalui program Karnival Bistari yang turut bertujuan memperkenalkan Cilik Bistari & Catur Bistari kepada sekolah rendah di luar Johor. Ia melibatkan sekolah di sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan. Karnival itu berlangsung pada 29 September 2012 di Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Putrajaya dan dirasmikan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran.

Selain itu, BYE telah melaksanakan Projek Tuisyen WANCORP 2012 bagi tempoh April hingga September lalu di sekolah terpilih di Johor. Program ini melibatkan

197 pelajar dan 44 guru dari sekolah yang terletak di pedalaman Johor.

Empat program dilaksanakan seperti perancangan iaitu Projek Sesi Pembelajaran (Tuisyen), Program Motivasi Pelajar Cemerlang dan Bijak Matematik, Bengkel Teknik Menjawab Soalan Peperiksaan UPSR 2012 dan Lawatan Sambil Belajar. Projek ini membuahkan hasil apabila 17 murid mencapai keputusan cemerlang dalam UPSR 2012.

KATEGORI SUKAN DAN REKREASI KELAB MOTOR JOHOR

Kelab Motor Johor adalah sebuah kelab gabungan Persatuan Automobil Malaysia (AAM) yang aktif dalam pembangunan sukan bermotor di Johor. Pelbagai aktiviti dan pertandingan dianjurkan oleh Kelab Motor Johor seperti *Johor Clubman Race*, *Johor Sprint Challenge*, Lumba Pecut Malam Minggu (*Saturday Nite Sprint*) dan Kejohanan Petronas AAM Malaysian Cub Prix.

Pertandingan *Johor Clubman Series* merupakan acara paling popular di kalangan pendatang baru dan ahli kelab, manakala Lumba Pecut Malam Minggu amat popular di kalangan anak muda kerana memberi ruang mereka menyertai sukan lumba pecut dalam keadaan terkawal dan selamat.

Pelbagai aktiviti diusahakan Kelab Motor Johor bagi menarik lebih ramai peminat sukan permotoran dan sukan ekstrim di negeri Johor. Ia juga sebagai platform kepada remaja yang berminat dengan sukan

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



permotoran untuk mempamerkan bakat masing-masing secara sihat.

PERSATUAN MENEMBAK CLAY TARGET JOHOR

Persatuan Menembak Clay Target Johor (JCTSA) ditubuhkan pada 1997 dan persatuan ini menganjurkan klinik menembak bulanan pada setiap Ahad. Ahlinya mengambil kesempatan ini untuk mempelajari cara yang selamat dan betul bagi mengendali dan menggunakan senjata api. Klinik itu juga dibuka kepada bukan ahli dengan dikenakan bayaran minimum RM10.

Persatuan turut menyediakan platform bagi latihan menembak anjuran Malaysian IPSC (*International Practical Shooting Confederation*). Lapang sasaran sedia ada menawarkan 24 ruang latihan lengkap dengan papan sasaran dan bahan latihan untuk kegunaan ahli. Lapang sasaran persatuan dipilih sebagai lapang sasaran rasmi Pertandingan Australasia IPSC Level IV.

Setiap tahun, persatuan ini menganjurkan Pertandingan Menembak Piala Sultan Iskandar yang kini dikenali sebagai *Iskandar Shoot* anjuran bersama Majlis Sukan Negeri Johor. Pertandingan turut mendapat sokongan Kerajaan Negeri apabila ia dimasukkan dalam Kalendar Pelancongan Negeri Johor.

Acara ini dianjurkan kali pertama pada 1997 dan sehingga kini bilangan peserta terus meningkat dengan ketara terutama sejak 2003 apabila acara Menembak Praktikal menjadi sebahagian daripada pertandingan. Acara ini menarik peserta tempatan selain Singapura, Indonesia, Thailand, Filipina dan Sri Lanka.

PERSATUAN PELAYARAN JOHOR DAN PERSATUAN PELAYARAN MALAYSIA

JCorp turut mempelopori bidang sukan layar dengan penglibatannya dalam Persatuan Pelayaran Johor dan Persatuan Pelayaran Malaysia. OBA ini giat menggalak dan membangunkan sukan perahu layar

TANGGUNGJAWAB
SOSIAL KORPORAT



TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

di peringkat negeri. Pelayar Johor turut mencapai kejayaan mengagumkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kini anak-anak kampung tradisional sekitar Pasir Gudang dan Gugusan FELDA Tenggara di Tanjung Leman telah dilatih dalam sukan pelayaran.

Seramai 110 pelayar daripada 11 pasukan dan kelab menyertai Kejohanan Perahu Layar KFC-Felda Terbuka Johor 2012 yang berlangsung di Tanjung Leman, Mersing pada 28 hingga 30 September 2012. FELDA turut menyokong acara ini apabila menjadi penganjur bersama dengan menaja RM100,000 bagi menjayakan kejohanan itu.

Empat kategori dipertandingkan iaitu *Optimis*, *Laser*, *International 420* serta *Windsurfing* yang menawarkan hadiah wang tunai dan pingat. Dua acara baru turut disenaraikan pada kejohanan kali ini iaitu *Malaysian Match Racing-Circuit Tanjung Leman* dan *Marathon International 420 Tanjung Leman-Pulau Sibul*. Regatta ini menarik penyertaan dari Persatuan Perahu Layar Selangor, Persatuan Perahu Layar Putrajaya dan Persatuan Perahu Layar Wilayah Persekutuan.

Kejohanan ini bertujuan mempromosikan Sukan Perahu Layar sebagai sukan berprestij selain mempromosikan Tanjung Leman sebagai pusat peranginan dan destinasi pelancongan menarik di Johor.

PERSATUAN PELAYANG NEGERI JOHOR

Nama Persatuan Pelayang Johor sudah tidak asing lagi di kalangan peminat dan ahli persatuan pelayang di seluruh negara mahupun antarabangsa ekoran kejayaan menganjurkan Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang sejak 1995 sehingga meletakkan nama Pasir Gudang begitu masyhur di peta dunia bagi sukan itu.

Tahun 2012 menyaksikan Pelayang Johor bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Kerajaan Negeri Johor, Jabatan Pelancongan Johor serta Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Johor dalam penganjuran Festival Layang-Layang Antarabangsa Pasir Gudang Ke-17 pada 15 hingga 19 Februari 2012. Kira-kira 30,000 peminat mengunjungi festival itu di Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang.

Festival disertai 557 pelayang dari 34 negara termasuk Indonesia, Jepun, Austria, Korea, Taiwan dan Jerman.

Prestasi Pelayang Johor turut mendapat pengiktirafan apabila sehingga hari ini Pelayang Johor diberi kepercayaan untuk menerajui Majlis Pelayang Malaysia.

KOMITMEN BERTERUSAN

Sebagai organisasi korporat bertanggungjawab, penglibatan JCorp dan syarikat dalam Kumpulan serta seluruh anggota pekerja dalam pembangunan masyarakat dan sosial melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan merupakan satu peranan penting dan komitmen yang dilakukan dengan sepenuh hati dan amanah.

Kumpulan JCorp juga percaya pertumbuhan yang lestari dapat dijayakan dengan adanya pelaksanaan CSR. Selain itu, segala daya usaha yang dilaksanakan mampu memberikan daya saing kepada bisnis khususnya syarikat dalam Kumpulan. Tumpuan khusus juga diberi kepada penerapan nilai-nilai murni dan strategi bisnis berdasarkan keperluan sosial dan ekonomi kepada semua pihak berkepentingan. Seterusnya, Kumpulan JCorp berharap setiap inisiatif tersebut akan menerapkan dasar-dasar dan amalan perniagaan yang bertanggungjawab dan beretika dalam segala perkara yang dilakukan.

Sesungguhnya, pelaksanaan CSR telah membuka peluang kepada Kumpulan JCorp untuk bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan bagi membentuk pembangunan dan pertumbuhan yang mapan.



PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Program Transformasi Strategik Johor Corporation (JCorp) dan Kumpulan merupakan satu perjalanan yang berterusan. Dalam memastikan program transformasi strategik ini berjalan dengan lancar, terdapat tiga perkara utama yang dititikberatkan.



Pertama, pada 31 Disember 2012, JCorp dan Kumpulan mempunyai seramai 72,226 orang anggota pekerja. Program transformasi ini bertujuan untuk meningkatkan prestasi bisnes JCorp yang berpaksi kepada anggota pekerja itu sendiri. Anggota pekerja perlu mempunyai minda yang terbuka untuk menerima perubahan dan pembaharuan, menambah keupayaan, lebih komited dan lebih proaktif dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing.

Kedua, peningkatan kemahiran dan keupayaan dengan menyediakan atau menghantar anggota pekerja menjalani latihan atau berkursus di mana sebanyak RM17.4 juta telah dibelanjakan pada 2012 bagi tujuan tersebut. Latihan anggota pekerja merupakan pelaburan jangka panjang JCorp bagi perkembangan modal insannya. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 4 peratus daripada tahun sebelumnya.





Ketiga, memastikan prestasi dan imbuhan berlandaskan pasaran. Selaras dengan seruan kerajaan bagi memastikan imbuhan yang diterima adalah mengikut pasaran, JCorp telah melaksanakan gaji minimum berkuatkuasa mulai 1 Januari 2012. Kumpulan JCorp sedar peningkatan gaji akan meningkatkan kos operasi, oleh itu bagi menanganinya, produktiviti syarikat dalam Kumpulan perlu ditingkatkan untuk kesinambungan operasi. Untuk penilaian, graf taburan yang seimbang dapat membantu dalam memberi ganjaran kepada anggota pekerja yang benar-benar layak manakala anggota pekerja yang tidak mencapai tahap yang ditetapkan akan dihantar menghadiri program peningkatan prestasi serta pemantauan oleh pihak pengurusan.



SARI PERISTIWA PENTING 2012



JANUARI**6 Januari**

1. Majlis Ramah Mesra Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor Bersama Pasukan Bola Sepak Negeri Johor dan Penaja 2012 di Hotel Thistle, Johor Bahru. Johor Corporation, Kulim (Malaysia) Berhad, KFC Holdings (Malaysia) Bhd dan Johor Land Berhad menyerahkan sumbangan berjumlah RM2.7 juta kepada Persatuan Bolasepak Negeri Johor (PBNJ) pada majlis itu.

9 Januari

2. Program *Eyes And Ears At Sea* anjuran Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Johor Bunkering Services Association (J-BUNKER) dengan sokongan Tanjung Langsat Port Sdn Bhd dirasmikan YB Datuk Haji Ahmad Haji Maslan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri di Pelabuhan Tanjung Langsat.

11 Januari

3. Majlis PEDOMAN Johor Corporation 2012 bersama Tuan Haji Kamaruzzaman Abu Kassim, Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation, di Persada Johor.

FEBRUARI**2 Februari**

4. Kumpulan Johor Corporation menyerahkan sumbangan penajaan berjumlah RM400,000 sempena penganjuran Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang 2012.

9 Februari

5. Tuan Yang Terutama Encik Vijay Gokhale, Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia, melakukan lawatan ke Pelabuhan Tanjung Langsat.

10 Februari

6. Johor Corporation melalui Waqaf An-Nur Corporation Berhad menyumbang RM56,000 kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia bagi membeli mesin bantuan pernafasan mudah alih bersempena Majlis Kurniaan Peralatan Kesihatan Kepada Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru.

17 Februari

7. Delegasi 40 orang Pengurusan Kanan Kumpulan Media Prima melawat ke Ibu Pejabat Johor Corporation di The Puteri Pacific Hotel, Johor Bahru.

MAC**1 & 2 Mac**

8. Johor Corporation melalui Bistari Young Entrepreneur Sdn Bhd menganjurkan Hari BISTARI 2012 di Persada Johor. Majlis dirasmikan YB Datuk Haji Maulizan Bujang, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri Johor.

3 Mac

9. Delegasi pegawai Kementerian Kewangan melawat Ibu Pejabat Johor Corporation di Persada Johor.

8 Mac

10. YB Dato' Mukhriz Tun Mahathir, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri merasmikan Program Perintisan Keusahawanan Membaiki Motosikal di The Puteri Pacific Hotel Johor Bahru.

19 Mac

11. Lawatan delegasi dari Rumah Zakat Indonesia ke Ibu Pejabat Johor Corporation di Persada Johor.

APRIL**5 April**

12. Majlis Menandatangani Perjanjian Antara KFC Holdings (Malaysia) Bhd dengan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

12 April

13. *Exit Conference* bagi penarafan Indeks Akauntabiliti Johor Corporation 2011 bersama Jabatan Audit Negara di Putrajaya.

16 April

14. Majlis menandatangani Memorandum Perjanjian Antara KPJ International University College of Nursing And Health Science dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berlangsung di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, UKM.

19 April

15. Pertandingan Menembak – Iskandar Shoot 2012 anjuran Clay Target Johor berlangsung di Lapang Sasar Ladang REM, Kota Tinggi.

25 April

16. Tuan Haji Kamaruzzaman Abu Kassim, Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation menerima Anugerah ADFIAP di Hotel Sheraton Istanbul Atakoy, Turki.

MEI**4 Mei**

17. Mesyuarat Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation Kali Ke-160 berlangsung di Bilik Mesyuarat, Pejabat Korporat di Menara JCorp, Kuala Lumpur.

SARI PERISTIWA
PENTING 2012

SARI PERISTIWA
PENTING 2012**8 Mei**

18. Program Kerjasama Pembangunan Usahawan Korporat Bumiputera di antara TERAJU, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Johor Corporation di Persada Johor.

11 – 13 Mei

19. Johor Corporation menerusi Damansara Assets Sdn Bhd menganjurkan Karnival Tanjung Leman 2012 di Pantai Tanjung Leman, Mersing. Majlis perasmian disempurnakan YB Datuk Haji Ahmad Haji Maslan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

14 Mei

20. Sesi Bersama Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation di Persada Johor.

23 Mei

21. Cabaran Catur BISTARI Kolej-Kolej MARA SeMalaysia di Kota Tinggi.

31 Mei

22. Sesi '*Premier Executive Talk*' Bersama Yang Berbahagia Tun Dr Mahathir Mohamad di Persada Johor.

JUN**20 Jun**

23. Majlis Menandatangani Memorandum Persetujuan antara KPJ Healthcare Berhad dengan Tan Sri Muhyiddin Charity Golf Haemodialysis Centre berlangsung di Kuala Lumpur Golf & Country Club (KLGCC), Mont Kiara, Kuala Lumpur. Majlis disaksikan YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia serta Tuan Haji Kamaruzzaman Abu Kassim, Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation.

JULAI**2 Julai**

24. Majlis Konvokesyen KFCH International College Kali Pertama berlangsung di Pullman Hotels and Resorts, Putrajaya.

11 Julai

25. Tuan Haji Ahamad Mohamad, Pengarah Urusan Kulim (Malaysia) Berhad dianugerahkan *Outstanding Entrepreneurship Award* pada majlis anugerah *Asia Pacific Entrepreneurship Award 2012 (APEA 2012)*.

17 Julai

26. Majlis Pedoman Eksekutif Johor Corporation di Persada Johor.

31 Julai

27. Johor Corporation telah menyempurnakan Siri Ketiga dan Terakhir Penebusan Bon di bawah Pelan Induk Penstrukturan Korporat (CRMP) merangkumi Bon Islam Boleh Tebus Terjamin (Bai' Bithaman Ajil) bernilai RM1,952,257,000, dan Sijil Bercagar Boleh Tebus (Bai' Bithaman Ajil) bernilai RM195,377,000. Pusingan Komited Cara Islam/Pengaturan Bayaran Berjadual telah dilunaskan sebelumnya dengan nilai RM25,000,000. Dengan penebusan itu, Johor Corporation telah melunaskan sepenuhnya tanggungjawab CRMP tersebut.

OGOS**9 Ogos**

28. Majlis Santapan Berbuka Puasa Johor Corporation Dan Pelancaran Projek Penyayang KFC Ke-56 Dan Penghantaran Amal Pizza Hut di Masjid Jamek Pasir Gudang. Duli

Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan dan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim telah bercemar duli menyempurnakan majlis itu.

13 Ogos

29. Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Syarikat-Syarikat Dalam Kumpulan Johor Corporation Bagi Tahun Berakhir 2011 oleh Tuan Haji Kamaruzzaman Abu Kassim, Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation berjumlah RM5,072,488.88 kepada YAB Dato' Haji Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor di Kediaman Rasmi Menteri Besar di Saujana, Johor Bahru.

SEPTEMBER**4 September**

30. Majlis Menandatangani Perjanjian Usahasama Di Antara FELDA Bersama Ayamas Integrated Poultry Industry Sdn Bhd di Menara FELDA, Jalan Stonor, Kuala Lumpur.

22 September

31. Majlis Penyerahan Mockup Cek Sempena Kejohanan Piala Hoki Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor di Persada Johor. Johor Corporation menyumbang RM100,000 untuk kejohanan itu. Penajaan diserahkan oleh Tuan Haji Kamaruzzaman Abu Kassim, Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Dan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim.

SARI PERISTIWA PENTING 2012



SARI PERISTIWA
PENTING 2012**28 – 30 September**

32. Kejohanan Perahu Layar KFC-FELDA Terbuka Johor 2012 berlangsung Tanjung Leman, Mersing pada 28-30 September 2012. Yang Amat Mulia Tunku Temenggong Idris, Pemangku Raja Johor berkenan berangkat bercemar duli menghadiri Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah kejohanan itu.

OKTOBER**1 Oktober**

33. Johor Corporation dianugerahkan pengiktirafan tertinggi iaitu Anugerah Empat Bintang bagi Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2011 kali kelima berturut-turut sejak 2007 pada Majlis Sambutan Hari Audit SeMalaysia 2012 di Kuantan, Pahang.

6 Oktober

34. KFC Holdings (Malaysia) Bhd turut menjayakan program *Charity Walk In Support of World Hunger Relief* anjuran Program Makanan Dunia PBB di Putrajaya. Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah telah berkenan berangkat bercemar duli menghadiri majlis itu.

7 Oktober

35. Yang Amat Mulia Tunku Temenggong Idris, Pemangku Raja Johor telah berkenan berangkat bercemar duli ke Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Karnival Tanjung Leman 2012 di Tanjung Leman, Mersing.

16 Oktober

36. Johor Corporation menyumbang RM70,000 untuk Program Hari Pahlawan Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) Cawangan Negeri Johor di Bangunan Dato' Jaafar Muhammad, Kota Iskandar, Nusajaya.

NOVEMBER**8 November**

37. Majlis Pelancaran Nama Baru KPJ Healthcare University College dan Program Latihan Kepakaran Perubatan KPJUC disempurnakan oleh YB Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi di Pusat Konvensyen Antarabangsa, Putrajaya.

19 November

38. Majlis Sesi Bersama Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation di Persada Johor.

21 – 25 November

39. Johor Corporation menyertai Perarakan Kereta Berhias sempena Majlis Sambutan Ulangtahun Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor dan Majlis Perisytiharan Bandar DiRaja Johor yang berlangsung pada 21-25 November 2012 di Muar, Johor.

23 Nov – 2 Dis

40. Kulim Montel Farm & Kulim Pineapple Farm masing-masing menjuarai Pertandingan Buah-Buahan dalam Kategori Pisang dan Nanas menerusi Pisang Montel & Nanas MD2 pada Pameran MAHA 2012 di Serdang, Selangor.

DISEMBER**4 – 6 Disember**

41. Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor menjadi tempat berlangsung Forum Ekonomi Islam Antarabangsa (WIEF) Ke-8.

14 – 16 Disember

42. JCorp Intrapreneur (M) Bhd (JIMB) menganjurkan Persidangan Tahunan JIMB 2012 di Ri-Yaz Heritage, Marina Resort & SPA, Pulau Duyung, Kuala Terengganu.

17 Disember

43. Latihan 'PAGEMA Fire Drill' berlangsung di Bangunan Pentadbiran Tanjung Langsat Port Sdn Bhd, Pasir Gudang. Majlis dirasmikan YB Dato' Haji Ahmad Zahri Jamil, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri Johor.

29 Disember

44. Majlis Penyerahan Penajaan Kepada Persatuan Bolasepak Negeri Johor Sempena Pelancaran Pasukan Bolasepak Johor & Johor Darul Ta'zim Bagi Musim 2013 di Plaza Angsana, Johor Bahru. Duli Yang Maha Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor, bercemar duli ke majlis tersebut. Tuan Haji Kamaruzzaman Abu Kassim, Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation telah menyerahkan penajaan daripada Kumpulan Johor Corporation berjumlah RM8 juta.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Johor Corporation menerima anugerah dan pengiktirafan dalam negara serta peringkat antarabangsa sepanjang 2012 terhadap inisiatif yang dilakukannya.

ANUGERAH ADFIAP 2012

Plaque of Merit oleh Association of Development Financing Institutions In Asia and The Pacific (ADFIAP) 2012 bagi kategori Outstanding Development Project Award for SME Development

INDEKS AKAUNTABILITI PENGURUSAN KEWANGAN 2011

Pengiktirafan Tertinggi Empat Bintang bagi Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan daripada Jabatan Audit Negara selama lima tahun berturut-turut sejak 2007.



LAPORAN KEWANGAN

■ Sijil Ketua Audit Negara	82
■ Laporan Para Pengarah	83
■ Penyata Pengerusi Dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation (Akaun Kumpulan)	86
■ Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Johor Corporation	87
■ Penyata Pendapatan Komprehensif	88
■ Penyata Kedudukan Kewangan	90
■ Penyata Perubahan Ekuiti	92
■ Penyata Aliran Tunai	95
■ Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan	98
■ Senarai Anak-Anak Syarikat Dan Syarikat-Syarikat Bersekutu	193



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
JOHOR CORPORATION
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**

Penyata Kewangan Johor Corporation dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan penyata kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Johor Corporation dan Kumpulan pada 31 Disember 2012, hasil operasi serta aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan disatukan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan penyata kewangan Johor Corporation adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan yang disatukan.

**(TAN SRI DATO' SETIA AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**

**PUTRAJAYA
28 MAC 2013**



LAPORAN PARA PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan beserta dengan Penyata Kewangan beraudit Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

KEGIATAN UTAMA

Johor Corporation telah diperbadankan di bawah enakmen Johor Corporation (Bil. 4, 1968), (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5, 1995) sebagai agensi pembangunan dan perusahaan awam. Kegiatan utama Johor Corporation adalah bisnes minyak sawit, pembangunan dan pengurusan hartanah dan pegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terdiri terutamanya daripada bisnes minyak sawit, perkhidmatan kesihatan pakar (prisihatini), pembangunan dan pengurusan hartanah, “intrapreneur ventures”, restoran khidmat cepat dan pegangan pelaburan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM Juta	Johor Corporation RM Juta
Keuntungan daripada operasi berterusan, selepas cukai	746	203
Keuntungan daripada operasi dihentikan, selepas cukai	114	-
Keuntungan bersih selepas cukai	860	203
Keuntungan dikaitkan kepada:		
Johor Corporation	314	203
Kepentingan bukan kawalan	546	-
	860	203

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pemindahan material kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain dari yang telah dinyatakan dalam penyata kewangan ini.

LAPORAN PARA PENGARAH

SAMBUNGAN

LEMBAGA PENGARAH

Ahli Lembaga Pengarah yang memegang jawatan semenjak tarikh laporan yang lalu dan pada tarikh laporan ini adalah:

YAB Dato' Haji Abdul Ghani Bin Othman	(Pengerusi)
YBhg Dato' Sri Dr Ali Bin Hamsa	(Timbalan Pengerusi)
YB Dato' Kamaruzzaman Bin Abu Kassim	(Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan)
YB Dato' Haji Ahmad Zahri Bin Jamil	
YB Dato' Haji Obet Bin Tawil	
YB Datuk Abdul Rahman Putra Bin Dato' Haji Taha	
YB Tuan Haji Marsan Bin Kassim	
YBhg Datuk Dr Rebecca Fatima Sta Maria	
YBhg Datuk Dr Rahamat Bivi Binti Yusoff	
YBhg Puan Siti Zauyah Binti Mohd Desa	(Dilantik pada 11 Mac 2013)
YB Datin Paduka Zainon Binti Haji Yusof	
YBhg Dato' Haji Maliami Bin Hamad	(Dilantik pada 1 Jun 2012 dan bersara pada 1 November 2012)
YBhg Dato' Paduka Ismee Bin Ismail	(Bersara pada 1 November 2012)

MAKLUMAT BERKANUN KE ATAS PENYATA KEWANGAN

- (a) Sebelum Penyata Pendapatan Komprehensif dan Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan Johor Corporation ini disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk menentukan bahawa:
 - (i) tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan telah berpuashati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan
 - (ii) untuk memastikan bahawa segala aset semasa, yang tidak mungkin diperolehi nilainya dalam urusan biasa perniagaan, nilainya seperti yang ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan di dalam urusan biasa perniagaan telah dikurangkan nilai kepada satu amaun yang dijangka boleh diperolehi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari tentang sebarang keadaan:
 - (i) yang boleh menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapuskira, atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation tidak mencukupi sehingga tahap yang ketara; atau
 - (ii) yang boleh menyebabkan nilai bagi aset-aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation mengelirukan; atau
 - (iii) yang telah timbul yang akan menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian sedia ada ke atas aset atau liabiliti Kumpulan dan Johor Corporation mengelirukan atau tidak sesuai.

LAPORAN PARA PENGARAH

SAMBUNGAN

MAKLUMAT BERKANUN KE ATAS PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (c) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan atau penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation ini, yang akan menjadikan sebarang amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini mengelirukan.
- (d) Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:
- (i) sebarang gadaian ke atas aset-aset Kumpulan atau Johor Corporation yang telah timbul semenjak akhir tahun kewangan sebagai sandaran kepada liabiliti pihak lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan atau Johor Corporation yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (e) Pada pendapat para Pengarah:
- (i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah menjadi boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan menjadi boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas dari tarikh akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjejaskan dengan ketara keupayaan Kumpulan atau Johor Corporation untuk memenuhi segala tanggungjawabnya apabila tiba masanya; dan
 - (ii) kecuali sebagaimana yang didedahkan dalam penyata kewangan, dalam tempoh antara akhir tahun dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urusan atau peristiwa yang material dan luar biasa yang mungkin menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:



DATO' HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN
Pengerusi



DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM
Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan

Johor Bahru

14 Mac 2013

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation (AKAUN KUMPULAN)

Kami, Dato' Haji Abdul Ghani Bin Othman dan Dato' Kamaruzzaman Bin Abu Kassim, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation masing-masing, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Kumpulan dan Johor Corporation pada 31 Disember 2012 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:



DATO' HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN
Pengerusi



DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM
Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan

Johor Bahru


14 Mac 2013

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN JOHOR CORPORATION


Saya, Zulkifli Bin Ibrahim, Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Johor Corporation, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar, dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di Johor Bahru pada


14 MAC 2013



Dihadapan saya,



Pesuruhjaya sumpah



No. 89, Jalan Trus,
80000 Johor Bahru.

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Sebaliknya

	Nota	Kumpulan		Johor Corporation	
		2012	2011	2012	2011
Operasi berterusan					
Hasil	4	5,640	5,071	348	474
Kos jualan		(4,743)	(2,505)	(121)	(189)
Keuntungan kasar		897	2,566	227	285
Lain-lain item pendapatan					
Lain-lain pendapatan	5	2,270	345	684	135
Lain-lain item perbelanjaan					
Perbelanjaan pengedaran		(27)	(1,518)	(4)	(5)
Perbelanjaan pentadbiran		(314)	(475)	(58)	(55)
Kos kewangan	7	(347)	(337)	(157)	(195)
Lain-lain perbelanjaan	6	(1,746)	(114)	(525)	(51)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu, bersih selepas cukai		135	73	-	-
Keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan	8	868	540	167	114
Perbelanjaan cukai	11	(122)	(164)	36	23
Keuntungan daripada operasi berterusan, bersih selepas cukai		746	376	203	137
Operasi yang dihentikan					
Keuntungan daripada operasi yang dihentikan, bersih selepas cukai	12	114	682	-	-
Keuntungan bersih selepas cukai		860	1,058	203	137

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Sebaliknya
(Sambungan)

Nota	Kumpulan		Johor Corporation	
	2012	2011	2012	2011
Lain-lain pendapatan komprehensif:				
Lebihan bersih daripada penilaian semula	2	1	-	-
Aliran tunai lindung nilai	-	121	-	-
Nilai saksama ke atas aset kewangan sedia untuk dijual	(2)	(2)	-	-
Penterjemahan matawang asing	(153)	486	-	-
Lain-lain pendapatan komprehensif tahun semasa, bersih selepas cukai	(153)	606	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa	707	1,664	203	137
Keuntungan dikaitkan kepada:				
Johor Corporation	314	368	203	137
Kepentingan bukan kawalan	546	690	-	-
	860	1,058	203	137
Jumlah pendapatan komprehensif dikaitkan kepada:				
Johor Corporation	264	545	203	137
Kepentingan bukan kawalan	443	1,119	-	-
	707	1,664	203	137

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Sebaliknya

	Nota	Kumpulan		Johor Corporation	
		2012	2011	2012	2011
ASET					
Aset bukan semasa					
Harta, loji dan kelengkapan	14	5,497	8,658	334	164
Pembangunan hartanah	23	102	124	26	25
Hartanah pelaburan	15	2,200	2,062	259	286
Aset tidak zahir	16	925	1,093	-	-
Hak-hak guna tanah	17	65	53	-	-
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	18	-	-	2,351	2,513
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	19	2,439	531	201	180
Aset cukai tertunda	21	92	120	54	24
Lain-lain pelaburan	13	78	61	4	4
		11,398	12,702	3,229	3,196
Aset semasa					
Pembangunan hartanah	23	484	494	158	157
Inventori	24	419	1,005	41	41
Penghutang perdagangan dan lain-lain	22	660	1,070	1,847	1,302
Lain-lain aset semasa	25	35	82	24	6
Lain-lain pelaburan	13	111	253	83	153
Cukai boleh diperolehi kembali		8	-	68	66
Baki tunai dan bank	28	743	1,557	115	786
		2,460	4,461	2,336	2,511
Pelupusan aset Kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual	20	381	112	39	99
		2,841	4,573	2,375	2,610
Jumlah aset		14,239	17,275	5,604	5,806

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Sebaliknya
(Sambungan)

	Nota	Kumpulan		Johor Corporation	
		2012	2011	2012	2011
EKUITI DAN LIABILITI					
Liabiliti semasa					
Cukai perlu dibayar		-	151	-	-
Pembiayaan dan pinjaman	30	1,209	5,030	61	3,542
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	31	1,501	1,519	1,138	1,024
Derivatif instrumen kewangan	27	-	2	-	-
Pelupusan liabiliti kumpulan	20	2,710	6,702	1,199	4,566
		225	-	-	-
		2,935	6,702	1,199	4,566
Jumlah (liabiliti)/aset bersih semasa		(94)	(2,129)	1,176	(1,956)
Liabiliti bukan semasa					
Lain-lain liabiliti jangka panjang	29	415	357	228	201
Liabiliti cukai tertunda	21	310	1,141	1	7
Pembiayaan dan pinjaman	30	4,777	2,690	2,980	28
		5,502	4,188	3,209	236
Jumlah liabiliti		8,437	10,890	4,408	4,802
Jumlah aset bersih		5,802	6,385	1,196	1,004
Ekuiti					
Rizab modal	32	1,000	999	55	55
Rizab lindung nilai	32	-	(1)	-	-
Rizab urusniaga ekuiti	32	(56)	(61)	-	-
Rizab turun naik matawang	32	(98)	(39)	-	-
Rizab pelarasan nilai saksama	32	53	53	-	-
Rizab hasil		1,272	926	1,141	949
		2,171	1,877	1,196	1,004
Kepentingan bukan kawalan		3,631	4,508	-	-
Jumlah ekuiti		5,802	6,385	1,196	1,004
Jumlah ekuiti dan liabiliti		14,239	17,275	5,604	5,806

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Sebaliknya

2011	Rizab modal	Rizab lindung-nilai	Rizab turun naik matawang	Rizab pelarasan nilai saksama	Rizab urusi niaga ekuiti	Rizab hasil	Jumlah	Kepentingan bukan kawalan	Jumlah ekuiti
Kumpulan									
<i>Baki awal pada 1 Januari 2011</i>	998	(41)	(109)	30	-	518	1,396	3,639	5,035
Keuntungan bersih selepas cukai	-	-	-	-	-	368	368	690	1,058
<i>Lain-lain pendapatan komprehensif</i>									
Lebihan penilaian semula	1	-	-	-	-	-	1	-	1
Pelarasan pertukaran asing	-	-	92	-	-	-	92	367	459
Aliran tunai lindung-nilai	-	40	-	54	-	-	94	54	148
Nilai saksama aset kewangan sedia untuk dijual	-	-	-	(31)	-	30	(1)	(1)	(2)
Pindahan daripada rizab ke keuntungan terkumpul	-	-	(22)	-	-	13	(9)	9	-
Jumlah lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	1	40	70	23	-	43	177	429	606
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	1	40	70	23	-	411	545	1,119	1,664
Dividen dibayar kepada pemegang saham minoriti	-	-	-	-	-	-	-	(124)	(124)
Pengurangan kepentingan dalam anak-anak syarikat	-	-	-	-	(44)	-	(44)	15	(29)
Pengambilalihan anak-anak syarikat baru	-	-	-	-	-	-	-	(82)	(82)
Pengambilalihan kepentingan bukan kawalan dalam anak-anak syarikat	-	-	-	-	(17)	-	(17)	(54)	(71)
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	-	-	-	-	-	(3)	(3)	-	(3)
Belian balik saham oleh anak-anak syarikat	-	-	-	-	-	-	-	(5)	(5)
	-	-	-	-	(61)	(3)	(64)	(250)	(314)
Baki akhir pada 31 Disember 2011	999	(1)	(39)	53	(61)	926	1,877	4,508	6,385

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Sebaliknya
(Sambungan)

2012 Kumpulan	Rizab modal	Rizab lindung-nilai	Rizab turun naik matawang	Rizab pelarasan nilai saksama	Rizab urusniaga ekuiti	Rizab hasil	Jumlah	Kepentingan bukan kawalan	Jumlah ekuiti
Baki awal pada 1 Januari 2012	999	(1)	(39)	53	(61)	926	1,877	4,508	6,385
Keuntungan bersih selepas cukai	-	-	-	-	-	314	314	546	860
<i>Lain-lain pendapatan komprehensif</i>									
Lebihan penilaian semula	1	-	-	-	-	-	1	1	2
Pelarasan pertukaran asing	-	-	(41)	-	-	(8)	(49)	(101)	(150)
Nilai saksama aset kewangan sedia untuk dijual	-	-	-	-	-	-	-	(2)	(2)
Pindahan daripada rizab ke keuntungan terkumpul	(3)	-	-	-	-	3	-	-	-
Pelarasan terjemahan	-	-	(3)	-	-	-	(3)	-	(3)
Jumlah lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	(2)	-	(44)	-	-	(5)	(51)	(102)	(153)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	(2)	-	(44)	-	-	309	263	444	707
Dividen dibayar kepada pemegang saham minoriti	-	-	-	-	-	-	-	(78)	(78)
Pelupusan anak-anak syarikat	-	1	(15)	-	-	-	(14)	(1,374)	(1,388)
Pengurangan kepentingan dalam anak-anak syarikat	3	-	-	-	-	50	53	137	190
Pengambilalihan anak-anak syarikat baru	-	-	-	-	-	(2)	(2)	-	(2)
Tambahan kepentingan dalam anak-anak syarikat	-	-	-	-	(5)	-	(5)	(6)	(11)
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	-	-	-	-	-	(11)	(11)	-	(11)
Penebusan balik saham keutamaan	-	-	-	-	10	-	10	-	10
	3	1	(15)	-	5	37	31	(1,321)	(1,290)
Baki akhir pada 31 Disember 2012	1,000	-	(98)	53	(56)	1,272	2,171	3,631	5,802

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Sebaliknya.

(Sambungan)

Johor Corporation	Rizab Modal	Rizab Hasil	Jumlah Ekuiti
<i>Baki awal pada 1 Januari 2011</i>	55	815	870
Jumlah pendapatan komprehensif	-	137	137
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	-	(3)	(3)
<i>Baki akhir pada 31 Disember 2011 dan baki awal pada 1 Januari 2012</i>	55	949	1,004
Jumlah pendapatan komprehensif	-	203	203
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	-	(11)	(11)
<i>Baki akhir pada 31 Disember 2012</i>	55	1,141	1,196

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Sebaliknya

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2012	2011	2012	2011
KEGIATAN OPERASI				
Keuntungan sebelum cukai:				
Operasi berterusan	868	540	167	114
Operasi dihentikan	146	877	-	-
Pelarasan-pelarasan:				
Harta, loji dan kelengkapan:				
- Keuntungan bersih atas pelupusan	(16)	(4)	-	(17)
- Hapuskira	4	2	-	-
- Susutnilai	328	480	6	9
- Kerugian rosotnilai	-	7	-	-
Hartanah pelaburan:				
- Perubahan dalam nilai saksama	(67)	(37)	(5)	-
- Hapuskira/Pelunasan	1	-	-	-
- Kerugian/(keuntungan) bersih atas pelupusan	50	(3)	11	(3)
Hak-hak guna tanah:				
- Pelunasan	-	1	-	-
Pengukuran semula baki kepentingan yang timbul daripada anggapan sebagai pelupusan ke atas anak syarikat	(1,858)	-	-	-
(Keuntungan)/kerugian atas pelupusan:				
- Anak-anak syarikat	-	(98)	(1)	8
- Sebahagian kepentingan di dalam anak syarikat	-	-	-	(1)
- Syarikat-syarikat bersekutu	(4)	-	(27)	-
- Lain-lain pelaburan	(28)	(41)	(2)	(3)
Pelaburan:				
- Perubahan dalam nilai saksama	(2)	(115)	42	(97)
- Peruntukan bagi penghausan nilai	120	-	174	20
- Peruntukan bagi rosotnilai dalam syarikat-syarikat bersekutu	1,276	-	-	-
Aset tidak ketara:				
- Pelunasan	10	9	-	-
Pendapatan dividen	(3)	(3)	(736)	(186)
Untung atas pertukaran matawang	-	(151)	-	-
Pelunasan geran kerajaan	(10)	(13)	-	(3)
Peruntukan rosotnilai penghutang	2	13	113	24
Perbelanjaan faedah	347	380	157	195
Pendapatan faedah	(29)	(6)	(13)	(10)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu	(135)	(79)	-	-
Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	1,000	1,759	(114)	50

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Sebaliknya

(Sambungan)

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2012	2011	2012	2011
Perubahan dalam modal kerja				
Deposit bank tidak dianggap sebagai kesamaan tunai	549	(507)	556	(515)
Inventori	48	(219)	-	3
Kos pembangunan hartanah	(17)	(106)	(2)	31
Penghutang perdagangan	(266)	(217)	(154)	20
Pemiutang perdagangan	156	499	153	186
Syarikat-syarikat bersekutu	70	70	-	-
Tunai dijana daripada/(digunakan) dalam kegiatan operasi	1,540	1,279	439	(225)
Pulangan cukai	-	1	-	-
Cukai dibayar	(227)	(100)	-	-
Dividen diterima	-	-	185	151
Faedah diterima	29	6	10	6
Tunai bersih dijana/(digunakan) dalam kegiatan operasi	1,342	1,186	634	(68)
KEGIATAN PELABURAN				
Perolehan daripada pelupusan pelaburan dalam:				
- Anak-anak syarikat	-	-	1	5
- Lain-lain pelaburan	13	212	-	-
- Pelaburan jangka pendek	142	-	115	13
Harta, loji dan kelengkapan:				
- Perolehan daripada pelupusan	29	37	1	184
- Pembelian	(694)	(1,326)	(181)	(12)
Hartanah pelaburan:				
- Perolehan daripada pelupusan	120	28	77	23
- Pembelian	(84)	(29)	(4)	-
Aset tidak ketara:				
- Tambahan	(22)	(8)	-	-
Hak-hak guna tanah:				
- Pembelian	(10)	(2)	-	-
Pengambilalihan anak-anak syarikat, tunai bersih diperolehi	-	(17)	-	-
Pembelian:				
- Sebahagian kepentingan dalam anak-anak syarikat	(4)	(97)	(13)	(31)
- Sebahagian kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu	-	-	(14)	-
- Lain-lain pelaburan	-	(214)	(99)	(51)
Tunai bersih keluar atas pelupusan anak-anak syarikat	(86)	-	-	-
Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada kegiatan pelaburan	(596)	(1,416)	(117)	131

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Sebaliknya
(Sambungan)

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2012	2011	2012	2011
KEGIATAN PEMBIAYAAN				
Pengeluaran pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang	-	1,791	-	-
Penerbitan Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	3,000	-	3,000	-
Pembayaran balik pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang	(3,684)	(894)	(3,564)	(3)
Pembayaran balik sewa beli dan pajakan	(7)	(7)	-	-
Geran kerajaan diterima	-	189	20	182
Faedah dibayar	(346)	(380)	(81)	(47)
Dividen dibayar kepada kepentingan minoriti	-	(124)	-	-
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	(6)	(3)	(6)	(3)
Penebusan saham keutamaan	10	-	-	-
Tunai bersih dijana daripada/(digunakan) dalam kegiatan pembiayaan	(1,033)	572	(631)	129
Penambahan/(pengurangan) bersih dalam tunai dan kesamaan tunai	(287)	342	(114)	192
Tunai dan kesamaan tunai pada 1 Januari	856	512	213	21
Kesan kadar pertukaran ke atas tunai dan kesamaan tunai	24	2	-	-
Tunai dan kesamaan tunai pada 31 Disember	593	856	99	213
TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI				
Baki tunai dan bank	499	576	14	10
Simpanan tetap	244	981	101	776
Simpanan tetap tertakluk kepada sekatan/dicagarkan	743	1,557	115	786
Tunai dan kesamaan tunai termasuk dalam pelupusan Kumpulan dipegang untuk jualan	(32)	(581)	(16)	(573)
Overdraft bank	31	-	-	-
	(149)	(120)	-	-
	593	856	99	213

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

1. MAKLUMAT KORPORAT

Johor Corporation telah diperbadankan dibawah Enakmen Johor Corporation (Bil. 4, 1968) (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5, 1995).

Alamat tempat perniagaan utama bagi Johor Corporation adalah seperti berikut:

Tingkat 2, PERSADA JOHOR
Jalan Abdullah Ibrahim
80000 Johor Bahru, Johor
Malaysia.

Penyata kewangan Johor Corporation yang disatukan pada dan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 meliputi Johor Corporation dan anak-anak syarikatnya dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu.

Kegiatan utama Johor Corporation adalah bisnes minyak sawit, pembangunan dan pengurusan hartanah dan pegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terdiri terutamanya daripada bisnes minyak sawit, perkhidmatan penjagaan kesihatan pakar (prisihatin), pembangunan dan pengurusan hartanah, "intrapreneur venture", restoran khidmat cepat dan pegangan pelaburan.

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS) dan prinsip-prinsip perakaunan yang diterima pada amnya di Malaysia. Pada permulaan tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Johor Corporation telah menerima pakai FRS baru dan dipinda yang merupakan satu syarat mandatori bagi tempoh-tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2011 sebagaimana yang dinyatakan sepenuhnya dalam Nota 2.2.

Penyata kewangan ini telah disediakan berasaskan kos sejarah kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam asas-asas perakaunan di bawah.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan ke juta terdekat (RM Juta) melainkan dinyatakan selainnya.

2.2 Perubahan dalam asas-asas perakaunan

Asas-asas perakaunan yang diterima pakai adalah konsisten dengan tahun kewangan yang lepas kecuali seperti berikut:

Pada 1 Januari 2012, Kumpulan dan Johor Corporation telah menerima pakai FRS baru dan yang dipinda dan interpretasi IC berikut:

FRS, Interpretasi dan Pindaan berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2011

IC Interpretasi 19: Pemadaman Liabiliti Kewangan dengan Instrumen Ekuiti

Pindaan IC Interpretasi 14: Prabayaran ke atas Keperluan Pembiayaan Minimum

FRS, Interpretasi dan Pindaan berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2012

- FRS 124 Pendedahan Pihak Berkaitan
- Pindaan FRS 1: Hiperinflasi Ketara Dan Pemansuhan Tarikh Tetap Bagi Penggunapakai Kali Pertama
- Pindaan FRS 7: Pindahan Aset Kewangan
- Pindaan FRS 112: Cukai Tertunda: Pemulihan Aset Dasar

Penggunaan piawaian baru dan dipinda dan interpretasi di atas tidak akan memberi kesan ke atas prestasi kewangan atau kedudukan Kumpulan dan Johor Corporation.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa

Kumpulan dan Johor Corporation belum menggunakan piawaian-piawaian dan interpretasi-interpretasi berikut yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa. Kumpulan dan Johor Corporation bercadang untuk menggunakan piawaian ini jika berkenaan, apabila ia berkuatkuasa:

Perihal	Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas
FRS 101 Persembahan Item-item Lain-lain Pendapatan Komprehensif (Pindaan FRS 101)	1 Julai 2012
Pindaan FRS 101: Persembahan Penyata Kewangan (Penambahbaik FRS (2012))	1 Januari 2013
FRS 10 Penyata Kewangan Disatukan	1 Januari 2013
FRS 11 Penyusunan Bersama	1 Januari 2013
FRS 12 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain	1 Januari 2013
FRS 13 Pengukuran Nilai Saksama	1 Januari 2013
FRS 119 Manfaat Pekerja	1 Januari 2013
FRS 127 Penyata Kewangan Berasingan	1 Januari 2013
FRS 128 Pelaburan Dalam Syarikat Sekutu Dan Usahasama	1 Januari 2013
Pindaan IC Interpretasi 2 Saham Ahli Dalam Entiti Koperasi Dan Instrumen Serupa (Penambahbaik kepada FRS (2012))	1 Januari 2013
IC Interpretasi 20 Kos Pelucutan Dalam Fasa Pengeluaran Lombong	1 Januari 2013
Pindaan FRS 7: Pendedahan - Imbangan Aset-aset Kewangan dan Liabiliti-liabiliti Kewangan	1 Januari 2013
Pindaan FRS 1: Menggunakan Kali Pertama Piawaian Laporan Kewangan Malaysia - Pinjaman Kerajaan	1 Januari 2013
Pindaan FRS 1: Menggunakan Kali Pertama Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Penambahbaik FRS (2012))	1 Januari 2013
Pindaan FRS 116: Harta, Loji dan Kelengkapan (Penambahbaik FRS (2012))	1 Januari 2013
Pindaan FRS 132: Instrumen Kewangan: Persembahan (Penambahbaik FRS (2012))	1 Januari 2013
Pindaan FRS 134: Laporan Kewangan Interim (Penambahbaik FRS (2012))	1 Januari 2013
Pindaan FRS 10: Penyata Kewangan Disatukan: Panduan Peralihan	1 Januari 2013
Pindaan FRS 11: Penyusunan Bersama: Panduan Peralihan	1 Januari 2013
Pindaan FRS 12: Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain: Panduan Peralihan	1 Januari 2013
Pindaan FRS 132: Pengimbangan Aset-aset Kewangan dan Liabiliti-liabiliti Kewangan	1 Januari 2014
FRS 9 Instrumen Kewangan	1 Januari 2015

Para pengarah sedang menilai impak keatas penyata kewangan akibat penggunaan pakai semua piawaian dan interpretasi diatas. Berdasarkan penilaian awal pengarah, penyata kewangan mungkin berpotensi untuk terjejas dengan penggunaan piawaian berikut:

FRS 10 Penyata Kewangan Disatukan

FRS 10 menggantikan sebahagian FRS 127 Penyata Kewangan Berasingan dan disatukan yang menangani perakaunan bagi penyata kewangan yang disatukan dan IC Interpretasi 112 Penyatuan – Entiti-entiti Tujuan Khas.

Di bawah FRS 10, pelabur mengawal pelaburan apabila (a) pelabur mempunyai kuasa ke atas pelaburan, (b) pelabur mempunyai pendedahan, atau hak, untuk pelbagai pulangan dari penglibatan pelaburan dan (c) pelabur mempunyai keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas entiti penerima pelaburan untuk mempengaruhi jumlah pulangan pelaburan. Di bawah FRS 127 Penyatuan dan Penyata Kewangan Berasingan, kawalan telah ditakrifkan sebagai kuasa untuk mentadbir polisi kewangan dan operasi sesebuah entiti untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (sambungan)

FRS 10 termasuk panduan terperinci yang menerangkan bila pelabur mempunyai kawalan ke atas pihak menerima pelaburan. FRS10 juga menghendaki pelabur untuk mengambil kira semua fakta-fakta dan keadaan yang relevan.

FRS 11 Penyusunan Bersama

FRS 11 menggantikan FRS 131 Kepentingan dalam Usahasama dan Interpretasi IC 113 Entiti-Entiti Kawalan Bersama – Sumbangan bukan kewangan oleh Pengusaha.

Pengkelasan penyusunan bersama di bawah FRS 11 ditentukan berdasarkan hak dan obligasi pihak-pihak terlibat kepada penyusunan bersama dengan mempertimbangkan struktur, bentuk perundangan, terma kontrak yang dipersetujui oleh pihak-pihak yang berkaitan dengan penyusunan apabila relevan dan lain-lain fakta-fakta dan keadaan. Di bawah FRS 11, penyusunan bersama diklasifikasikan sama ada secara operasi bersama atau secara usahasama.

Operasi bersama adalah penyusunan bersama di mana pihak yang menyertai kawalan bersama di penyusunan tersebut mempunyai hak kepada aset-aset, dan tanggungjawab bagi liabiliti-liabiliti, berhubungan dengan penyusunan berkenaan. Usahasama adalah penyusunan bersama di mana pihak yang mempunyai kawalan bersama dari penyusunan mempunyai hak ke atas aset bersih penyusunan tersebut.

FRS 11 menghapuskan pilihan untuk mengambil kira entiti dikawal bersama ("EDB") menggunakan kaedah penyatuan berkadar. Sebaliknya, EDB yang memenuhi definisi usahasama mesti di ambil kira dengan menggunakan kaedah ekuiti.

FRS 12 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain

FRS 12 termasuk semua keperluan pendedahan untuk kepentingan dalam anak syarikat, pengaturan bersama, syarikat bersekutu dan entiti berstruktur. Beberapa pendedahan yang baru diperlukan. Piawaian ini melibatkan pendedahan sahaja dan tidak mempunyai kesan ke atas kedudukan kewangan atau prestasi Kumpulan.

FRS 127 Penyata Kewangan Berasingan

Disebabkan pembaharuan FRS 10 dan FRS 12, FRS 127 adalah terhad kepada perakaunan untuk anak-anak syarikat, entiti dikawal bersama dan syarikat-syarikat bersekutu dalam penyata kewangan berasingan.

FRS 128 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama

Kesan daripada FRS 11 dan FRS 12 yang baru, FRS 128 dinamakan semula sebagai FRS 128 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama. Piawaian baru ini menerangkan penggunaan kaedah ekuiti kepada pelaburan dalam syarikat usahasama sebagai tambahan kepada syarikat-syarikat bersekutu.

FRS 13 Pengukuran nilai saksama

FRS 13 mewujudkan satu sumber tunggal panduan di bawah FRS untuk semua ukuran nilai saksama. FRS 13 tidak berubah apabila sesuatu entiti itu diperlukan untuk menggunakan nilai saksama, tetapi menyediakan panduan tentang bagaimana untuk mengukur nilai saksama di bawah FRS apabila nilai saksama dikehendaki atau dibenarkan.

Selepas menerima pakai FRS 13, Kumpulan akan mengambil kira penggunaan tertinggi dan terbaik hartanah tertentu dalam mengukur nilai saksama harta tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (sambungan)

Pindaan kepada FRS 101: Pembentangan Penyata Kewangan (Kitaran Penambahbaikan Tahunan 2009-2011)

Pindaan kepada FRS 101 mengubah pengelompokan perkara yang dibentangkan dalam pendapatan komprehensif lain. Item yang boleh dikelaskan semula (atau diguna semula) kepada keuntungan atau kerugian pada satu ketika di masa hadapan (contohnya, perbezaan pertukaran atas perterjemahan operasi asing dan kerugian bersih atau keuntungan ke atas aset kewangan yang sedia-untuk-jualan) akan dibentangkan secara berasingan daripada item yang tidak akan dikelaskan semula (sebagai contoh, keuntungan dan kerugian aktuari ke atas pelan manfaat tertakrif dan penilaian semula tanah dan bangunan). Pindaan ini hanya menjejaskan persembahan sahaja dan tidak mempunyai kesan ke atas kedudukan kewangan dan prestasi Kumpulan.

FRS 9 Instrumen Kewangan: Klasifikasi dan Pengukuran

FRS 9 menggambarkan fasa pertama kerja penggantian FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran dan terpakai kepada pengklasifikasian dan pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan sebagaimana yang ditakrifkan dalam FRS 139 Instrumen Kewangan : Pengiktirafan dan Pengukuran. Penggunaan fasa pertama FRS 9 akan mempunyai kesan ke atas klasifikasi dan pengukuran aset kewangan Kumpulan. Kumpulan akan mengukur kesan berkaitan dengan fasa lain apabila piawaian akhir termasuk semua fasa dikeluarkan.

Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Rangka Kerja MFRS)

Pada 19 November 2011, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) telah mengeluarkan rangka kerja perakaunan baru yang telah diluluskan, Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Rangka Kerja MFRS).

Rangka Kerja MFRS digunapakai oleh semua Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2012, dengan pengecualian entiti yang berada dalam skop MFRS 141 Pertanian (MFRS 141) dan IC Interpretasi 15 Perjanjian bagi Pembinaan Harta Tanah (IC 15), termasuk induk, pelabur besar dan pengusaha (di sini dipanggil 'Entiti Peralihan').

Entiti Peralihan akan dibenarkan untuk menangguhkan penggunaan Rangka Kerja MFRS baru untuk tempoh tambahan selama dua tahun. Oleh itu, penggunaan Rangka Kerja MFRS oleh Entiti Peralihan akan menjadi mandatori bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014.

Kumpulan termasuk dalam definisi skop Entiti Peralihan dan telah memilih untuk menangguhkan penggunaan Rangka Kerja MFRS baru. Sehubungan itu, Kumpulan akan diperlukan untuk menyediakan penyata kewangan yang menggunakan Rangka Kerja MFRS dalam penyata kewangan MFRSnya yang pertama bagi tahun berakhir 31 Disember 2014. Dalam membentangkan penyata kewangan MFRSnya yang pertama, Kumpulan akan diperlukan untuk menyatakan semula penyata kewangan perbandingan kepada jumlah yang menggambarkan pemakaian Rangka Kerja MFRS. Majoriti pelarasan yang diperlukan pada peralihan akan dibuat, secara retrospektif, terhadap baki awal keuntungan terkumpul.

Kumpulan belum lagi selesai melakukan penilaiannya terhadap kesan kewangan bagi perbezaan antara Piawaian Pelaporan Kewangan dan piawaian perakaunan di bawah Rangka Kerja MFRS. Sehubungan itu, prestasi kewangan dan kedudukan kewangan seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 mungkin berbeza jika disediakan di bawah Rangka Kerja MFRS.

Kumpulan menganggap bahawa ia mencapai kejayaan yang dijadualkan dan menjangkakan berada dalam kedudukan untuk mematuhi sepenuhnya kehendak Rangka Kerja MFRS bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.4 Asas-asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan Johor Corporation dan anak-anak syarikat pada tarikh laporan tersebut. Penyata kewangan anak-anak syarikat yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan yang disatukan disediakan pada tarikh laporan yang sama dengan Johor Corporation. Dasar-dasar perakaunan yang konsisten digunapakai ke atas urusanniaga serupa dan peristiwa dalam keadaan yang sama.

Semua baki, pendapatan dan perbelanjaan dan untung dan rugi tidak direalisasi dalam kumpulan yang terhasil daripada urusanniaga dalam kumpulan dilupuskan sepenuhnya.

Pengambilalihan anak-anak syarikat diambilkira dengan menggunakan kaedah pengambilalihan. Aset-aset boleh dikenal pasti yang diperolehi dan liabiliti kontingen diandai dalam satu kombinasi perniagaan diukur pada mulanya pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Kos berkaitan pengambilalihan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh-tempoh di mana kos ditanggung dan perkhidmatan diterima.

Dalam kombinasi perniagaan yang dicapai secara berperingkat, kepentingan ekuiti yang sebelum ini dipegang dalam syarikat yang diambilalih diukur semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan sebarang keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi.

Kumpulan memilih bagi setiap kombinasi individu perniagaan, sama ada kepentingan bukan-kawalan dalam syarikat yang diambilalih (jika ada) diiktiraf pada tarikh pengambilalihan pada nilai saksama, atau di bahagian kepentingan bukan-kawalan aset bersih boleh dikenal pasti yang diambilalih.

Mana-mana lebihan jumlah balasan nilai saksama yang dipindahkan dalam penggabungan perniagaan, jumlah kepentingan bukan-kawalan syarikat yang diambilalih (jika ada), dan nilai saksama Kumpulan yang sebelum ini memegang kepentingan ekuiti dalam syarikat yang diambilalih (jika ada), atas nilai saksama bersih aset dan liabiliti dikenalpasti diambilalih direkodkan sebagai muhibbah dalam penyata kedudukan kewangan. Polisi perakaunan bagi muhibbah dinyatakan dalam Nota 2.9 (a). Dalam keadaan di mana jumlah yang terkemudian melebihi sebelumnya, lebihan tersebut diiktiraf sebagai keuntungan atas pembelian tawar-menawar dalam keuntungan atau kerugian pada tarikh pengambilalihan.

Anak-anak syarikat adalah disatukan dari tarikh pengambilalihan, iaitu pada tarikh Kumpulan mendapat kawalan, dan terus disatukan sehingga ke satu tarikh di mana kawalan sedemikian tidak lagi wujud.

2.5 Urusniaga dengan kepentingan bukan kawalan

Kepentingan bukan kawalan mewakili ekuiti dalam anak-anak syarikat yang tidak boleh dikaitkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada pemilik Syarikat, dan dibentangkan secara berasingan dalam penyata pendapatan komprehensif yang disatukan dan dalam ekuiti dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan, berasingan daripada ekuiti dikaitkan kepada pemilik syarikat.

Perubahan dalam kepentingan pemilikan pemilik syarikat dalam anak syarikat yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan diambil kira sebagai urusanniaga ekuiti. Dalam keadaan sedemikian, jumlah dibawa kepentingan kawalan dan bukan-kawalan diselaraskan untuk menggambarkan perubahan dalam kepentingan relatif mereka dalam anak syarikat. Sebarang perbezaan antara jumlah yang mana kepentingan bukan-kawalan dilaraskan dan nilai saksama pertimbangan yang dibayar atau diterima diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan dikaitkan kepada syarikat induk.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.6 Mata wang asing

a) Mata wang fungsi dan mata wang pembentangan

Penyata kewangan individu bagi setiap entiti dalam Kumpulan diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama dalam mana entiti tersebut beroperasi ("mata wang berfungsi"). Penyata kewangan yang disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang juga merupakan mata wang berfungsi Johor Corporation.

b) Urusniaga mata wang asing

Urusniaga dalam mata wang asing adalah diukur dalam mata wang berfungsi Johor Corporation dan anak-anak syarikat masing-masing dan direkod pada pengiktirafan awal dalam mata wang berfungsi pada kadar pertukaran yang berhampiran dengan kadar yang digunakan pada tarikh urusniaga tersebut. Liabiliti dan aset monetari yang didenominasi dalam mata wang asing adalah diterjemah pada kadar pertukaran pada tarikh laporan. Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing yang diukur pada kos sejarah saksama adalah diterjemah menggunakan kadar pertukaran pada tarikh urusniaga awal. Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing diukur pada nilai saksama adalah diterjemah menggunakan kadar pertukaran pada tarikh apabila nilai saksama tersebut ditentukan.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada penyelesaian item-item monetari atau atas pertukaran item-item monetari pada tarikh laporan adalah diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali perbezaan pertukaran yang timbul daripada item-item monetari yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi-operasi asing, yang diiktiraf pada awalnya dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan terkumpul sebagai rizab pertukaran mata wang asing dalam ekuiti. Rizab pertukaran mata wang asing tersebut diklasifikasikan daripada ekuiti kepada untung atau rugi Kumpulan di atas pelupusan operasi luar negara tersebut.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada terjemahan item-item bukan monetari dibawa pada nilai saksama adalah diambilkira didalam untung atau rugi bagi tempoh tersebut melainkan perbezaan yang timbul di atas terjemahan item-item bukan monetari di mana untung atau rugi diiktiraf terus di dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada item-item bukan monetari tersebut adalah juga diiktiraf secara langsung didalam ekuiti.

c) Operasi Luar Negara

Aset dan liabiliti operasi luar negara diterjemah ke dalam RM pada kadar pertukaran pada tarikh laporan dan pendapatan dan perbelanjaan adalah diterjemah pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada terjemahan adalah diambilkira terus sebagai lain-lain pendapatan komprehensif.

Selepas pelupusan sebuah operasi luar negara, jumlah terkumpul diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul di dalam ekuiti di bawah rizab terjemahan mata wang asing berkaitan dengan operasi luar negara tersebut diiktiraf di dalam untung atau rugi.

Muhibbah dan pelarasan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan operasi luar negara adalah dianggap sebagai aset dan liabiliti operasi luar negara tersebut dan direkodkan mengikut mata wang berfungsi bagi operasi luar negara tersebut dan diterjemahkan pada kadar penutup pada tarikh laporan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.7 Harta, loji dan kelengkapan

Semua item harta, loji dan kelengkapan pada mulanya direkod pada kos. Kos sesuatu harta, loji dan kelengkapan hanya diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika manfaat ekonomi masa depan yang dikaitkan dengan item tersebut akan mengalir ke dalam Kumpulan dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti.

Tanah milik bebas dan tanah pajakan perladangan Kumpulan belum pernah dinilai sejak dinilai kali terakhir pada tahun 1997. Para Pengarah tidak menggunakan polisi menilai semula secara berkala bagi aset-aset tersebut dan tiada penilaian semula direkodkan. Sepertimana dibenarkan di bawah peruntukan peralihan IAS16 (dipinda) Harta, Loji dan Kelengkapan, aset-aset tersebut adalah dinyatakan pada penilaian ditolak susut nilai terkumpul.

Semua perbelanjaan berhubung kepada pembangunan ladang minyak sawit (ladang belum matang) akan diklasifikasikan di bawah perbelanjaan pembangunan ladang. Kos tersebut akan dilunaskan apabila ladang tersebut matang. Tarikh matang bagi perbelanjaan pembangunan ladang adalah masa di mana kawasan baru ditanam menghasilkan 8.60 tan buah tandan segar sehektar setahun atau 48 bulan daripada tarikh tanaman, yang mana lebih dahulu. Perbelanjaan overhead ladang dibahagikan kepada hasil dan perbelanjaan pembangunan ladang pada kadar pembahagian kawasan matang kepada tidak matang.

Selepas pengiktirafan, harta, loji dan kelengkapan diukur pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian penurunan nilai terkumpul. Apabila bahagian-bahagian signifikan harta, loji dan kelengkapan diperlukan untuk diganti secara berjarak, Kumpulan mengiktiraf bahagian-bahagian sedemikian sebagai aset-aset individu dengan jangka hayat tertentu, dan susut nilai, masing-masing. Begitu juga, bila pemeriksaan besar-besaran dijalankan, kosnya diiktiraf dalam nilai bawa loji dan kelengkapan sebagai satu gantian sekiranya kriteria pengiktirafan dipenuhi. Semua kos baik pulih dan penyelenggaraan lain diiktiraf dalam untung atau rugi bila ianya ditanggung.

Tanah milik bebas mempunyai jangka hayat tidak terhad, dan oleh demikian tidak disusutnilai. Susutnilai dikira atas dasar garis lurus bagi tempoh jangka hayat boleh guna yang dijangkakan bagi aset-aset tersebut seperti mana berikut:

- Tanah pajakan	15 – 904 tahun
- Penambahbaikan dan pengubahsuaian hartanah pegangan pajak	10 tahun
- Perbelanjaan pembangunan ladang	17 – 20 tahun dari tahun matang
- Bangunan	4 – 50 tahun
- Kapal, loji dan jentera	3 – 25 tahun
- Restoran dan kelengkapan pejabat	5 – 15 tahun
- Lekapan dan kelengkapan	4 – 20 tahun
- Kenderaan bermotor	3 – 5 tahun

Kerja modal dalam pelaksanaan termasuk di dalam loji dan kelengkapan adalah tidak disusutnilai memandangkan aset-aset tersebut belum sedia untuk digunakan.

Nilai bawa harta, loji dan kelengkapan dipertimbangkan bagi kerosotan apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan bahawa nilai bawa tersebut mungkin tidak dapat diperolehi semula.

Baki nilai, jangka hayat dan kaedah susutnilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan, dan dilaraskan secara prospektif, jika sesuai.

Sesuatu item harta, loji dan kelengkapan dinyahiktiraf atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaannya atau pelupusan. Sebarang untung atau rugi atas nyahiktiraf aset tersebut diambilkira di dalam untung atau rugi dalam tahun aset tersebut dinyahiktiraf.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.8 Hartanah pelaburan

Hartanah pelaburan pada mulanya diukur pada kos, termasuk kos urusniaga. Selepas pengiktirafan awal, harta-harta pelaburan diukur pada nilai saksama yang menggambarkan keadaan-keadaan pasaran pada tarikh laporan. Nilai saksama diperolehi dengan merujuk kepada bukti pasaran bagi harga-harga urusniaga bagi hartanah yang serupa dan dilakukan oleh para penilai bebas yang berdaftar yang memiliki kelayakan profesional diiktiraf yang sewajarnya dan mempunyai pengalaman terkini dalam lokasi dan kategori harta yang dinilai. Untung atau rugi yang timbul daripada perubahan dalam nilai-nilai saksama bagi hartanah pelaburan dimasukkan dalam untung atau rugi dalam tahun di mana ianya timbul.

Hartanah pelaburan adalah dinyahiktiraf sama ada selepas ia dilupus atau bila hartanah pelaburan tersebut tidak lagi digunakan selama-lamanya dan tiada manfaat ekonomi pada masa depan akan diperolehi daripada penjualannya. Sebarang untung atau rugi atas penamatan penggunaan atau penjualan hartanah pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi pada tahun penamatan penggunaan atau penjualannya.

Pindahan-pindahan dibuat kepada atau daripada hartanah pelaburan hanya apabila ada perubahan dalam kegunaannya. Bagi pindahan daripada hartanah pelaburan kepada hartanah didiami-pemilik, kos yang dianggar bagi perakaunan seterusnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan dalam kegunaan. Bagi pindahan daripada harta didiami-pemilik kepada hartanah pelaburan, harta tersebut diambilkira menurut dasar perakaunan bagi harta, loji dan kelengkapan yang dibentangkan dalam Nota 2.7 sehingga ke tarikh perubahan dalam kegunaan.

2.9 Aset-aset tidak zahir

a) Muhibbah

Muhibbah diukur pada kos pada awalnya. Selepas pengiktirafan awal, muhibbah diukur pada kos tolak kerugian penurunan nilai terkumpul. Bagi tujuan menguji penurunan nilai, muhibbah yang diperolehi diperuntukkan, dari tarikh pemerolehan, kepada setiap satu unit menjana tunai Kumpulan yang dijangka akan menerima manfaat daripada sinergi kombinasi tersebut.

Unit yang menjana tunai kepada mana muhibbah telah diperuntukkan diuji untuk penurunan nilai secara tahunan dan apabila terdapat satu indikasi bahawa unit yang menjana tunai tersebut mungkin disusut nilai, dengan membandingkan nilai bawa bagi unit yang menjana tunai tersebut, termasuk muhibbah yang diperuntukkan, dengan jumlah boleh didapatkan semula bagi unit yang menjana tunai tersebut. Bagi situasi di mana jumlah boleh didapatkan semula bagi unit yang menjana tunai tersebut adalah kurang daripada nilai bawa, kerugian penurunan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian rosot nilai diiktiraf bagi muhibbah tidak diterbalikkan dalam tempoh-tempoh seterusnya.

b) Aset-aset tidak zahir lain

Aset-aset tidak zahir diperolehi berasingan diukur pada kos pada awalnya. Kos aset-aset tidak zahir diperolehi dalam satu kombinasi perniagaan adalah nilai saksama mereka pada tarikh pengambilalihan. Selepas pengambilalihan awal, aset-aset tidak zahir diukur pada kos tolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian penurunan nilai terkumpul.

Aset-aset tidak zahir dengan tempoh hayat berguna yang terbatas adalah dilunaskan atas tempoh hayat berguna yang dijangkakan dan ditaksir semula bagi penurunan nilai bila-bila masa terdapatnya satu indikasi bahawa aset tidak zahir tersebut mungkin akan diturun nilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap penghujung tahun kewangan. Perubahan-perubahan kepada tempoh hayat berguna dijangka atau corak penggunaan dijangka bagi faedah-faedah ekonomi masa depan yang terkandung dalam aset tersebut dinyatakan dengan mengubah tempoh atau kaedah pelunasan, mengikut kesesuaian, dan dianggap sebagai perubahan-perubahan dalam anggaran-anggaran perakaunan. Perbelanjaan pelunasan atas aset-aset tidak zahir dengan hayat terbatas diiktiraf dalam untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.9 Aset-aset tidak zahir (sambungan)

b) Aset-aset tidak zahir lain (sambungan)

Aset-aset tidak zahir dengan hayat berguna tidak terbatas atau belum lagi dapat digunakan diuji untuk penurunan nilai secara tahunan, atau dengan lebih kerap jika peristiwa atau keadaan menunjukkan bahawa nilai bawa mungkin disusut nilai sama ada secara individu atau pada tahap unit yang menjana tunai. Aset-aset tidak zahir sedemikian tidak dilunas. Hayat berguna bagi aset tidak zahir dengan hayat berguna tidak terbatas dikaji semula secara tahunan untuk menentukan sama ada penilaian hayat berguna tersebut masih boleh terus disokong. Jika tidak, perubahan dalam hayat berguna daripada tidak terbatas kepada terbatas dibuat secara prospektif.

Untung atau rugi yang timbul daripada aset tidak zahir yang dinyahiktiraf diukur sebagai perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan nilai bawa aset tersebut dan diiktiraf dalam untung atau rugi bila aset tersebut dinyahiktiraf.

i) Jenama-jenama

Jenama-jenama tersebut telah diperolehi dalam kombinasi-kombinasi perniagaan. Hayat-hayat berguna jenama-jenama dianggap tidak terbatas kerana berdasarkan bahagian penguasaan pasaran semasa jenama-jenama tersebut, pihak pengurusan percaya tidak terdapat satu had yang dapat diramal bagi tempoh di mana jenama-jenama tersebut dijangka akan menjana aliran masuk tunai untuk Kumpulan.

2.10 Hak-hak guna tanah

Hak-hak guna tanah diukur pada kos pada awalnya. Menyusuli pengiktirafan awal, hak-hak guna tanah diukur pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian penurunan nilai terkumpul. Hak-hak guna tanah dilunas menurut terma-terma pajakan.

2.11 Penurunan nilai-nilai aset bukan kewangan

Kumpulan menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat satu indikasi bahawa aset mungkin disusut nilai. Sekiranya indikasi sedemikian wujud, atau bila penilaian penurunan nilai secara tahunan bagi aset diperlukan, Kumpulan membuat anggaran jumlah boleh diperolehi semula daripada aset tersebut.

Jumlah boleh diperolehi semula daripada sesuatu aset adalah jumlah yang lebih tinggi bagi nilai saksama aset tolak kos untuk menjual dan nilainya bila diguna. Bagi tujuan penilaian penurunan semula, aset dikumpulkan pada tahap yang paling rendah untuk mana terdapat aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan ("Unit Penajaan Tunai") (UPT).

Dalam menaksir nilai kegunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana oleh aset tersebut didiskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun pra-cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko-risiko yang khusus terhadap aset tersebut. Jika nilai bawa sesuatu aset melebihi jumlah boleh diperolehi semula, aset tersebut dikurangkan kepada jumlah boleh diperolehi semula. Kerugian penurunan nilai berhubung dengan UPT atau kumpulan UPT diperuntukkan dahulu untuk mengurangkan nilai bawa bagi sebarang muhibbah yang diperuntukkan kepada unit-unit atau kumpulan unit tersebut dan kemudian, untuk mengurangkan nilai bawa aset-aset lain dalam unit atau kumpulan unit berdasarkan pro-rata.

Kerugian penurunan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang indikasi bahawa kerugian penurunan semula diiktiraf terdahulu mungkin tidak lagi wujud atau mungkin telah berkurangan. Kerugian penurunan semula diiktiraf terdahulu diterbalikkan semula hanya jika terdapatnya perubahan dalam anggaran-anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah boleh didapatkan semula aset sejak kerugian penurunan nilai kali terakhir. Sekiranya demikian, nilai bawa aset tersebut ditingkatkan kepada jumlah boleh didapatkan semula. Peningkatan tersebut tidak boleh melebihi nilai bawa yang mungkin telah ditentukan, bersih setelah ditolak susut nilai, tidak mempunyai kerugian penurunan nilai yang telah diiktiraf sebelum ini. Pembalikan semula sedemikian diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian penurunan nilai atas muhibbah tidak diterbalikkan semula dalam tempoh berikutnya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.12 Anak-anak syarikat

Anak-anak syarikat adalah sebuah entiti di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasinya untuk mendapatkan manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Dalam penyata kewangan Johor Corporation yang berasingan, pelaburan dalam anak-anak syarikat diambilkira pada kos ditolak kerugian penurunan nilai.

2.13 Syarikat-syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah sebuah entiti, bukan sebuah anak syarikat atau sebuah usaha sama, di mana Kumpulan mempunyai pengaruh yang signifikan. Sebuah syarikat bersekutu adalah diambilkira secara ekuiti dari tarikh Kumpulan memperoleh pengaruh yang signifikan sehingga tarikh Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas syarikat bersekutu tersebut.

Pelaburan-pelaburan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu diambilkira menggunakan kaedah ekuiti. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diukur dalam penyata kedudukan kewangan pada kos campur perubahan-perubahan pasca-pengambilalihan dalam bahagian aset-aset bersih Kumpulan bagi syarikat-syarikat bersekutu. Muhibbah berkaitan dengan syarikat-syarikat bersekutu dimasukkan dalam nilai bawa pelaburan tersebut. Sebarang lebihan bahagian Kumpulan bagi nilai saksama bersih bagi aset-aset boleh dikenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka syarikat bersekutu tersebut ke atas kos pelaburan tidak diambilkira daripada nilai bawa pelaburan tersebut dan sebaliknya dimasukkan sebagai pendapatan dalam menentukan bahagian Kumpulan dalam untung atau rugi syarikat bersekutu tersebut bagi tempoh dalam mana pelaburan tersebut diperolehi.

Apabila bahagian Kumpulan atas kerugian dalam syarikat bersekutu menyamai atau melebihi faedahnya dalam syarikat bersekutu tersebut, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian seterusnya, melainkan ia telah menanggung atau membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu tersebut.

Setelah menggunakan kaedah ekuiti, Kumpulan akan menentukan samada ianya perlu untuk mengiktiraf tambahan kerugian kerosotan ke atas pelaburan Kumpulan dalam syarikat-syarikat sekutunya. Kumpulan menentukan pada setiap tarikh pelaporan samada terdapat sebarang objektif yang mana pelaburan dalam syarikat sekutu dirosotkan. Sekiranya ini berlaku, Kumpulan mengambilkira jumlah kerosotan sebagai perbezaan antara jumlah boleh diperolehi oleh syarikat-syarikat sekutu dan nilai bawanya serta diiktiraf jumlahnya dalam untung atau rugi.

Penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu disediakan pada tarikh laporan yang sama dengan Johor Corporation. Jika perlu, pelarasan dibuat untuk menjadikan dasar-dasar perakaunan sejajar dengan dasar-dasar perakaunan Kumpulan.

Dalam penyata kewangan berasingan Johor Corporation, pelaburan-pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos ditolak kerugian penurunan nilai. Bagi pelupusan pelaburan-pelaburan sedemikian, perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan nilai-nilai bawa mereka dimasukkan dalam untung atau rugi.

2.14 Aset-aset kewangan

Aset-aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan bila, dan hanya bila, Kumpulan dan Johor Corporation menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Apabila aset-aset kewangan diiktiraf pada awalnya, ia diukur pada nilai saksama, serta, bagi kes aset-aset kewangan tidak pada nilai saksama menerusi untung atau rugi, kos-kos transaksi yang berkaitan secara langsung.

Kumpulan dan Johor Corporation menentukan klasifikasi aset-aset kewangan mereka pada pengiktirafan awal, dan kategori-kategori tersebut termasuk aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi, pinjaman dan piutang, pelaburan-pelaburan dipegang-hingga-matang dan aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.14 Aset-aset kewangan (sambungan)

a) Aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi

Aset-aset kewangan diklasifikasikan sebagai aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi jika mereka dipegang untuk dagangan atau ditentukan sedemikian selepas pengiktirafan awal. Aset-aset kewangan yang dipegang untuk dagangan adalah derivatif-derivatif (termasuk derivatif-derivatif terbenam berasingan) atau aset-aset kewangan diperolehi terutamanya untuk tujuan menjual pada masa terdekat.

Selepas pengiktirafan awal, aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian (selain daripada yang berkaitan dengan derivatif yang layak bagi perakaunan lindung nilai sebagaimana diterangkan dalam Nota 2.32) yang timbul daripada perubahan-perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi.

Keuntungan atau kerugian bersih atas aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi tidak termasuk perbezaan pertukaran, pendapatan faedah dan dividen. Perbezaan-perbezaan pertukaran, pendapatan faedah dan dividen atas aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi diiktiraf berasingan dalam untung atau rugi sebagai sebahagian daripada kerugian atau pendapatan lain.

Aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi boleh dinyatakan sebagai semasa atau bukan-semasa. Aset-aset kewangan yang dipegang terutamanya untuk tujuan dagangan dinyatakan sebagai semasa manakala aset-aset kewangan yang tidak dipegang terutamanya untuk tujuan dagangan dinyatakan sebagai semasa atau bukan-semasa berdasarkan pada tarikh penyelesaian.

b) Pembiayaan dan piutang

Aset-aset kewangan dengan pembayaran tetap dan boleh-ditentukan yang tidak tersenarai dalam pasaran aktif diklasifikasikan sebagai pembiayaan dan piutang.

Selepas pengiktirafan awal, pembiayaan dan piutang diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi bila pembiayaan dan piutang dinyah-iktiraf atau disusut nilai, dan menerusi proses pelunasan.

Pembiayaan dan piutang diklasifikasi sebagai aset-aset semasa, kecuali bagi yang mempunyai tarikh-tarikh matang lebih daripada 12 bulan selepas tarikh ia dilaporkan diklasifikasikan sebagai bukan semasa.

c) Pelaburan-pelaburan dipegang-hingga-matang

Aset-aset kewangan dengan pembayaran tetap dan boleh ditentukan dan kematangan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang-hingga-matang bila Kumpulan mempunyai hasrat dan keupayaan positif untuk memegang pelaburan tersebut hingga matang.

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan-pelaburan dipegang-hingga-matang diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi bila pelaburan-pelaburan dipegang-hingga-matang dinyahiktiraf atau disusut nilai, dan menerusi proses pelunasan.

Pelaburan-pelaburan dipegang-hingga-matang diklasifikasi sebagai aset-aset bukan semasa, kecuali pelaburan-pelaburan yang mempunyai kematangan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan yang diklasifikasi sebagai semasa.

d) Aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual

Aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual diklasifikasi sebagai aset-aset kewangan yang ditentukan sebagai tersedia untuk dijual atau tidak diklasifikasi dalam mana-mana tiga kategori di atas.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.14 Aset-aset kewangan (sambungan)

d) Aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual (sambungan)

Selepas pengiktirafan awal, aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada perubahan-perubahan dalam nilai saksama aset-aset kewangan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali kerugian penurunan nilai, keuntungan dan kerugian pertukaran asing ke atas instrumen monetari dan faedah dikira menggunakan kaedah faedah berkesan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Keuntungan atau kerugian kumulatif yang diiktiraf sebelum ini dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi sebagai satu pelarasan klasifikasi semula bila aset kewangan dinyah-iktiraf. Pendapatan faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah berkesan diiktiraf dalam untung atau rugi. Dividen-dividen daripada instrumen ekuiti tersedia-untuk-dijual diiktiraf dalam untung atau rugi bila hak Kumpulan dan Johor Corporation untuk menerima pembayaran diwujudkan.

Pelaburan-pelaburan dalam instrumen ekuiti yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti diukur pada kos tolak kerugian penurunan nilai.

Aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual diklasifikasi sebagai aset-aset bukan semasa melainkan mereka dijangka akan direalisasikan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan.

Satu aset kewangan dinyah-iktiraf bila hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah luput. Bila suatu aset kewangan dinyah-iktiraf secara keseluruhannya, perbezaan antara nilai bawa dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pembelian atau jualan cara biasa adalah pembelian atau jualan aset-aset kewangan yang memerlukan penyediaan aset-aset dalam tempoh yang secara amnya diwujudkan oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran yang berkenaan. Semua pembelian dan jualan cara biasa aset-aset kewangan diiktiraf atau dinyah-iktiraf pada tarikh dagangan tersebut iaitu, tarikh Kumpulan dan Johor Corporation memberi komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.15 Kerosotan nilai aset-aset kewangan

Kumpulan dan Johor Corporation menilai pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa satu aset kewangan dirosot nilai.

a) Piutang dagangan dan piutang lain dan aset-aset kewangan lain dibawa pada kos selepas pelunasan

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian penurunan nilai atas aset-aset kewangan telah ditanggung, Kumpulan dan Johor Corporation mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkinan bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

Sekiranya sebarang bukti sedemikian wujud, jumlah kerugian penurunan nilai diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawa aset dan nilai semasa bagi aliran tunai masa depan yang dianggarkan didiskaun pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan tersebut. Kerugian penurunan nilai tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi.

Nilai bawa aset kewangan tersebut dikurangkan menerusi akaun peruntukan. Bila si berhutang dagangan menjadi tidak boleh dikutip, ianya dihapus kira terhadap akaun peruntukan tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.15 Kerosotan nilai aset-aset kewangan (sambungan)

a) Piutang dagangan dan piutang lain dan aset-aset kewangan lain dibawa pada kos selepas pelunasan (sambungan)

Jika dalam tempoh seterusnya, jumlah kerugian penurunan nilai berkurang dan pengurangan ini boleh dikaitkan dengan secara objektif kepada satu peristiwa terjadi selepas penurunan nilai tersebut diiktiraf, kerugian penurunan nilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan ke tahap di mana nilai bawa aset tersebut tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh tersebut. Jumlah yang diterbalikkan diiktiraf dalam untung atau rugi.

b) Sekuriti-sekuriti ekuiti tidak tersiar harga dibawa pada kos

Jika terdapatnya bukti yang objektif (seperti perubahan-perubahan kurang baik yang signifikan dalam persekitaran perniagaan di mana penerbit beroperasi, kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan yang signifikan penerbit) bahawa kerugian penurunan nilai atas aset-aset kewangan dibawa pada kos telah ditanggung, jumlah kerugian diukur pada perbezaan antara nilai bawa aset tersebut dan nilai semasa aliran tunai masa depan dianggarkan didiskaun pada kadar pulangan pasaran semasa bagi aset kewangan yang serupa. Kerugian-kerugian penurunan nilai sedemikian tidak diterbalikkan dalam tempoh-tempoh seterusnya.

c) Aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual

Penurunan yang signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kos, kesukaran kewangan penerbit atau penanggung obligasi yang signifikan, dan ketiadaan pasaran dagangan yang aktif adalah pertimbangan-pertimbangan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa sekuriti pelaburan diklasifikasi sebagai aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual disusut nilai.

Jika aset kewangan tersedia-untuk-dijual disusut nilai, satu jumlah yang terdiri daripada perbezaan antara kosnya (bersih dari sebarang pembayaran prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasanya, ditolak sebarang kerugian penurunan nilai diiktiraf sebelum ini dalam untung atau rugi, dipindah daripada ekuiti kepada untung atau rugi.

Kerugian penurunan nilai atas pelaburan-pelaburan ekuiti tersedia-untuk-dijual tidak diterbalikkan dalam untung atau rugi dalam tempoh-tempoh seterusnya. Peningkatan dalam nilai saksama, jika ada, selepas kerugian penurunan nilai diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif.

2.16 Tunai dan kesamaan tunai

Tunai dan kesamaan tunai terdiri daripada tunai di bank dan dalam tangan, simpanan semasa, dan pelaburan-pelaburan jangka-pendek dan yang sangat mudah untuk ditukar kepada tunai yang diketahui jumlahnya dan yang tertakluk kepada risiko perubahan dalam nilai yang tidak signifikan. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesamaan tunai dinyatakan selepas ditolak overdraf bank dan deposit dicagarkan.

2.17 Kontrak pembinaan

Di mana hasil daripada kontrak pembinaan boleh dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak dan kos kontrak diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan masing-masing dengan menggunakan kaedah tahap penyediaan. Peringkat penyediaan dinilai dengan merujuk kepada bahagian kos kontrak yang ditanggung bagi kerja yang telah dijalankan sehingga kini kepada jumlah anggaran kos kontrak.

Di mana hasil daripada kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak diiktiraf setakat kos kontrak yang ditanggung yang mungkin boleh diperolehi semula. Kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia ditanggung.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.17 Kontrak pembinaan (sambungan)

Apabila terdapat kemungkinan bahawa jumlah kos kontrak akan melebihi jumlah hasil kontrak, kerugian yang dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Hasil kontrak terdiri daripada jumlah awal hasil yang dipersetujui dalam kontrak dan variasi dalam kerja kontrak, tuntutan dan bayaran insentif sehingga ke tahap di mana ia berkemungkinan bahawa mereka akan memberikan hasil dan mereka mampu untuk diukur dengan pasti.

Apabila jumlah kos yang ditanggung atas kontrak pembinaan ditambah keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf) melebihi bil berperingkat, baki diklasifikasikan sebagai jumlah terhutang daripada pelanggan atas kontrak. Apabila bil berperingkat melebihi kos yang ditanggung, keuntungan yang diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf), baki ditunjukkan sebagai jumlah terhutang kepada pelanggan atas kontrak.

2.18 Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah dan kos pembangunan hartanah

(i) Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah

Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah terdiri daripada tanah di mana tiada aktiviti-aktiviti pembangunan dijalankan atau di mana aktiviti-aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran operasi normal. Tanah sedemikian diklasifikasi dalam aset-aset bukan semasa dan dinyatakan pada kos tolak sebarang kerugian penurunan nilai terkumpul.

Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah diklasifikasi semula sebagai kos pembangunan hartanah apabila aktiviti-aktiviti pembangunan telah bermula dan di mana ianya boleh ditunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti pembangunan boleh disiapkan dalam kitaran operasi normal.

(ii) Kos-kos pembangunan hartanah

Kos-kos pembangunan hartanah terdiri daripada segala kos yang berkaitan terus dengan aktiviti-aktiviti pembangunan atau yang boleh diperuntukkan secara munasabah kepada aktiviti-aktiviti sedemikian.

Apabila hasil kewangan bagi satu aktiviti pembangunan boleh dianggar dengan pasti, hasil dan perbelanjaan pembangunan hartanah diiktiraf dalam untung atau rugi dengan menggunakan kaedah tahap penyiapan. Tahap penyiapan ditentukan berdasarkan kos-kos pembangunan hartanah yang telah dibelanjakan setakat ini dan dibandingkan kepada kos-kos pembangunan hartanah keseluruhan yang dianggarkan.

Di mana hasil kewangan bagi suatu aktiviti pembangunan tidak dapat dianggar dengan pasti, hasil pembangunan hartanah hanya diiktiraf sehingga kos-kos pembangunan hartanah ditanggung yang berkemungkinan akan diperolehi, dan kos-kos pembangunan hartanah atas hartanah yang dijual diiktiraf sebagai satu perbelanjaan dalam tempoh ianya ditanggung.

Sebarang kerugian yang dijangka atas satu projek pembangunan, termasuk kos-kos yang akan ditanggung semasa tempoh liabiliti kecacatan, diiktiraf serta merta sebagai satu perbelanjaan.

Kos-kos pembangunan hartanah yang tidak diiktiraf sebagai satu perbelanjaan, diiktiraf sebagai satu aset, yang diukur pada yang mana lebih rendah antara kos dan nilai boleh direalisasikan bersih.

Lebihan hasil diiktiraf dalam untung atau rugi keatas tuntutan kepada pembeli-pembeli diklasifikasi sebagai tuntutan terakru dalam si berhutang dagangan dan lebihan tuntutan kepada pembeli-pembeli keatas hasil diiktiraf dalam untung atau rugi diklasifikasi sebagai tuntutan berperingkat dalam sipiutang dagangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.19 Inventori

Inventori terdiri daripada bahan-bahan mentah, simpanan dalam gudang, kerja sedang dilaksana, kedai dan rumah yang telah siap. Inventori dinyatakan pada kos dan nilai realisasi bersih, yang mana lebih rendah. Kos ditentukan dengan menggunakan kaedah kos purata wajaran selain daripada inventori yang berkaitan dengan segmen perniagaan restoran khidmat segera Kumpulan. Inventori tersebut, yang terdiri daripada bahan mentah, barangan runcit, ternakan ayam itik dan barang pengguna, peralatan dan alat ganti dan barangan siap, ditentukan berasaskan prinsip masuk-dahulu, keluar-dahulu.

Kos hasil pertanian adalah berdasarkan kaedah purata wajaran dan termasuk kos bahan langsung dan bahagian yang sesuai bagi perbelanjaan hasil ladang, kos pengeluaran dan kos overhead berdasarkan kapasiti operasi biasa.

Nilai realisasi bersih ialah anggaran harga jualan dalam perjalanan perniagaan biasa, ditolak anggaran kos penyiapan dan anggaran kos yang perlu untuk melaksanakan penjualan.

2.20 Peruntukan-peruntukan

Peruntukan-peruntukan diiktiraf bila Kumpulan mempunyai obligasi semasa (legal atau konstruktif) akibat satu peristiwa lepas, ianya berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber ekonomi akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi tersebut dan jumlah obligasi tersebut boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan-peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh laporan dan dilaras untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Sekiranya tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber ekonomi akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi tersebut, peruntukan tersebut diterbalikkan. Sekiranya kesan nilai masa wang adalah penting, peruntukan-peruntukan didiskaun menggunakan kadar pra-cukai semasa yang mencerminkan, di mana sesuai, risiko-risiko khusus kepada liabiliti tersebut. Bila diskaun digunakan, peningkatan dalam peruntukan disebabkan oleh masa yang berlalu diiktiraf sebagai kos kewangan.

2.21 Geran-geran kerajaan

Geran-geran kerajaan diiktiraf pada nilai saksama mereka di mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan semua syarat akan dipenuhi. Di mana geran tersebut berkaitan dengan satu aset, nilai saksama tersebut diiktiraf sebagai geran modal tertunda dalam penyata kedudukan kewangan dan dilunas kepada untung atau rugi disepanjang hayat berguna dijangka bagi aset yang relevan menerusi ansuran tahunan yang sama.

2.22 Liabiliti-liabiliti kewangan

Liabiliti-liabiliti kewangan diklasifikasi menurut kandungan perjanjian kontrak yang diikat dan definisi-definisi bagi suatu liabiliti kewangan.

Liabiliti-liabiliti kewangan, di dalam skop FRS 139, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan bila, dan hanya bila, Kumpulan dan Johor Corporation menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Liabiliti-liabiliti kewangan diklasifikasi sebagai sama ada liabiliti-liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi atau liabiliti-liabiliti kewangan lain.

a) Liabiliti-liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi

Liabiliti-liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi termasuk liabiliti-liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan dan liabiliti-liabiliti kewangan ditentukan selepas pengiktirafan awal pada nilai saksama menerusi untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.22 Liabiliti-liabiliti kewangan (sambungan)

a) Liabiliti-liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi (sambungan)

Liabiliti-liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan termasuk derivatif-derivatif yang dimasuki oleh Kumpulan dan Johor Corporation yang tidak memenuhi ciri-ciri perakaunan perlindungan nilai. Liabiliti-liabiliti derivatif diukur pada awalnya pada nilai saksama dan seterusnya dinyatakan pada nilai saksama, dengan sebarang untung atau rugi yang terhasil dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian bersih atas derivatif-derivatif termasuk perbezaan pertukaran.

Kumpulan dan Johor Corporation belum menentukan sebarang liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi.

b) Liabiliti-liabiliti kewangan lain

Liabiliti-liabiliti kewangan lain Kumpulan dan Johor Corporation termasuk sipiutang dagangan dan lain-lain, pinjaman dan pembiayaan.

Sipiutang dagangan dan lain-lain diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama ditambah kos-kos urusaniaga berkaitan secara langsung dan seterusnya diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Pinjaman dan pembiayaan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama, selepas kos-kos urusaniaga dan seterusnya diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Pinjaman diklasifikasi sebagai liabiliti-liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai satu hak tanpa syarat untuk menunda penjelasan liabiliti tersebut untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh laporan kewangan.

Bagi liabiliti-liabiliti kewangan lain, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi bila liabiliti-liabiliti tersebut dinyahiktiraf, dan menerusi proses pelunasan.

Suatu liabiliti kewangan dinyah-iktiraf bila obligasi di bawah liabiliti tersebut terhapus. Apabila suatu liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan yang lain daripada peminjam yang sama dengan terma-terma yang jauh berbeza, atau terma-terma bagi liabiliti sedia ada diubah dengan ketara, pertukaran tersebut atau modifikasi sedemikian dianggap sebagai nyah-iktiraf bagi liabiliti asal dan pengiktirafan satu liabiliti baru, dan perbezaan dalam nilai-nilai bawa masing-masing diiktiraf dalam untung atau rugi.

2.23 Kontrak jaminan kewangan

Suatu kontrak jaminan kewangan adalah kontrak yang memerlukan penerbit untuk membuat pembayaran tertentu untuk membayar balik kepada pemegang bagi kerugian yang ditanggung kerana penghutang tertentu gagal untuk membuat pembayaran apabila tiba tempoh.

Kontrak jaminan kewangan pada awalnya diiktiraf sebagai liabiliti pada nilai saksama, bersih daripada kos urusaniaga. Selepas pengiktirafan awal, kontrak jaminan kewangan diiktiraf sebagai pendapatan dalam untung atau rugi dalam tempoh jaminan. Jika penghutang gagal untuk membuat bayaran berhubung dengan kontrak jaminan kewangan apabila tiba tempohnya dan Kumpulan, sebagai penerbit, diperlukan untuk membayar balik kepada pemegang untuk kehilangan berkaitan, liabiliti diukur pada nilai yang lebih tinggi daripada anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi semasa pada tarikh pelaporan dan jumlah yang diiktiraf pada awalnya dan di tolak pelunasan terkumpul.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.24 Kos-kos pinjaman

Kos-kos pinjaman dimodal sebagai sebahagian daripada kos bagi suatu aset kelayakan jika mereka berkaitan secara langsung kepada pemerolehan, pembinaan atau penyediaan aset tersebut. Permodalan kos-kos pinjaman bermula apabila aktiviti-aktiviti untuk menyediakan aset tersebut bagi kegunaan dirancang atau dijual adalah sedang dalam pelaksanaan dan perbelanjaan dan kos pinjaman yang telah ditanggung. Kos-kos pinjaman adalah dipermodal sehingga sebahagian besar aset-aset tersebut telah disiapkan bagi kegunaan yang dirancang atau dijual.

Semua kos-kos pinjaman lain diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh ianya ditanggung. Kos-kos pinjaman terdiri daripada kos-kos faedah dan kos-kos lain yang Kumpulan dan Johor Corporation menanggung berhubung dengan pinjaman dana berkenaan.

2.25 Manfaat anggota pekerja

a) Pelan-pelan caruman ditakrif

Kumpulan mengambil bahagian dalam skim-skim pencen kebangsaan sebagaimana yang ditakrif oleh undang-undang negara-negara di mana ia beroperasi. Syarikat-syarikat di Malaysia dalam Kumpulan membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di Malaysia, satu skim pencen caruman yang ditakrif. Caruman-caruman kepada skim-skim pencen caruman ditakrif diiktiraf sebagai satu perbelanjaan dalam tempoh dalam mana perkhidmatan berkaitan dilaksanakan.

b) Pelan-pelan Manfaat ditakrif

Obligasi bersih Kumpulan berkenaan pelan manfaat persaraan ditakrif, dikira secara berasingan bagi setiap pelan dengan menganggarkan jumlah manfaat masa depan yang telah diperolehi oleh para pekerja sebagai balasan bagi perkhidmatan mereka dalam tempoh semasa dan sebelumnya; manfaat tersebut didiskaunkan untuk menentukan nilai semasa. Sebarang kos perkhidmatan terdahulu dan nilai saksama bagi sebarang aset rancangan yang tidak diiktiraf akan ditolak. Kadar diskaun merupakan hasil pada tempoh laporan bagi 7 tahun bon korporat berkualiti tinggi yang mempunyai tarikh matang dalam anggaran jangka waktu yang ditentukan ke atas tanggungan Kumpulan dan yang disebutkan dalam mata wang yang sama bila mana manfaat tersebut dijangka akan dibayar. Pengiraan dilakukan oleh aktuari bertauliah yang dijalankan setiap 2 tahun dengan laporan aktuari terkini adalah bertarikh 13 Januari 2012 yang menggunakan kaedah unjuran unit kredit. Apabila pengiraan tersebut menghasilkan manfaat kepada Kumpulan, aset yang telah diiktiraf tersebut adalah terhad kepada jumlah bersih dari sebarang kos perkhidmatan terdahulu yang tidak diiktiraf dan nilai semasa pada sebarang bayaran balik masa hadapan daripada pelan tersebut atau pengurangan dalam caruman sumbangan masa hadapan ke dalam pelan tersebut.

Untuk mengira nilai semasa atas manfaat ekonomi, pertimbangan diberikan kepada mana-mana keperluan pembiayaan minima yang dikenakan pada mana-mana pelan dalam Kumpulan. Manfaat ekonomi tersedia kepada Kumpulan jika ia boleh direalisasikan dalam jangka hayat pelan tersebut, atau sebarang penyelesaian bagi liabiliti pelan tersebut.

Apabila manfaat-manfaat pelan telah diperbaiki, sebahagian daripada peningkatan manfaat yang berkaitan dengan perkhidmatan lepas oleh para anggota pekerja diiktiraf dalam untung atau rugi menggunakan asas garis lurus bagi tempoh purata sehingga manfaat-manfaat tersebut menjadi hak. Ke suatu tahap di mana manfaat-manfaat tersebut menjadi hak secara serta merta, perbelanjaannya diiktiraf serta merta dalam untung atau rugi.

Kumpulan mengiktiraf kesemua keuntungan dan kerugian aktuarial yang terbit daripada pelan manfaat ditakrif dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan kesemua perbelanjaan yang berkaitan dengan pelan manfaat ditakrif di dalam perbelanjaan kakitangan dalam untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.25 Manfaat anggota pekerja (sambungan)

b) Pelan-pelan Manfaat ditakrif (sambungan)

Kumpulan mengiktiraf keuntungan dan kerugian atas pengurangan atau penyelesaian pelan manfaat ditakrif apabila pengurangan atau penyelesaian tersebut berlaku. Keuntungan atau kerugian atas pengurangan terdiri daripada sebarang perubahan di dalam nilai saksama kepada aset-aset pelan, perubahan di dalam nilai semasa obligasi manfaat yang ditetapkan dan sebarang keuntungan dan kerugian aktuarial yang berkaitan dan kos perkhidmatan lepas yang tidak diiktiraf sebelum ini.

2.26 Pajakan-pajakan

a) Sebagai pemajak

Pajakan-pajakan kewangan, yang memindahkan kepada Kumpulan secara ketara segala risiko dan ganjaran sampingan berkaitan kepada pemilikan item yang dipajak, dipermodal pada permulaan pajakan tersebut pada nilai saksama aset yang dipajak tersebut, sekiranya lebih rendah, pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan minimum. Sebarang kos-kos langsung awal juga ditambah kepada jumlah yang dipermodal. Pembayaran pajakan dibahagikan antara caj-caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan tersebut untuk mencapai satu kadar faedah yang tetap atas baki liabiliti selebihnya. Caj-caj kewangan dicaj kepada untung atau rugi. Sewa-sewa luar jangka, jika ada, dicaj sebagai perbelanjaan dalam tempoh-tempoh dalam mana mereka ditanggung.

Aset-aset yang dipajak disusut nilai sepanjang hayat berguna yang dianggar bagi aset tersebut. Walau bagaimanapun, jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Kumpulan akan memperolehi pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut disusut nilai bagi tempoh yang lebih pendek antara jangka hayat berguna yang dianggar dan juga tempoh pajakan tersebut.

Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan tersebut. Manfaat agregat bagi insentif yang disediakan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa bagi tempoh pajakan atas dasar garis lurus.

b) Sebagai pemberi pajak

Pajakan-pajakan di mana Kumpulan secara ketara mengekalkan segala risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset tersebut diklasifikasi sebagai pajakan-pajakan operasi. Kos-kos langsung awal yang ditanggung dalam perundingan satu pajakan operasi ditambah kepada nilai bawa bagi aset yang dipajak dan diiktiraf bagi tempoh pajakan tersebut atas dasar-dasar yang sama dengan pendapatan sewa. Dasar perakaunan bagi pendapatan sewa dibentang dalam Nota 2.28(g).

2.27 Operasi yang dihentikan

Suatu komponen Kumpulan diklasifikasi sebagai "operasi dihentikan" apabila kriteria untuk diklasifikasi sebagai dipegang untuk jualan telah dipenuhi atau ianya telah dilupus dan satu komponen sedemikian mewakili satu cabang perniagaan utama atau tempat dari segi geografi bagi operasi atau sebahagian daripada suatu cabang perniagaan yang utama. Satu komponen dianggap sebagai dipegang untuk jualan jika nilai-nilai bawanya akan diperolehi semula terutamanya melalui urusan jualan dan bukan menerusi penggunaan yang berterusan.

Selepas diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan, aset-aset bukan semasa dan kumpulan-kumpulan untuk dilupuskan tidak lagi disusut nilai dan diukur pada yang mana lebih rendah antara nilai bawa dan nilai saksama ditolak kos untuk menjual. Sebarang perbezaan diiktiraf dalam untung atau rugi.

2.28 Pengiktirafan hasil

Hasil diiktiraf ke satu tahap di mana terdapatnya kemungkinan bahawa manfaat-manfaat ekonomi akan mengalir kepada Kumpulan dan hasil tersebut boleh diukur dengan pasti. Hasil diukur pada nilai saksama bagi pertimbangan diterima atau akan diterima.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.28 Pengiktirafan hasil (sambungan)

a) Jualan barang

Hasil daripada jualan barang diiktiraf selepas pemindahan risiko dan ganjaran pemilikan barang yang signifikan kepada pengguna. Hasil tidak diiktiraf ke satu tahap di mana terdapat ketidakpastian yang signifikan berhubung penerimaan wang daripada pertimbangan yang akan diperolehi, kos-kos berkaitan atau pemulangan barang yang mungkin berlaku.

b) Perkhidmatan yang diberi

Hasil daripada perkhidmatan yang diberi diiktiraf menurut tahap penyiapan pada tarikh laporan. Tahap penyiapan ditafsir dengan merujuk kepada tinjauan dan kerja yang telah terlaksana.

c) Jualan harta

Hasil daripada jualan harta diambilkira menurut kaedah tahap penyiapan sebagaimana dijelaskan dalam Nota 2.18(ii).

d) Kontrak-kontrak pembinaan

Hasil daripada kontrak-kontrak pembinaan diambilkira menurut kaedah tahap penyiapan sebagaimana yang dijelaskan dalam Nota 2.17.

e) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf menggunakan kaedah faedah berkesan.

f) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf bila hak Kumpulan untuk menerima pembayaran wujud.

g) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa diambilkira atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan. Insentif pajakan diiktiraf sebagai sebahagian jumlah pendapatan sewa, bagi tempoh pajakan tersebut.

2.29 Cukai pendapatan

a) Cukai semasa

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah dijangka akan diperolehi semula daripada atau dibayar kepada pihak-pihak berkuasa percukaian. Kadar-kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlahnya adalah berdasarkan undang-undang atau sebahagian besarnya telah menjadi undang-undang pada tarikh laporan.

Cukai-cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali ke satu tahap di mana cukai tersebut berkaitan dengan item-item yang diiktiraf di luar untung atau rugi, sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara terus dalam ekuiti.

b) Cukai tertunda

Cukai tertunda disediakan menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan-perbezaan sementara pada tarikh laporan antara dasar-dasar cukai bagi aset dan liabiliti dan nilai bawa mereka bagi tujuan laporan kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.29 Cukai pendapatan (sambungan)

b) Cukai tertunda (sambungan)

Liabiliti-liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara, kecuali di mana liabiliti cukai tertunda timbul daripada pengiktirafan awal muhibbah atau satu aset atau liabiliti dalam satu urusanniaga yang bukan merupakan satu kombinasi perniagaan dan, pada masa urusanniaga, tidak memberi kesan kepada sama ada untung perakaunan atau untung atau rugi yang boleh dicukai.

Aset-aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh ditolak, bawa ke hadapan bagi kredit-kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai yang tidak digunakan, ke satu tahap di mana kemungkinan terdapatnya keuntungan boleh dicukai untuk digunakan oleh perbezaan-perbezaan sementara boleh ditolak, dan kredit-kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai yang tidak digunakan dibawa ke hadapan yang boleh digunakan kecuali di mana aset cukai tertunda berhubung dengan perbezaan sementara boleh ditolak timbul daripada pengiktirafan awal bagi satu aset atau liabiliti dalam satu urusanniaga yang bukannya satu kombinasi perniagaan dan, pada masa urusanniaga, tidak memberi kesan kepada sama ada untung perakaunan atau untung atau rugi boleh dicukai.

Nilai bawa bagi aset-aset cukai tertunda dikaji semula pada setiap tarikh laporan dan dikurangkan kepada satu tahap di mana tiada kemungkinan bahawa untung boleh dicukai yang mencukupi akan ada untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda untuk digunakan. Aset-aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf dinilai semula pada setiap tarikh laporan dan diiktiraf ke satu tahap di mana terdapatnya kemungkinan bahawa untung boleh dicukai masa depan akan membolehkan aset-aset cukai tertunda digunakan.

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar percukaian yang dijangka akan dikenakan pada tahun apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti dijelaskan, berdasarkan kadar percukaian dan undang-undang percukaian yang telah menjadi undang-undang atau sebahagian besarnya telah menjadi undang-undang pada tarikh laporan tersebut.

Cukai tertunda berkaitan dengan item-item yang diiktiraf di luar untung atau rugi diiktiraf di luar untung atau rugi. Item-item cukai tertunda diiktiraf dalam urusanniaga yang berhubungkait sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara terus dalam ekuiti dan cukai tertunda yang timbul daripada satu kombinasi perniagaan dilaras terhadap muhibbah atas pengambilalihan.

Aset-aset cukai tertunda dan liabiliti-liabiliti cukai tertunda diimbangi, sekiranya hak yang boleh dikuatkuasakan wujud untuk mengimbangi aset-aset cukai semasa terhadap liabiliti-liabiliti cukai semasa dan cukai-cukai tertunda tersebut berkait dengan entiti boleh dicukai yang sama dan penguasa percukaian yang sama.

2.30 Pelaporan segmen

Bagi tujuan pengurusan, Kumpulan disusun mengikut segmen-segmen operasi berdasarkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan mereka yang diurus secara bebas oleh pengurus-pengurus segmen masing-masing yang bertanggungjawab ke atas prestasi segmen masing-masing. Para pengurus segmen melapor secara terus kepada pengurusan Johor Corporation yang mengkaji semula keputusan-keputusan segmen secara berkala bagi memperuntukkan sumber-sumber kepada segmen-segmen tersebut dan untuk menilai prestasi segmen tersebut. Pendedahan tambahan atas setiap daripada segmen-segmen ini ditunjukkan dalam Nota 39, termasuk faktor-faktor yang digunakan untuk mengenal pasti segmen-segmen yang boleh dilapor dan dasar pengukuran bagi maklumat segmen.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.31 Kontingensi-kontingensi

Satu liabiliti atau aset kontingen adalah satu obligasi yang mungkin ada atau satu aset yang timbul daripada peristiwa-peristiwa lepas dan di mana kewujudannya akan dipastikan hanya dengan berlakunya atau tidak berlakunya peristiwa (peristiwa-peristiwa) masa depan yang tidak pasti yang tidak secara keseluruhannya dapat dikawal oleh Kumpulan. Liabiliti-liabiliti dan aset-aset kontingen tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan.

2.32 Perakaunan untuk lindung nilai

Kumpulan mengguna derivatif untuk mengurus pendedahan kepada risiko harga komoditi (khususnya naik turun dalam harga minyak sawit). Kumpulan menggunakan perakaunan lindung nilai untuk hubungan lindung nilai tertentu yang layak bagi perakaunan lindung nilai.

Bagi tujuan perakaunan lindung nilai, hubungan lindung nilai dikelaskan sebagai perlindungan aliran tunai. Lindung nilai aliran tunai digunakan apabila Kumpulan melindungi-pendedahan kepada kebolehubahan dalam aliran tunai yang sama ada dikaitkan kepada risiko tertentu berhubung dengan aset atau liabiliti yang diiktiraf atau dikaitkan kepada transaksi ramalan yang berkemungkinan tinggi atau risiko mata wang asing dalam komitmen yang tidak diiktiraf.

Pada permulaan hubungan lindung nilai, Kumpulan secara rasmi memperuntuk dan mendokumenkan hubungan perlindungan kepada mana Kumpulan ingin mengaplikasikan perakaunan lindung nilai serta objektif dan strategi pengurusan risiko untuk melaksanakan lindung nilai. Dokumentasi termasuklah pengenalan-pastian instrumen lindung nilai perkara atau transaksi yang dilindung nilai, jenis risiko yang dilindung nilai dan bagaimana entiti tersebut akan menilai keberkesanan menggunakan instrumen lindung nilai ini dalam pengimbangan pendedahan kepada perubahan dalam nilai saksama bagi item yang dilindung nilai itu atau tunai aliran yang dikaitkan kepada risiko yang dilindung nilai. Lindung nilai sedemikian dijangka amat berkesan dalam mencapai imbangan perubahan dalam nilai saksama atau aliran tunai dan dinilai secara berterusan untuk menentukan bahawa mereka sebenarnya adalah amat berkesan sepanjang tempoh pelaporan kewangan di mana ianya diperuntukkan.

Lindung nilai yang memenuhi kriteria yang ketat bagi perakaunan lindung nilai diambil kira seperti berikut:

a) Aliran tunai lindung-nilai

Bahagian efektif daripada untung atau rugi ke atas instrumen lindung nilai diiktiraf secara langsung dalam pendapatan lain yang komprehensif ke dalam rizab lindung nilai aliran tunai, manakala mana-mana bahagian yang tidak efektif diiktiraf serta merta dalam keuntungan atau kerugian sebagai perbelanjaan operasi lain.

Jumlah yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain sebelum ini diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada keuntungan atau kerugian apabila urusaniaga dilindungi mempengaruhi untung atau rugi, seperti apabila pendapatan faedah atau perbelanjaan faedah yang dilindung nilai diiktiraf atau apabila ramalan jualan berlaku. Jika item yang dilindung nilai ialah aset bukan kewangan atau liabiliti bukan kewangan, amaun yang diiktiraf sebelum ini dalam pendapatan komprehensif lain dikeluarkan dan dimasukkan ke dalam nilai bawa awal aset atau liabiliti bukan kewangan tersebut.

Sekiranya transaksi ramalan atau komitmen firma tidak lagi dijangka akan berlaku, keuntungan atau kerugian terkumpul yang diiktiraf sebelumnya dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi. Jika instrumen lindung nilai tamat tempoh atau dijual, ditamatkan atau dijalankan tanpa penggantian atau peralihan, atau jika jawatan sebagai lindung nilai dibatalkan, sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain kekal dalam ekuiti sehingga transaksi ramalan atau komitmen firma menjejaskan keuntungan atau kerugian.

Kumpulan menggunakan kontrak hadapan komoditi untuk pendedahan kepada turun naik dalam harga komoditi. Rujuk kepada Nota 27 untuk maklumat lanjut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.32 Perakaunan untuk lindung nilai

b) Derivatif yang tidak diperuntukkan atau tidak layak bagi perakaunan lindung nilai

Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama derivatif pada tahun yang tidak layak bagi perakaunan lindung nilai adalah diiktiraf secara langsung dalam untung atau rugi.

3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN SIGNIFIKAN

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah dilapor bagi hasil, perbelanjaan, aset-aset dan liabiliti-liabiliti, dan pendedahan liabiliti-liabiliti luar jangka pada tarikh laporan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian mengenai andaian-andaian dan anggaran-anggaran ini boleh membawa kepada hasil yang memerlukan pelarasan penting kepada nilai bawa bagi aset atau liabiliti yang terlibat pada masa depan.

Dalam proses menggunakan polisi perakaunan Kumpulan, pengurusan telah membuat pertimbangan yang berikut, yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan:

a) Penurunan nilai muhibbah, jenama dan hak francais

Muhibbah, jenama dan lain-lain aset tidak zahir yang mempunyai jangka hayat yang tidak menentu adalah diuji bagi penurunan nilai setiap tahun dan pada masa-masa lain apabila terdapat tanda-tanda sedemikian wujud. Ini memerlukan satu anggaran nilai guna unit-unit menjana-tunai kepada mana muhibbah dan jenama diperuntukkan.

Apabila pengiraan nilai guna dilakukan, pengurusan mesti menganggarkan aliran tunai masa depan jangkaan daripada aset tersebut atau unit menjana-tunai dan memilih kadar diskaun yang bersesuaian untuk mengira nilai semasa bagi aliran tunai tersebut. Butiran lanjut mengenai nilai bawa tersebut, andaian-andaian utama yang digunakan dalam penilaian penurunan nilai bagi muhibbah dan jenama dan analisis sensitiviti kepada perubahan dalam andaian-andaian tersebut diberi dalam Nota 16.

b) Penurunan nilai pembiayaan dan piutang

Kumpulan menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa satu aset kewangan turun nilai. Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bagi penurunan nilai, Kumpulan mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan signifikan penghutang dan kemungkiran atau kelewatan signifikan dalam membuat bayaran.

Di mana terdapat bukti yang objektif bagi penurunan nilai, jumlah dan penjadualan waktu bagi aliran tunai masa depan dianggar berdasarkan pengalaman kerugian asal bagi aset-aset dengan ciri-ciri risiko yang serupa. Nilai bawa dan perincian mengenai piutang Kumpulan pada tarikh laporan dinyatakan dalam Nota 22.

c) Pembangunan hartanah

Kumpulan mengiktiraf hasil dan perbelanjaan pembangunan harta dalam penyata pendapatan komprehensif dengan menggunakan kaedah tahap penyiapan. Tahap penyiapan ditentukan oleh bahagian kos-kos pembangunan harta ditanggung bagi kerja yang telah dilaksanakan kepada anggaran kos-kos pembangunan harta keseluruhan.

Pertimbangan yang signifikan diperlukan dalam menentukan tahap penyiapan, ke tahap kos-kos pembangunan harta ditanggung, hasil dan kos pembangunan harta keseluruhan yang dianggarkan, serta sejauh mana kos-kos pembangunan harta boleh diperolehi. Dalam membuat pertimbangan ini, Kumpulan menilai berdasarkan pengalaman lampau dan merujuk kepada khidmat pakar.

Nilai-nilai bawa bagi aset-aset dan liabiliti-liabiliti Kumpulan yang timbul daripada aktiviti-aktiviti pembangunan harta dinyatakan dalam Nota 23.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

4. HASIL

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2012	2011	2012	2011
Barangan dijual	872	791	101	149
Restoran khidmat cepat	3,619	3,350	-	-
Pembangunan hartanah dan perindustrian	566	337	136	122
Perkhidmatan penjagaan kesihatan	25	21	-	-
Perkhidmatan perhotelan dan pelancongan	68	59	-	-
Perkhidmatan pengurusan	16	39	-	-
Penjualan pelaburan jangka pendek	92	10	6	10
Pendapatan dividen	3	3	99	186
Pendapatan sewa	25	72	6	7
Perkhidmatan tempat letak kenderaan dan berkaitan	25	118	-	-
Percetakan dan mel	-	32	-	-
Perkhidmatan pengangkutan	65	43	-	-
Pemberian lain-lain perkhidmatan	264	196	-	-
	5,640	5,071	348	474

5. LAIN-LAIN PENDAPATAN

Item-item berikut telah diambilkira dalam pengiraan lain-lain pendapatan:

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2012	2011	2012	2011
Pelunasan geran kerajaan (Nota 29)	10	13	-	3
Perubahan dalam nilai saksama hartanah pelaburan (Nota 15)	67	37	-	-
Perubahan dalam nilai saksama lain-lain pelaburan	2	115	(42)	97
Pengukuran semula baki kepentingan yang timbul bersifat pelupusan ke atas anak syarikat (Nota 18(a))	1,858	-	-	-
Keuntungan/(Kerugian) atas pelupusan:				
- Hartanah pelaburan	-	3	-	3
- Harta, loji dan kelengkapan	24	12	-	(17)
- Anak-anak syarikat/syarikat-syarikat bersekutu	-	98	1	8
- Lain-lain pelaburan	28	41	2	3
- Hak-hak guna tanah	-	17	-	17
Pendapatan faedah	29	6	13	10
Keuntungan bersih dari pengiktirafan pertanian	-	46	-	-
Pendapatan dividen	1	-	637	-
Geran diterima daripada Kerajaan	8	-	-	-
Pembalikan peruntukan bagi kerosotan penghutang perdagangan dan lain-lain	7	13	-	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

6. LAIN-LAIN PERBELANJAAN

Item-item berikut telah diambilkira dalam pengiraan lain-lain perbelanjaan:

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2012	2011	2012	2011
Peruntukan pengurangan nilai penghutang	2	13	113	24
Pelunasan aset tidak zahir (Nota 16)	10	9	-	-
Sumbangan bagi belian balik amanah saham	99	2	99	-
Peruntukan bagi penghausan nilai dalam pelaburan	120	-	255	20
Peruntukan bagi rosotnilai dalam syarikat bersekutu	1,276	-	-	-
Rosotnilai atas jumlah terhutang daripada pelanggan atas kontrak	-	8	-	-
Kerugian atas pelupusan:				
- Syarikat-syarikat bersekutu	4	-	-	-
- Harta, loji dan kelengkapan	8	8	-	-
- Hartanah pelaburan	50	-	11	-
Yuran guaman dan profesional	-	5	-	-
Pelunasan lebihan penilaian semula	9	10	-	-

7. KOS KEWANGAN

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2012	2011	2012	2011
Bon Cara Islam Boleh Tebus Terjamin ("BIBTT")	105	181	81	151
Nota Jangka Tempoh Sederhana Islam ("NJSI")	61	-	61	-
Pinjaman berjangka	70	71	-	-
Pinjaman jangka pendek	81	60	14	42
Lain-lain	30	25	1	2
	347	337	157	195

8. KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DARIPADA OPERASI BERTERUSAN

Item-item berikut telah diambil kira dalam pengiraan keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan:

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2012	2011	2012	2011
Penyewaan harta, loji dan kelengkapan	279	280	-	-
Harta, loji dan kelengkapan:				
- Susutnilai (Nota 14)	328	480	6	9
- Rosotnilai (Nota 14)	-	7	-	-
- Hapuskira	4	2	-	-
Hak penggunaan tanah:				
- Pelunasan (Nota 17)	(2)	1	-	-
Penyewaan pejabat dan bangunan	5	5	3	2
Hartanah Pelaburan:				
- Pelunasan (Nota 15)	1	-	-	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

9. PERBELANJAAN MANFAAT PEKERJA

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2012	2011	2012	2011
Upah, gaji dan bonus	871	866	16	10
Pelan persaraan caruman ditakrif	64	65	2	1
Lain-lain manfaat pekerja	175	174	-	-
	1,110	1,105	18	11

10. IMBUHAN PERSONEL PENGURUSAN UTAMA

Personel pengurusan utama ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal kegiatan bagi Kumpulan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Personel pengurusan utama termasuk semua Pengarah dalam Kumpulan, dan ahli-ahli pengurusan kanan tertentu dalam Kumpulan.

Imbuhan personel pengurusan utama adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Pengarah bukan eksekutif:				
- Yuran	-	967	-	967
Pengarah eksekutif:				
- Yuran	431	3,531	-	-
- Imbuhan	6,731	3,193	5,262	778
Lain-lain manfaat jangka pendek pekerja termasuk manfaat dalam bentuk kebendaan dianggarkan dalam nilai kewangan	15	91	-	-
Pelan persaraan caruman ditakrif	953	889	746	93
	8,130	8,671	6,008	1,838
Lain-lain personel pengurusan utama:				
- Manfaat pekerja jangka pendek	8,880	4,576	-	2,203
	17,010	13,247	6,008	4,041

Lain-lain personel pengurusan utama terdiri daripada mereka selain Pengarah Johor Corporation, yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal kegiatan bagi aktiviti entiti dalam Kumpulan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
(SAMBUNGAN)

11. PERBELANJAAN CUKAI PENDAPATAN

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2012	2011	2012	2011
Cukai bagi tahun semasa:				
- Malaysia	170	99	-	-
- Luar Negara	18	-	-	-
Cukai tertunda:				
- Malaysia	(66)	5	(36)	(23)
- Luar Negara	-	60	-	-
Cukai pendapatan daripada operasi berterusan	122	164	(36)	(23)
Cukai pendapatan daripada operasi dihentikan (Nota 12)	(32)	(195)	-	-
Bahagian cukai syarikat-syarikat bersekutu	46	21	-	-
Jumlah perbelanjaan cukai	136	(10)	(36)	(23)
Jumlah perbelanjaan cukai adalah seperti berikut:				
- Tahun semasa	221	117	-	-
- Terlebih peruntukan dalam tahun-tahun terdahulu	(33)	(18)	-	-
	188	99	-	-
Cukai tertunda:				
- Permulaan dan pembalikan perbezaan sementara	(84)	71	(23)	-
- Terkurang/(terlebih) peruntukan dalam tahun terdahulu	18	(6)	(13)	(23)
	(66)	65	(36)	(23)
Cukai pendapatan daripada operasi berterusan	122	164	(36)	(23)
Cukai pendapatan daripada operasi dihentikan (Nota 12)	(32)	(195)	-	-
Bahagian cukai syarikat-syarikat bersekutu	46	21	-	-
Jumlah perbelanjaan cukai	136	(10)	(36)	(23)
Keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan	868	540	167	114
Keuntungan sebelum cukai daripada operasi dihentikan (Nota 12)	146	877	-	-
	1,014	1,417	167	114

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

(Sambungan)

11. PERBELANJAAN CUKAI PENDAPATAN (SAMBUNGAN)

Penyesuaian perbelanjaan cukai efektif:

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2012	2011	2012	2011
Cukai dikira pada kadar cukai pendapatan Malaysia 25% (2011: 25%)	253	354	42	28
Perbezaan kadar cukai dalam lain-lain Negara	38	36	-	-
Perbelanjaan tidak dibenarkan	213	106	149	32
Pendapatan tidak dikenakan cukai	(405)	(520)	(202)	(69)
Aset cukai tertunda tidak diiktiraf	8	19	-	9
Cukai tertunda diiktiraf sebagai kerugian perniagaan tidak digunakan	(12)	-	(12)	-
Pengiktirafan aset cukai tertunda tidak diiktiraf sebelumnya	(2)	(2)	-	-
Kesan pindahan kawalan	(12)	-	-	-
Bahagian cukai syarikat-syarikat bersekutu	46	21	-	-
Pembalikan semula hartanah pelaburan	24	-	-	-
Terkurang/(terlebih) peruntukan dalam tahun terdahulu:				
- Cukai pendapatan	(33)	(18)	-	-
- Cukai tertunda	18	(6)	(13)	(23)
Perbelanjaan cukai	136	(10)	(36)	(23)

Warta Kerajaan Persekutuan bertarikh 16 Ogos 2005 memberi pengecualian kepada Johor Corporation dan anak-anak syarikat tertentu daripada cukai pendapatan berhubung dengan pendapatan tertentu yang dinyatakan dalam warta yang diterima dari 1 Januari 1998 sehingga 31 Disember 2006. Pada 18 Januari 2007, pengecualian yang sama telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2012. Pada tarikh laporan ini, Johor Corporation telah membuat permohonan kepada Kementerian Kewangan ("KK") untuk lanjutan dan masih belum menerima jawapan dari pihak KK.

12 OPERASI YANG DIHENTIKAN DAN PELUPUSAN KUMPULAN DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI PEGANGAN UNTUK DIJUAL

(a) Disifatkan pelupusan ke atas New Britain Palm Oil Ltd ("NBPOL")

Pada 25 April 2012, NBPOL telah mengumumkan penerbitan 3,337,147 unit saham biasa baru yang diperuntukkan kepada The Independent Public Business Corporation of Papua New Guinea ("IPBC") sebagai balasan bagi pengambilalihan baki kepentingan 20% dalam subsidiari, Kula Palm Oil Limited ("KPOL"). Berikutan penerbitan saham-saham baru, pegangan tidak langsung Kumpulan dalam NBPOL menurun daripada 50.68% kepada 49.54%, sekali gus menjadikan NBPOL syarikat sekutu tidak langsung dalam Kumpulan.

Kumpulan telah menganggap transaksi di atas sebagai pelupusan ke atas subsidiari. Disebabkan NBPOL menjalankan operasi utamanya di kawasan geografi berasingan di Papua New Guinea dan Kepulauan Solomon, Kumpulan telah menganggap pelupusan sebagai operasi dihentikan dan hasilnya dibentangkan secara berasingan pada penyata pendapatan komprehensif sebagai "Keuntungan daripada operasi dihentikan, bersih daripada cukai".

(b) Pelupusan dirancang bagi Orkim Sdn Bhd ("Orkim")

Pada 30 November 2012, Kumpulan telah mengumumkan bahawa ia telah memeterai perjanjian bagi penjualan anak syarikat tidak langsungnya, Orkim yang terlibat dalam penyediaan perkhidmatan perkapalan dan penghantaran.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya
(Sambungan)

12 OPERASI YANG DIHENTIKAN DAN PELUPUSAN KUMPULAN DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI PEGANGAN UNTUK DIJUAL (SAMBUNGAN)

(b) Pelupusan dirancang bagi Orkim Sdn Bhd ("Orkim") (sambungan)

Pada 31 Disember 2012, aset-aset dan liabiliti-liabiliti yang berkaitan dengan Orkim telah dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan sebagai "Aset-aset dari pelupusan kumpulan yang diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual" dan "Liabiliti-liabiliti langsung berkaitan dengan pelupusan kumpulan yang diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual" dan hasilnya dibentangkan secara berasingan pada penyata pendapatan komprehensif sebagai "Keuntungan daripada operasi dihentikan, bersih daripada cukai".

(c) Pelupusan dirancang bagi Pro Office Solutions Sdn Bhd ("Pro Office") dan General Access Sdn Bhd ("General Access")

Dalam tahun kewangan, Kumpulan telah memeterai perjanjian untuk melupuskan kepentingan tidak langsungnya dalam Pro Office dan General Access yang mana masing-masing terlibat dalam mel pukat dan percetakan serta perkhidmatan pembinaan.

Pada 31 Disember 2012, aset-aset dan liabiliti-liabiliti yang berkaitan dengan Pro Office dan General Access telah dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan sebagai "Aset-aset dari pelupusan kumpulan yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan" dan "Liabiliti-liabiliti langsung berkaitan dengan pelupusan kumpulan yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan" dan hasilnya dibentangkan secara berasingan pada penyata pendapatan komprehensif sebagai "Keuntungan daripada operasi dihentikan, bersih daripada cukai".

Anggapan sebagai pelupusan ke atas NBPOL telah memberi kesan berikut ke atas kedudukan kewangan Kumpulan pada 31 Disember 2012:

	2012
Harta, loji dan kelengkapan	3,322
Aset-aset tidak zahir	176
Inventori	538
Penghutang perdagangan dan lain-lain	564
Tunai dan kesamaan tunai	86
Derivatif	(2)
Liabiliti cukai tertunda	(776)
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	(181)
Pembiayaan dan pinjaman	(894)
Cukai	(113)
Rizab	(20)
Aset bersih	2,700
Kepentingan bukan kawalan	(1,427)
Aset bersih dikaitkan kepada Kumpulan	1,273
Penilaian semula baki kepentingan entiti	(3,131)
Hasil daripada pelupusan (tunai)	-
Pengukuran semula baki kepentingan yang timbul daripada anggapan sebagai pelupusan anak syarikat	(1,858)
Tunai dan kesamaan tunai anak syarikat yang dilupuskan	(86)
Aliran tunai bersih atas pelupusan	(86)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

(Sambungan)

12 OPERASI YANG DIHENTIKAN DAN PELUPUSAN KUMPULAN DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI PEGANGAN UNTUK DIJUAL (SAMBUNGAN)

- (c) Pelupusan dirancang bagi Pro Office Solutions Sdn Bhd ("Pro Office") dan General Access Sdn Bhd ("General Access") (sambungan)

Pendedahan penyata kedudukan kewangan

Kelas-kelas utama aset dan liabiliti anak-anak syarikat yang diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

	2012
Aset:	
Harta, loji dan kelengkapan	199
Aset tidak zahir	9
Penghutang perdagangan dan lain-lain	71
Inventori	-
Deposit, baki tunai dan bank	31
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	27
Cukai boleh diperolehi kembali	1
Aset daripada pelupusan kumpulan dikelaskan dipegang untuk jualan	338
Liabiliti:	
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	(26)
Pembiayaan dan pinjaman	(198)
Cukai	-
Derivatif	-
Cukai tertunda	(1)
Liabiliti langsung berkaitan dengan pelupusan Kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual	(225)
Aset bersih langsung berkaitan dengan pelupusan Kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual	113
	2011
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	12
Harta, loji dan kelengkapan	1
	13

Pada akhir tahun kewangan sebelumnya, pelaburan dalam syarikat bersekutu berkaitan dengan cadangan pelupusan MM Vitaoils Sdn Bhd, yang mana telah ditamatkan pada tahun kewangan semasa disebabkan syarikat sekutu telah memasuki status syarikat penerimaan. Pelaburan dalam syarikat bersekutu telah dirosotnilai sepenuhnya dalam tahun kewangan semasa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya
(Sambungan)

12 OPERASI YANG DIHENTIKAN DAN PELUPUSAN KUMPULAN DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI PEGANGAN UNTUK DIJUAL (SAMBUNGAN)

- (c) Pelupusan dirancang bagi Pro Office Solutions Sdn Bhd ("Pro Office") dan General Access Sdn Bhd ("General Access") (sambungan)

Pendedahan penyata pendapatan komprehensif

Keputusan daripada operasi yang dihentikan bagi tahun berakhir 31 Disember adalah seperti berikut:

	2012	2011
Hasil	899	2,742
Perbelanjaan	(740)	(1,828)
Keuntungan daripada operasi	159	914
Kos kewangan	(20)	(43)
Nilai saksama pinjaman dianggarkan dengan mendiskaun aliran tunai masa hadapan yang dijangka pada kenaikan kadar pinjaman meningkat bagi pembiayaan, pinjaman atau pengaturan pemajakan yang serupa pada tarikh laporan.

Instrumen ekuiti tersiar harga

Nilai saksama ditentukan secara langsung dengan merujuk kepada terbitan tawaran harga pasaran pada tarikh laporan.

Derivatif

Nilai saksama kontrak komoditi hadapan dikira berdasarkan kepada kadar tersiar harga hadapan pada tarikh laporan bagi kontrak yang mempunyai profil kematangan yang sama.

Jaminan kewangan

Kumpulan menyediakan jaminan kewangan kepada bank untuk kemudahan kredit yang diberikan kepada anak-anak syarikat tertentu. Nilai saksama untuk jaminan tersebut adalah tidak dijangka akan menjadi material memandangkan kemungkinan kegagalan anak syarikat membuat bayaran adalah terkawal.

Hierarki nilai saksama

Kumpulan menggunakan hierarki berikut untuk menentu dan menyatakan nilai saksama instrumen kewangan melalui teknik penilaian:

- Tahap 1: Harga tersiar (tidak berubah) dalam pasaran aktif untuk aset dan liabiliti yang serupa.
- Tahap 2: Teknik-teknik lain untuk semua input yang mempunyai kesan signifikan pada nilai saksama direkodkan adalah boleh dilihat, secara langsung atau tidak langsung.
- Tahap 3: Teknik-teknik yang menggunakan input yang mempunyai kesan ketara ke atas nilai saksama direkod yang tidak berdasarkan pada data pasaran yang boleh dilihat.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya
(Sambungan)

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

g) Nilai saksama (sambungan)

Hierarki nilai saksama (sambungan)

Pada 31 Disember 2012, Kumpulan mempunyai instrumen-instrumen kewangan berikut yang dinyatakan pada nilai saksama dalam penyata kedudukan kewangan:

2012

Kumpulan	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Jumlah
Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama:				
- Saham tersiar harga	100	-	-	100
- Waran tersiar harga	87	-	-	87
	187	-	-	187

Liabiliti-liabiliti kewangan dinilai:

Instrumen-instrumen kewangan derivatif	-	-	-	-
--	---	---	---	---

2011

Kumpulan	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Jumlah
Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama:				
- Saham tersiar harga	89	-	-	89
- Waran tersiar harga	219	-	-	219
	308	-	-	308

Liabiliti-liabiliti kewangan dinilai:

Instrumen-instrumen kewangan derivatif	-	2	-	2
--	---	---	---	---

2012

Johor Corporation	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Jumlah
Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama:				
- Saham tersiar harga	87	-	-	87
- Waran tersiar harga	-	-	-	-
	87	-	-	87

2011

Johor Corporation	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Jumlah
Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama:				
- Saham tersiar harga	12	-	-	12
- Waran tersiar harga	145	-	-	145
	157	-	-	157

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

(Sambungan)

38. PENGURUSAN MODAL

Objektif-objektif Kumpulan ketika menguruskan modal adalah untuk menjaga keupayaan Johor Corporation untuk diteruskan sebagai sebuah perusahaan berterusan dan bagi mengekalkan struktur modal yang optimal bagi mematuhi syarat-syarat hutang dan peraturan pihak berkuasa.

Kumpulan secara aktif dan secara berkala mengkaji semula dan menguruskan struktur modalnya untuk memastikan struktur modal yang optimal dan pulangan bagi pemegang saham, dengan mempertimbangkan keperluan modal masa hadapan Kumpulan dan keberkesanan modal, unjuran keuntungan, unjuran aliran tunai, unjuran perbelanjaan modal dan unjuran peluang pelaburan strategik.

Pengurusan memantau modal berdasarkan kepada nisbah penggearing ("gearing ratio") bersih. Nisbah penggearing ini dikira sebagai hutang bersih dibahagi dengan ekuiti pemegang saham. Hutang bersih dikira sebagai pinjaman di tolak tunai dan kesamaan tunai.

	Kumpulan	
	2012	2011
Pinjaman bank (Nota 30)	5,986	7,720
Tolak: Tunai dan kesamaan tunai (Nota 28)	(743)	(1,557)
Hutang bersih	5,243	6,163
Jumlah ekuiti	5,831	6,385
Nisbah hutang-kepada-ekuiti	0.90	0.96

Tiada perubahan dalam pendekatan Kumpulan bagi pengurusan modal dalam tahun kewangan semasa.

Terdapat keperluan modal yang dikenakan oleh Bank Negara kepada sebuah anak syarikat tidak langsung yang terlibat dalam broker insuran dan perundingan. Pada ketika ini, anak syarikat tersebut telah mematuhi keperluan dana pemegang saham minimum RM600,000 pada bila-bila masa.

39. MAKLUMAT SEGMENT

Maklumat segmen Kumpulan dibentangkan berhubung segmen-segmen bisnes dan geografi. Format pelaporan utama, segmen bisnes, adalah berdasarkan struktur pengurusan dan pelaporan dalaman Kumpulan. Penentuan harga antara segmen adalah berdasarkan terma-terma biasa atau terma-terma yang telah dirundingkan.

Keputusan-keputusan segmen, aset-aset dan liabiliti-liabiliti adalah termasuk item-item yang boleh diagihkan terus kepada suatu segmen dan juga yang boleh diagihkan atas asas yang munasabah.

Perbelanjaan modal segmen adalah jumlah kos yang ditanggung dalam tahun semasa untuk membeli hartanah, loji dan kelengkapan dan hak-hak guna tanah.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya
(Sambungan)

39. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

Segment bisnes

Kumpulan adalah terdiri daripada segment-segment bisnes utama berikut:

- Minyak sawit – Perladangan kelapa sawit, pemprosesan minyak kelapa sawit mentah, perkhidmatan perundingan pengurusan perladangan
- Prisihatin – hospital dan perkhidmatan kesihatan
- Hartanah – Pembangunan hartanah dan perumahan
- Intrapreneur ventures – Pengangkutan laut, pengurusan letak kenderaan, jualan produk berasaskan kayu dan mel pukat dan percetakan
- Restoran khidmat cepat – Kedai Pizza Hut, Ayamas and KFC

Lain-lain operasi Kumpulan terutamanya terdiri daripada operasi-operasi yang saiznya tidak memadai untuk dilaporkan secara berasingan.

Segment-segment geografi

Segment bisnes Kumpulan diuruskan atas asas seluruh dunia, mereka beroperasi dalam dua kawasan geografi utama:

- Malaysia – Terutamanya operasi perladangan, prisihatin, restoran khidmat cepat dan aktiviti pelaburan
- Papua New Guinea – Terutamanya operasi perladangan

Dalam membentangkan maklumat berdasarkan segment-segment geografi, segment pendapatan adalah berdasarkan lokasi geografi para pelanggan. Segment aset adalah berdasarkan lokasi geografi aset-aset tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya
(Sambungan)

39. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

(a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes

	Minyak Sawit	Prisihatin	Hartanah	Intrapreneur Ventures	Restoran Khidmat Cepat	Lain-lain	Kumpulan
Kumpulan - 2012							
Jualan kepada pihak luar	822	24	639	168	3,619	368	5,640
Jualan antara segmen	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah jualan	822	24	639	168	3,619	368	5,640
Keputusan							
Keputusan segmen (luaran)	219	4	376	37	262	218	1,116
Pendapatan tidak diperuntukkan							23
Kos tidak diperuntukkan							(59)
Keuntungan daripada operasi							1,080
Kos kewangan							(347)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu	63	56	6	1	-	9	135
Keuntungan sebelum cukai							868
Perbelanjaan cukai							(122)
Keuntungan selepas cukai daripada operasi berterusan							746
Keuntungan atas pelupusan operasi yang dihentikan							114
Keuntungan bagi tahun semasa							860

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya
(Sambungan)

39. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

(a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes (sambungan)

	Minyak Sawit	Prisihatini	Hartanah	Intrapreneur Ventures	Restoran Khidmat Cepat	Lain-lain	Kumpulan
Kumpulan - 2012							
<u>Lain-lain informasi</u>							
Aset-aset segmen	2,685	146	2,606	2,838	1,165	2,276	11,716
Syarikat-syarikat bersekutu	1,869	186	214	-	-	158	2,427
Aset-aset tidak diperuntukkan							96
Jumlah aset disatukan							14,239
Liabiliti segmen	2,010	2	1,528	1,071	115	3,700	8,426
Liabiliti tidak diperuntukkan							11
Jumlah liabiliti disatukan							8,437
Perbelanjaan modal	479	-	-	7	301	27	814
Susutnilai dan pelunasan	68	1	7	9	160	83	328

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya
(Sambungan)

39. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

(a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes (sambungan)

	Minyak Sawit	Prisihatin	Hartanah	Intrapreneur Ventures	Restoran Khidmat Cepat	Lain-lain	Kumpulan
Kumpulan - 2011							
Jualan kepada pihak luar	791	27	494	396	3,350	13	5,071
Jualan antara segmen	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah jualan	791	27	494	396	3,350	13	5,071
Keputusan							
Keputusan segmen (luaran)	129	14	273	43	296	74	829
Pendapatan tidak diperuntukkan							31
Kos tidak diperuntukkan							(56)
Keuntungan daripada operasi							804
Kos kewangan							(337)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu	-	58	4	1	-	10	73
Keuntungan sebelum cukai							540
Perbelanjaan cukai							(164)
Keuntungan selepas cukai							376
daripada operasi berterusan							
Keuntungan daripada jualan operasi yang dihentikan							682
Keuntungan bagi tahun semasa							1,058

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya
(Sambungan)

39. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

(a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes (sambungan)

	Minyak Sawit	Prisihatini	Hartanah	Intrapreneur Ventures	Restoran Khidmat Cepat	Lain-lain	Kumpulan
Kumpulan - 2011							
<u>Lain-lain informasi</u>							
Aset-aset segmen	8,249	181	2,659	509	2,686	2,531	16,815
Syarikat-syarikat bersekutu	1	186	162	24	-	158	531
Aset-aset tidak diperuntukkan							(71)
Jumlah aset disatukan							17,275
Liabiliti segmen	2,959	2	1,752	440	1,034	4,750	10,937
Liabiliti tidak diperuntukkan							(47)
Jumlah liabiliti disatukan							10,890
Perbelanjaan modal	947	-	-	3	393	8	1,351
Susutnilai dan pelunasan	268	1	6	22	136	47	480

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

(Sambungan)

39. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

(b) Format pelaporan sekunder - Segmen Bisnes

	Jualan (luaran)		Jumlah Aset		Perbelanjaan Modal	
	2012	2011	2012	2011	2012	2011
Kumpulan						
Malaysia	5,612	2,684	11,769	12,208	814	697
Indonesia	24	20	23	25	-	-
Papua New Guinea	-	277	-	4,075	-	654
United Kingdom	-	2,074	-	414	-	-
Lain-lain negara	4	16	-	13	-	-
	5,640	5,071	11,792	16,735	814	1,351
Syarikat-syarikat bersekutu			2,439	531		
Aset-aset tidak diperuntukkan			8	9		
Jumlah aset			14,239	17,275		

40. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN

1. Johor Corporation

- (a) Pada 2 Ogos 2012, Johor Corporation memeterai Perjanjian Pengambilalihan Aset dengan anak-anak syarikatnya, Tanjung Langsat Port Sdn Bhd ("TLP"), Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB") dan Johor City Development Sdn Bhd ("JCD"), untuk mengambilalih aset-aset tertentu yang terletak di kawasan Pelabuhan Tanjung Langsat. Butiran aset-aset yang diambilalih yang dicadangkan dan pertimbangan pembelian dipersetujui adalah seperti berikut:
- (i) TLP: Satu senarai aset seperti Jeti, tangki, paip, tanah, pejabat dan bangunan terminal, loji dan jentera, dan aset-aset lain bagi jumlah pertimbangan sebanyak RM675.7 juta;
 - (ii) DASB: Beberapa bidang tanah pegangan pajakan bagi jumlah pertimbangan sebanyak RM50.0 juta;
 - (iii) JCD: Sebidang tanah untuk jumlah pertimbangan sebanyak RM171.3 juta.

Pada 31 Disember 2012, pengambilalihan masih belum dapat diselesaikan disebabkan syarat terdahulu tertentu masih belum dipenuhi.

- (b) Pada 2 Ogos 2012, Johor Corporation telah memeterai satu Perjanjian Konsesi ("PK") dan Perjanjian Pajakan ("PP") dengan anak syarikatnya, Tanjung Langsat Port Sdn. Bhd. ("TLP"). PK dengan TLP tersebut menyatakan bahawa Johor Corporation adalah pemilik sah dan pemilik manfaat kawasan pelabuhan dan aset-aset yang terletak di Tanjung Langsat Port. Pada masa ini, kawasan pelabuhan dan aset-aset ditadbir dan diuruskan oleh TLP.

TLP adalah pengendali pelabuhan dan telah diberikan lesen operasi oleh pihak berkuasa Pelabuhan Johor untuk membangunkan, mengendali dan menyelenggara pelabuhan. Sementara itu, Johor Corporation berhasrat memberikan TLP hak untuk meningkatkan, membangun, mengendali, mengurus dan menyelenggara penyediaan kemudahan dan perkhidmatan di pelabuhan pada asas jangka panjang iaitu untuk tempoh 30 tahun. TLP akan terus dan menjalankan perniagaan pelabuhan di pelabuhan dan meneruskan dengan perancangan masa depan, pembangunan, pembinaan dan penambahbaikan kemudahan dan perkhidmatan di pelabuhan. Sewa pajakan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak adalah RM27 juta setahun, bermula dari 2013, yang mana akan disemak setiap 5 tahun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya
(Sambungan)

40. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

1. Johor Corporation (sambungan)

Pada 31 Disember 2012, perjanjian masih belum lagi berkuat kuasa kerana pengambilalihan aset-aset melalui Perjanjian Pengambilalihan Aset sebagaimana yang diterangkan di dalam Nota 40 (1) (a), masih belum diselesaikan.

- c) Pada 12 Oktober 2012, Johor Corporation memeterai Perjanjian Pembangunan dengan anak syarikatnya, TPM Technopark Sdn. Bhd. ("TPM"), dimana Johor Corporation sebagai pemilik manfaat tanah seluas 150.07 ekar, telah memberikan kepada TPM hak tunggal dan eksklusif untuk membangunkan tanah berkenaan. TPM bersetuju untuk membangunkan tanah tersebut dan Johor Corporation bersetuju bahawa TPM adalah berhak untuk menjual lot-lot dalam kawasan pembangunan pada harga sebagaimana yang dianggap sesuai oleh TPM dan selanjutnya menuntut, mengekalkan dan memungut hasil daripada penjualan tanah berkenaan ke dalam akaun Johor Corporation. Johor Corporation berhak untuk menerima dari TPM sejumlah RM45.8 juta sebagai Pertimbangan Projek. Pada 31 Disember 2012, Perjanjian masih belum berkuat kuasa disebabkan syarat terdahulu tertentu masih belum dapat dipenuhi.
- d) Jumlah pinjaman Kumpulan dan Johor Corporation berjumlah RM3.48 bilion yang matang pada 31 Julai 2012 terdiri masing-masing daripada Kemudahan Kredit Pusingan Komited Cara Islam ("KKPKCI") berjumlah RM0.40 bilion, Sijil Bercagar Boleh Tebus ("SBBT") berjumlah RM0.19 bilion dan Bon Cara Islam Boleh Tebus Terjamin ("BIBTT") berjumlah RM2.891 bilion.

Pada 16 Ogos 2011, Johor Corporation telah memeterai perjanjian jual beli untuk melupuskan aset perladangannya kepada Mahamurni Plantations Sdn Bhd ("MPSB"), anak syarikat milik penuh Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB"), yang terdiri daripada enam(6) keping ladang (bersama-sama dengan semua bangunan, loji dan jentera didirikan di atasnya), semuanya terletak dalam negeri Johor dengan jumlah keluasan tanah kira-kira 13,687 hektar untuk pertimbangan tunai sebanyak RM700 juta.

Dalam tahun kewangan, sebahagian hasil daripada jualan aset perladangan berjumlah RM0.375 bilion telah digunakan sebagai penyelesaian sebahagian KKPKCI. Baki pinjaman yang matang pada 31 Julai 2012 telah diselesaikan sepenuhnya pada 14 Jun 2012 menerusi penerbitan Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI") sebanyak RM3 bilion, di bawah Prinsip Syariah Wakalah Bil Istithmar.

Kerajaan Persekutuan Malaysia ("KPM") telah bersetuju menjamin (tidak boleh ditarik balik dan tidak bersyarat) obligasi pembayaran oleh Johor Corporation di bawah terbitan NJSI menurut Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan), 1965, tertakluk kepada jumlah yang dijamin (nilai nominal NJSI yang dijamin oleh KPM yang tidak melebihi RM3.0 bilion dalam agregat) untuk tempoh selama 11 tahun dari tarikh terbitan pertama NJSI.

NJSI telah dikeluarkan pada 14 Jun 2012 dan dibahagikan kepada 3 siri seperti berikut:

Siri	Jumlah nominal	Tempoh (tahun)	Kadar pulangan (% setahun)	Tarikh matang
Siri 1	400	5	3.48	14 Jun 2017
Siri 2	800	7	3.68	14 Jun 2019
Siri 3	1,800	10	3.84	14 Jun 2022
	3,000			

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

(Sambungan)

40. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

1. Johor Corporation (sambungan)

- (e) Pada 31 Disember 2009, Johor Corporation dan penghutang perdagangan, Syarikat Perumahan Negara Berhad ("SPNB") telah bersetuju pada dasarnya untuk membatalkan perjanjian jual beli bertarikh 26 Januari 2006. Walaubagaimanapun, perincian dalam kandungan penyelesaian tersebut ketika ini masih lagi dalam perundingan.

Jumlah terhutang dari Syarikat Perumahan Negara Berhad ("SPNB") adalah seperti berikut:

	2012	2011
Jumlah yang dituntut tetapi belum diluluskan lagi	9	9
Bil kemajuan penghutang	1	1
	10	10

2. Johor Land Berhad ("JLB")

- (a) Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa Johor Land Berhad ("JLB") yang diadakan pada 8 November 2011, pemegang saham telah meluluskan cadangan pengurangan modal terpilih dan pelaksanaan pembayaran semula menurut Seksyen 64 Akta Syarikat, 1965, di mana keseluruhan saham JLB (termasuk saham perbendaharaan tetapi tidak termasuk saham yang dipegang oleh Johor Corporation ("JCorp") dan syarikat berkaitan, Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB")) akan dibatalkan melalui pembayaran semula modal sebanyak RM1.69 bagi setiap saham dibatalkan. Setelah selesai pelaksanaan, JLB akan menjadi sebuah anak syarikat milik penuh JCorp (88.18% pegangan saham langsung dan 11.82% pegangan tidak langsung melalui DASB) dan paduan yang dikeluarkan dan modal berbayar adalah RM445,745,488 yang terdiri daripada 445,745,488 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham.

Pada 13 Februari 2012, Mahkamah Tinggi Malaya memerintahkan perintah-dalam-terma bagi Petisyen Pengurangan Modal Terpilih dan pelaksanaan pembayaran ("PMT"). Perintah Mahkamah untuk cadangan SCR yang bertarikh 13 Februari 2012 telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 21 Februari 2012 dan cek untuk pembayaran balik modal menurut PMT telah dihantar kepada para pemegang saham Syarikat yang layak pada 28 Februari 2012.

- (b) Pada 12 November 2011, JLB memeterai perjanjian usahasama bersyarat dengan pihak ketiga untuk pembangunan unit komersil di atas sebidang tanah seluas kira-kira 7 ekar dengan penyertaan ekuiti sebanyak 60% daripada JLB, dan JLB akan diberi kuasa untuk menerajui pembangunan sebagai pengurus pembangunan. Syarat-syarat tertentu yang ditetapkan dalam perjanjian usahasama masih belum diselesaikan pada tarikh kedudukan kewangan.

Tempoh sah perjanjian itu telah dilanjutkan untuk setahun lagi berakhir pada 11 November 2013 bagi memenuhi syarat terdahulu.

3. Johor Paper & Publishing Sdn Bhd ("JPP")

- (a) Dalam tahun kewangan semasa, Langsung Marine Base Sdn Bhd ("LMB") anak syarikat JPP, telah memeterai perjanjian jual beli dengan syarikat yang berkaitan untuk membeli sebidang tanah seluas 10 ekar yang dikenali sebagai PLO 46A, yang terletak di Kawasan Perindustrian Tanjung Langsung, Pasir Gudang untuk jumlah balasan sebanyak RM15.246 juta. Tempoh pajakan tanah ini adalah 60 tahun.
- (b) Pada 5 Januari 2011, LMB telah memeterai perjanjian kemudahan perbankan "Comodity Murabahah Term Financing-I Facility" (CMTF-i) sehingga RM250 juta dengan tarikh matang pada 24 Januari 2012. Pihak bank telah meluluskan lanjutan masa untuk pembayaran balik kepada 23 April 2012. Bayaran sepenuhnya telah dijejakkan pada 19 Januari 2013.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya
(Sambungan)

40. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

4. Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB")

- (a) Pada 16 Ogos 2011, KMB telah mengumumkan cadangan pengambilalihan aset perladangan daripada Johor Corporation ("JCorp") oleh Mahamurni Plantations Sdn Bhd ("MPSB"), anak syarikat milik penuh KMB, enam (6) ladang (bersama-sama dengan semua bangunan dan kilang (termasuk loji dan jentera mereka) yang didirikan di atasnya), semuanya terletak di dalam negeri Johor dengan jumlah keluasan tanah yang berukuran kira-kira 13,687 hektar untuk balasan tunai sebanyak RM700 juta.

Bagi cadangan pengambilalihan di atas, urusan di bawah telah diselesaikan pada akhir tahun:

- (i) Perjanjian Jual Beli ("PJB") antara MPSB dan JCorp bagi pengambilalihan ladang kelapa sawit dan (bersama-sama dengan semua bangunan yang dibina di atasnya bersama aset, peralatan, perkakas, dan loji dan jentera yang terletak dalam ladang kelapa sawit) yang dikenali sebagai "Ladang Sungai Papan" untuk balasan tunai sebanyak RM183,300,000 dan SPA antara MPSB dan JCorp Hotels and Resorts Sdn Bhd ("JHRSB") (dahulunya dikenali sebagai Kumpulan Penambang (J) Sdn Bhd), sebuah anak syarikat milik penuh JCorp, bagi pengambilalihan tanah perladangan kelapa sawit (bersama-sama dengan semua bangunan yang didirikan di atasnya bersama-sama dengan aset, peralatan, perkakas, dan loji dan jentera yang terletak dalam lingkungan tanah kelapa sawit) yang dikenali sebagai "Sebahagian Ladang Siang" untuk balasan tunai sebanyak RM191,600,000. Pembayaran telah dilaksanakan pada 31 Disember 2011.
- (ii) SPA antara MPSB dan Johor Foods Sdn Bhd ("JFSB"), sebuah anak syarikat milik penuh JCorp, bagi cadangan pengambilalihan tanah yang kini diusahakan dengan penanaman kelapa sawit (bersama-sama dengan semua bangunan dan kilang kelapa sawit ("Kilang Palong") didirikan di atasnya (bersama-sama dengan aset, peralatan, perkakas, dan loji dan jentera yang terletak di dalam tanah dan Kilang Palong)) yang dikenali sebagai "ladang Mungka, Kemedak dan Palong" untuk balasan tunai sebanyak RM253,317,000. Pembayaran telah dijelaskan pada 31 Mei 2012.
- (iii) PJB antara MPSB dan JCorp bagi cadangan tanah yang sedang diusahakan dengan penanaman kelapa sawit (bersama-sama dengan semua bangunan dan kilang minyak sawit ("Kilang Pasir Panjang") didirikan di atasnya (bersama-sama dengan aset, peralatan, perkakas, dan loji dan jentera yang terletak dalam tanah dan Kilang Pasir Panjang)) yang dikenali sebagai "Sebahagian Ladang Pasir Panjang" untuk balasan tunai sebanyak RM71,783,000. Pembayaran telah dijelaskan pada 7 Februari 2013.
- (b) Pada 10 Januari 2012, KMB mengumumkan, merujuk kepada pengumuman yang dibuat pada 9 Januari 2012 oleh New Britain Palm Oil Limited ("NBPOL"), sebuah anak syarikat 50.68% milik KMB, NBPOL sedang berusaha mendapatkan kuasa daripada pemegang sahamnya untuk tidak mengenakan hak-hak berpotensi bagi membeli ("pre-emption rights") terbitan baru saham yang mungkin dilaksanakan sehingga maksimum lima peratus daripada modal saham semasa yang dikeluarkan NBPOL. Tujuan terbitan baru saham berpotensi tersebut adalah untuk memperoleh kepentingan bukan-kawalan dalam syarikat-syarikat subsidiari tertentu NBPOL.

Pada 25 April 2012, KMB mengumumkan pengambilalihan baki pegangan 20% dalam Kula Palm Oil Limited ("KPOL") oleh NBPOL dan penerbitan saham biasa baru berjumlah 3,337,147 unit yang diperuntukkan kepada The Independent Public Business Corporation of Papua New Guinea ("IPBC") sebagai balasan pengambilalihan.

Lanjutan dari itu, pada 18 Mei 2012 NBPOL mengumumkan pengambilalihan baki 18.7% di Poliamba Limited, dari New Ireland Development Corporation ("NIDC") dan menerbitkan saham baru sebagai balasan pengambilalihan, yang pada akhirnya mengurangkan pegangan kepentingan KMB dalam NBPOL kepada 48.97%.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

(Sambungan)

40. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

4. Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB") (sambungan)

- (c) Pada 23 April 2012 Lembaga Pengarah QSR Brands Berhad ("QSR") mengumumkan bahawa QSR dan Massive Equity Sdn Bhd ("MESB") telah bersetuju secara bertulis kepada yang berikut:-
 - (i) tarikh untuk pelaksanaan perjanjian muktamad untuk Cadangan Penjualan akan dimeterai antara MESB dan QSR hendaklah pada tarikh yang tidak lewat daripada 21 Mei 2012 atau tarikh lain yang saling dipersetujui oleh kedua-dua pihak; dan
 - (ii) tarikh untuk memenuhi atau selainnya pengecualian syarat terdahulu dalam Tawaran QSR hendaklah dirujuk kepada tarikh akhir yang dipersetujui bersama sebagaimana yang dinyatakan dalam perjanjian yang dimuktamadkan.

Pada 18 Mei 2012, Lembaga Pengarah QSR, mengumumkan bahawa QSR telah memeterai Perjanjian Penjualan Perniagaan ("PPP") dan Perjanjian Penjualan Hartanah dengan QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd ("QBMHSB") (dahulunya dikenali sebagai Triple Platform Sdn Bhd) berhubung dengan cadangan pelupusan QSR. QBMHSB telah memeterai PPP bersama MESB dengan pertimbangan MESB bersetuju untuk mengetepikan semua hak kepada Surat Tawaran dan QSR bersetuju untuk melepaskan MESB apa-apa liabiliti dibawah Surat Tawaran. Setelah selesai Cadangan Pelupusan QSR, QSR akan berjanji untuk memulangkan tunai yang diperolehi daripada cadangan pelupusan QSR kepada para pemegang saham dan pemegang waran melalui Cadangan Pembayaran Balik Modal QSR dan Skim Cadangan Waran QSR.

Pada 19 November 2012, Lembaga Pengarah QSR, mengumumkan bahawa QSR dan QBMHSB, pada 17 November 2012, saling bersetuju untuk mengetepikan beberapa syarat terdahulu tertentu yang tertangguh dalam PPP. Sehubungan itu, semua syarat terdahulu di PPP yang telah dipenuhi atau dikecualikan, QSR dan QBMHSB pada tarikh yang sama juga saling bersetuju bahawa PPP menjadi tidak bersyarat pada 17 November 2012.

Pada 7 Januari 2013, sekuriti QSR telah digantung sehingga nyahsenarai QSR daripada Senarai Rasmi Bursa Sekuriti untuk tujuan memudahkan Pembayaran Balik Modal.

QSR mengumumkan bahawa Pembayaran Balik Modal dan Skim Waran QSR telah selesai pada 25 Januari 2013;

- (i) perintah Mahkamah Tinggi Malaya berhubung Pembayaran Balik Modal QSR telah di kemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk menguatkuasakan Pembayaran Balik Modal QSR;
- (ii) bayaran wang tunai selaras dengan Skim Pembayaran Balik Modal QSR dan Skim Waran QSR telah dibuat melalui pembayaran "eCash" kepada pemegang sekuriti QSR pada 25 Januari 2013. Bagi pemegang sekuriti yang tidak mendaftar untuk bayaran "eCash", cek bagi bayaran juga telah dihantar pada 25 Januari 2013.

Lembaga Pengarah QSR, mengumumkan bahawa Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Sekuriti") , menerusi suratnya bertarikh 4 Februari 2013, telah dimaklumkan bahawa keseluruhan modal saham terbitan dan modal berbayar QSR akan dikeluarkan daripada senarai rasmi Bursa Sekuriti berkuatkuasa 7 Februari 2013 selaras dengan perenggan 16.07(b) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Sekuriti.

Pada 21 Januari 2013 cadangan yang ditawarkan oleh MESB berkaitan hasratnya untuk memperolehi keseluruhan perniagaan dan mengambilalih QSR dan KFC termasuk semua aset dan liabiliti telah selesai. Seterusnya kedua-dua QSR dan KFC telah dikeluarkan daripada senarai rasmi Bursa Malaysia pada 7 Februari 2013.

- (d) Tambahan kepada pengumuman yang dibuat KMB mengenai rancangan pelupusan Orkim Sdn Bhd ("Orkim") pada 30 November 2012 seperti yang dinyatakan dalam Nota 12, KMB mengumumkan pada 4 Mac 2012, Sindora Berhad, anak syarikat milik sepenuhnya telah melaksanakan Perjanjian Jual Beli ("PJB") dengan GMV-Orkim Sdn Bhd untuk melupuskan semua kepentingan ekuiti Orkim dengan jumlah pertimbangan sebanyak RM110,000,000.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya
(Sambungan)

40. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

5. Damansara Realty Berhad ("DBhd")

- (a) Pada 9 Mei 2012, DBhd memeterai perjanjian penjualan saham dengan pihak penjual yang berkaitan (ditakrifkan di bawah) sebagaimana yang berikut:
 - (i) Cadangan pengambilalihan kira-kira 47.10% dan 27.90% kepentingan ekuiti di dalam HC Duraclean Sdn Bhd (HC Duraclean) masing-masing dari Harta Consult Sdn Bhd ("Harta Consult") dan Johor Franchise Development Sdn Bhd ("Johor Francais"). Cadangan pengambilalihan HC Duraclean terdiri daripada 1,500,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham untuk pertimbangan pembelian kira-kira RM2.09 juta;
 - (ii) Cadangan pengambilalihan 75% dan 15% kepentingan ekuiti di Metro Parking Sdn Bhd ("Metro Parking") masing-masing dari Sindora Berhad ("Sindora") dan Harta Consult ("Cadangan Pengambilalihan kepentingan ekuiti sebanyak 90% di Metro Parking"). Di samping itu, Halmi Bin Jasmin, yang merupakan pemegang saham yang masih ada di Metro Parking juga telah menerima tawaran mengikut undang-undang, dari DBhd bagi pengambilalihan kepentingan ekuitinya sebanyak 10.00% di dalam Metro Parking. Cadangan pengambilalihan Metro Parking yang terdiri daripada 3,500,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dengan jumlah pertimbangan pembelian kira-kira RM18 juta;
 - (iii) Cadangan pengambilalihan kepentingan ekuiti 75% dalam TMR Urusharta Sdn Bhd ("TMR Urusharta") dari Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB"). Cadangan pengambilalihan TMR Urusharta terdiri daripada 2,625,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham untuk pertimbangan pembelian kira-kira RM7.15 juta;
 - (iv) Berhubung dengan Cadangan Pengambilalihan Metro Parking, DBhd telah memeterai perjanjian penyelesaian dengan Sindora untuk menjelaskan bagi pihak Metro Parking pendahuluan yang tertunggak berjumlah RM1,324,332 diberikan oleh Sindora kepada Metro Parking, yang mana RM662,166 akan diselesaikan melalui penerbitan 1,324,332 unit saham baru DBhd pada harga terbitan RM0.50 ("Harga Terbitan"), dibundarkan ke satu saham yang terhampir, dan baki sebanyak RM662,166 akan diselesaikan melalui dana tunai DBhd yang dijana secara dalaman dan/atau pinjaman, tertakluk kepada terma-terma perjanjian penyelesaian. ("Cadangan Penyelesaian Metro"); dan
 - (v) Berhubung dengan cadangan pengambilalihan TMR Urusharta, DBhd telah memeterai perjanjian penebusan dengan DASB dan Harta Consult untuk menerima penerbitan 7,016,174 saham baru DBhd pada harga terbitan sebagaimana penyelesaian hutang bagi pihak TMR Urusharta berjumlah RM3,508,087 terhutang kepada DASB dan Harta Consult hasil dari penebusan RULS milik TMR Urusharta, tertakluk kepada terma-terma perjanjian penebusan. ("Cadangan Penebusan TMR")
- (b) Pada 18 Mei 2012, DBhd memeterai perjanjian penjualan saham dengan Halmi Bin Jasmin bagi cadangan pengambilalihan kepentingan 10% ekuiti dalam Metro Parking. Cadangan pengambilalihan itu terdiri daripada 350,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham untuk pertimbangan pembelian kira-kira RM1.8 juta. Urus niaga di atas secara kolektif dirujuk sebagai "Cadangan".
- (c) Pemegang saham DBhd pada 28 Jun 2012 telah meluluskan Cadangan semasa Mesyuarat Agung Luar Biasa diadakan.
- (d) Pada 19 Oktober 2012, DBhd telah menyempurnakan pengambilalihan 75% kepentingan ekuiti dalam HC Duraclean dan 90% kepentingan ekuiti dalam Metro Parking dari Sindora Berhad dan 75% kepentingan ekuiti dalam TMR Urusharta dari Harta Consult dan Cadangan Penebusan TMR. Penyenaraian dan sebut harga 57,906,174 Saham baru DBhd di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia") telah dilaksanakan pada tarikh yang sama.
- (e) Berkaitan dengan cadangan pengambilalihan baki 10% kepentingan ekuiti dalam Metro Parking dari Halmi Bin Jasmin, cadangan tersebut telah selesai pada 28 Disember 2012. Dengan selesainya pengambilalihan 100% Metro Parking, DBhd telah melaksanakan Cadangan Penyelesaian Metro berikutan penyenaraian dan sebut harga 1,324,332 Saham baru DBhd di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada tarikh yang sama.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

(Sambungan)

40. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

6. Tanjung Langsung Port Sdn Bhd ("TLP")

- (a) Pada 17 Ogos 2008, satu kebakaran telah berlaku pada Tank 1 (T-1) yang terletak di Tanjung Langsung Port dan dimiliki oleh Tanjung Langsung Port Sdn Bhd ("TLP"). Tangki tersebut mengandungi 17,800 meter padu gasolin tanpa plumbum. Pada hari kedua, api telah merebak ke Tank 2 (T-2) yang mengandungi 11,200 meter padu Naptha. Api itu akhirnya berjaya dipadamkan pada 20 Ogos 2008.

Semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009, TLP menyerahkan tuntutan insuran kepada syarikat insuran untuk perbelanjaan pemadaman api, perbelanjaan pembaikan kemudahan berdekatan yang terjejas, pembinaan semula tangki, pemulihan kemudahan sedia ada dan kerugian yang terlibat.

TLP telah melantik kontraktor untuk membina semula T-1 dan T-2. Walau bagaimanapun, pembinaan tangki simpanan telah ditangguhkan sehingga selesai pembuangan sisa dan kerja-kerja meroboh, pemeriksaan oleh pihak insuran dan pihak berkuasa yang berkaitan. Pengurusan TLP menjangkakan bahawa sebahagian daripada operasi tangki simpanan akan disambung semula pada Jun 2013.

TLP sedang aktif berbincang dengan syarikat insuran dan telah melantik peguam untuk tindakan susulan bagi pihak mereka. Pada tarikh penyata kewangan ini, perkara ini masih belum lagi diselesaikan.

- (b) Pada 28 Disember 2011, Lembaga Pengarah TLP telah dimaklumkan mengenai cadangan pengambilalihan hartanah, loji dan peralatan tertentu oleh Johor Corporation ("JCorp").

Cadangan pengambilalihan adalah sebahagian daripada skim penstrukturan semula jangka masa panjang sepertimana yang dikehendaki oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Skim ini, antara lain, melibatkan pembiayaan semula pinjaman sedia ada TLP.

Cadangan pengambilalihan seperti yang disebutkan di atas adalah tertakluk kepada penyelesaian skim pembiayaan semula. Pada 2 Ogos 2012, TLP telah memeterai Perjanjian Pengambilalihan Aset dan Perjanjian Konsesi dengan JCorp berhubung skim yang dicadangkan.

Pada tarikh laporan ini, rundingan adalah di peringkat akhir dalam mendapatkan pembiayaan bagi cadangan pengambilalihan. Skim yang dicadangkan ini dijangka siap menjelang akhir Jun 2013.

- (c) Pada 13 Februari 2013, TLP memeterai Perjanjian Pembiayaan dengan Kerajaan Malaysia, yang diwakili oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk kemudahan berjumlah RM110,800,000.

Pinjaman adalah untuk membiayai pembinaan Pelabuhan 8 dan Pelabuhan 9 di mana kos pembinaan dianggarkan bernilai RM115,800,000. Kemudahan itu perlu dibayar balik dalam tempoh 20 tahun termasuk tempoh tangguh 3 tahun dengan ansuran dua kali setahun, anggaran bayaran dari RM3,443,901 hingga RM5,298,970 bermula dari 8 September 2016. Kadar faedah adalah 4% setahun.

7. Larkin Sentral Management Sdn Bhd ("LSM")

- (a) Dalam tahun 2004, sebuah anak syarikat tidak langsung Kumpulan, Larkin Sentral Management Sdn Bhd ("LSM") telah menandatangani satu perjanjian tiga pihak, yang mana boleh diperbaharui setiap tahun, dengan Pelaburan Johor Berhad ("PJB") dan Amanah Raya Berhad ("ARB"), yang mana masing-masing adalah pengurus dan pemegang amanah bagi kedua-dua Amanah Saham Johor ("ASJ") dan Dana Johor ("DJ") untuk pelaksanaan satu skim untuk pemegang-pemegang kedua-dua unit ASJ dan DJ. Di bawah skim ini, para pemegang unit boleh memohon untuk membeli semula sehingga lima ratus unit atau 10% daripada pegangan saham semasa dalam ASJ dan DJ, yang mana lebih tinggi untuk harga pembelian semula sebanyak RM1 dan RM0.50 masing-masing untuk setiap unit ASJ dan DJ. Dalam skim ini, peranan anak syarikat tidak langsung Kumpulan adalah untuk membeli unit-unit baru saham ASJ dan DJ daripada PJB yang mana PJB perlu membeli semula daripada para pemegang unit ASJ dan DJ. Skim ini juga membenarkan para pemegang unit untuk menjual semula unit-unit tersebut pada harga sebagaimana yang disebut terdahulu sehingga jumlah maksima 10% daripada jumlah pegangan unit setahun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya
(Sambungan)

40. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

7. Larkin Sentral Management Sdn Bhd ("LSM")

Pada Jun 2008, skim ASJ telah dihentikan dan semenjak dari itu, ARB telah menguruskan unit amanah tersebut.

Sebelum tahun 2012, LSM telah menandatangani satu perjanjian tiga pihak kesepuluh dengan PJB dan ARB untuk pembelian semula DJ. Dalam tahun 2012, LSM telah menandatangani dua lagi perjanjian tiga pihak (kali ke sebelas dan dua belas) dengan PJB dan ARB untuk pembelian semula DJ. Di bawah perjanjian ini, PJB akan menawarkan pembelian semula sebahagian unit DJ yang telah dipersetujui daripada para pemegang unit.

Perjanjian ke dua belas dan terakhir bertarikh 2 Julai 2012 telah dipinda dimana LSM bersetuju bahawa semua unit DJ dibeli oleh LSM dalam tempoh di antara 2 Julai 2012 hingga 1 Julai 2013 (selepas ini dirujuk sebagai "Unit yang dimaksudkan") adalah sebagai ejen membeli bagi pihak Johor Corporation, pada harga yang dipersetujui RM1.00 seunit dan LSM yang memegang unit yang dimaksudkan atas amanah untuk pihak Johor Corporation di mana Johor Corporation adalah pemilik sepenuhnya manfaat unit yang dimaksudkan tersebut.

Pada 31 Disember 2012, LSM adalah bertanggungjawab sehingga ke unit-unit DJ selebihnya dalam edaran di bawah skim ini. Sekiranya kesemua unit baki DJ ini pada tahun kewangan berakhir telah dibeli semula atas andaian bahawa harga pasaran DJ untuk seunit adalah kosong, jumlah maksima pembelian semula adalah berjumlah RM111,987,246 (2011: RM85,776,500). Tiada peruntukan dibuat untuk liabiliti yang terbit daripada skim tersebut dalam penyata kewangan akibat daripada kewujudan perubahan-perubahan yang terlibat seperti harga pasaran pada tarikh pembelian semula dan bilangan unit untuk dibeli semula, yang mana ianya belum boleh ditentukan.

8. Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB")

Pada 7 Januari 2009, DASB telah memeterai Perjanjian Usaha Sama ("PUS") dengan anak syarikatnya, Bukit Damansara Development Sdn Bhd ("BDDSB") dan pihak ketiga, Impian Ekspresi Sdn Bhd ("IESB"). Menurut kepada PUS, IESB akan memperolehi dan membangunkan Kompleks Pusat Bandar Damansara ("PBD") dan sebidang tanah yang terletak berhampiran. Sebagai balasan, BDDSB berhak untuk menerima wang tunai sebanyak RM500 juta dan;

- (a) 500,000 kaki persegi ruang pejabat di dalam bangunan pejabat, yang akan dibina didalam cadangan pembangunan PBD dan tanah berhampiran;
- (b) Kelayakan menerima ruang pejabat dengan nilai pasaran sebanyak RM200 juta jika pembangunan yang dicadangkan dijalankan di tapak PBD sahaja.

Pada 31 Januari 2011, Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB") telah memeterai Perjanjian Tambahan ("PT") dengan IESB, untuk meminda atau menambah fasal kepada Perjanjian Usaha Sama ("PUS"). Menurut PT, semua pihak saling bersetuju bahawa Syarat Terdahulu yang masih belum dipenuhi pada 31 Januari 2011 telah digantung dan telah dijadikan Syarat Seterusnya untuk dipenuhi tidak lewat daripada 28 Februari 2011.

Satu Syarat Seterusnya adalah untuk melaksanakan Perjanjian Jual Beli ("PJB") dengan Kuan Choo Property Management Sdn. Bhd. (pemilik berdaftar dan pemaju VSQI), Malton Berhad (pemilik berdaftar VSQII) dan Pembinaan Gapadu Berhad (pemaju VSQII) untuk melupuskan VSQI dan VSQII sebagai balasan bagi hak untuk mendapat ruang pejabat dengan nilai pasaran sebanyak RM200 juta kepada DASB sebagaimana yang diperuntukkan dalam PUS itu.

Oleh kerana semua Syarat Seterusnya tidak dipenuhi pada atau sebelum tamat tempoh PT pada 28 Februari 2011, PJB tersebut tidak dilaksanakan dan pelupusan hartanah pelaburan adalah terbatal.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya
(Sambungan)

40. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

8. Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB")

Pada 25 November 2011, IESB, Khuan Choo Property Management Sdn Bhd dan Pembinaan Gapadu Berhad ("Plaintif") telah memulakan saman pelaksanaan spesifik terhadap DASB dan anak-anak syarikat ("Defendan") atas tuduhan gagal untuk memenuhi Syarat Terdahulu dan Syarat Seterusnya menurut Perjanjian Usaha Sama ("PUS") bertarikh 7 Januari 2009 dan Perjanjian Tambahan bertarikh 31 Januari 2011. Plaintif menuntut ganti rugi berjumlah RM67,633,528 sebagai ganti atau sebagai tambahan kepada pelaksanaan spesifik. Ini termasuk deposit sebanyak RM50,000,000 yang dibayar oleh IESB kepada anak-anak syarikat di bawah PUS. Defendan telah memfailkan pembelaan mereka pada 27 Disember 2012. Anak syarikat telah dimaklumkan bahawa ia mempunyai peluang yang secara relatifnya sama untuk mempertahankan saman itu dan seterusnya tiada peruntukan dibuat untuk tuntutan. Perkara ini telah ditetapkan untuk pendengaran pada 30 April 2013.

41. KELULUSAN PENYATA KEWANGAN UNTUK DITERBITKAN

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah mendapat kelulusan untuk diterbitkan selaras dengan keputusan Lembaga Pengarah pada 14 Mac 2013.

SENARAI ANAK-ANAK SYARIKAT DAN SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Negara diperbadankan	Kepentingan Efektif Kumpulan	
			Dis 2012 %	Dis 2011 %
1 BISNES ASAS				
A MINYAK SAWIT				
SYARIKAT-SYARIKAT AKTIF				
Dami Australia Pty Ltd	Penanaman kelapa sawit, kelapa dan pembiakan lembu	Australia	27.19	28.97
EPA Management Sdn Bhd	Pemegang pelaburan dan menyediakan perkhidmatan pengurusan dan perunding peladangan	Malaysia	55.53	57.16
Kula Palm Oil Limited	Penanaman dan pemprosesan kelapa sawit	Papua New Guinea	21.75	23.18
Kulim (Malaysia) Berhad #	Perladangan kelapa sawit, Pemegang pelaburan dan hartanah	Malaysia	55.53	57.16
Kulim Energy Sdn Bhd	Pemegang pelaburan dan peladangan kelapa sawit	Malaysia	55.53	57.16
Kulim Plantations (Malaysia) Sdn Bhd	Perladangan kelapa sawit	Malaysia	55.53	57.16
Kumpulan Bertam Plantations Berhad	Perladangan kelapa sawit	Malaysia	52.47	54.01
Mahamurni Plantations Sdn Bhd	Perladangan kelapa sawit	Malaysia	55.53	57.16
New Britain Nominees Limited	Beroperasi sebagai entiti undang-undang bagi pemilikan saham New Britain Palm Oil Ltd	Papua New Guinea	27.19	28.97
New Britain Oils Limited	Kilang penapis	United Kingdom	27.19	28.97
New Britain Palm Oil Ltd \$	Perladangan kelapa sawit	Papua New Guinea	27.19	28.97
New Britain Plantation Services Pte Limited	Penjualan tunas biji sawit	Singapura	27.19	28.97
Plantation Contracting Sevcies Limited	Kontrak kerja-kerja tanah dan projek pembuatan jalan	Papua New Guinea	27.19	28.97
Poliamba Limited	Penanaman kelapa sawit	Papua New Guinea	21.75	18.85
Pristine Bay Sdn Bhd	Pemegang pelaburan	Malaysia	77.32	78.15
PT Kulim Agro Persada	Perkhidmatan pengurusan	Indonesia	55.53	57.16
Ramu Agri-Industries Limited	Penanaman kelapa sawit, tebu dan pengeluaran lain-lain hasil pertanian	Papua New Guinea	27.19	28.97

SENARAI ANAK-ANAK SYARIKAT DAN SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

(SAMBUNGAN)

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Negara diperbadankan	Kepentingan Efektif Kumpulan	
			Dis 2012 %	Dis 2011 %
1 BISNES ASAS (SAMBUNGAN)				
A MINYAK SAWIT (SAMBUNGAN)				
SYARIKAT-SYARIKAT AKTIF (SAMBUNGAN)				
Selai Sdn Bhd	Perladangan kelapa sawit	Malaysia	55.53	57.16
SIM Manufacturing Sdn Bhd	Pengilang dan wakil penjual pelbagai jenis produk getah dan barangan yang diperbuat daripada getah	Malaysia	49.98	51.44
The Secret of Secret Garden Sdn Bhd	Pemasaran dan perniagaan barangan penjagaan peribadi	Malaysia	55.53	57.16
Ulu Tiram Manufacturing Company (Malaysia) Sdn Bhd	Perladangan kelapa sawit	Malaysia	55.53	57.16
United Malayan Agricultural Corporation Bhd	Perladangan kelapa sawit	Malaysia	55.53	57.16
SYARIKAT-SYARIKAT DORMAN				
Cita Tani Sdn Bhd	Penanaman tebu	Malaysia	55.53	51.45
Dumpu Limited	Pemegang hartanah	Papua New Guinea	27.19	28.97
EPA Futures Sdn Bhd	Dorman	Malaysia	55.53	57.16
KCW Roadworks Sdn Bhd	Dorman	Malaysia	41.65	42.87
Kulim Safety Training and Services Sdn Bhd (Dahulunya dikenali sebagai Palma Bumimas Sdn Bhd)	Perkhidmatan dan latihan OSHA	Malaysia	55.53	42.87
Nexsol (Malaysia) Sdn Bhd	Dorman	Malaysia	55.53	29.16
Panquest Ventures Limited	Dorman	British Virgin Island	55.53	57.16
Pembangunan Mahamurni Sdn Bhd	Pemegang pelaburan	Malaysia	55.53	57.16
Skellerup Foam Products (Malaysia) Sdn Bhd	Dorman	Malaysia	55.53	57.16
Skellerup Industries (Malaysia) Sdn Bhd	Syarikat induk dan pengilangan produk getah	Malaysia	55.53	57.16
Skellerup Latex Products (M) Sdn Bhd	Dorman	Malaysia	55.53	57.16

SENARAI ANAK-ANAK SYARIKAT DAN SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU (SAMBUNGAN)

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Negara diperbadankan	Kepentingan Efektif Kumpulan	
			Dis 2012 %	Dis 2011 %
1 BISNES ASAS (SAMBUNGAN)				
B HARTANAH				
SYARIKAT-SYARIKAT AKTIF				
